

Jilid III
Bil. 54



Hari Khamis
30hb November, 1989

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 9529]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1990

Jawatankuasa—

Jadual:

Maksud B. 21 hingga B. 24 [Ruangan 9575]

Maksud B. 25 [Ruangan 9578]

Maksud B. 26 [Ruangan 9611]

USUL:

Anggaran Pembangunan 1990

Jawatankuasa—

Maksud P. 21 hingga P. 24 [Ruangan 9575]

Maksud P. 25 [Ruangan 9578]

Maksud P. 26 [Ruangan 9611]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI
DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang
Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan
Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P.,
D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU,
S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai SipUt).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,
D.P.C.M. (Beras).

„ Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEN AL-
HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Kerjaraya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SERI RAFIDAH AZIZ,
S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, DATO'
DRHAJISULAIMANBINHAJIDAuo, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.s. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M.,
S.M.K. (Jerlun Langkawi).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN
YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

„ Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S.,
S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Kewangan, DATO' PADUKA DAIM ZAINUDDIN, D.H.M.S., S.S.A.P.
(Merbok).

„ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN LEE KIM SAI, P.P.N.
(Hulu Langat).

- Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK KASITAH DIN GADDAM, P.G.D.K. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.I.J., P.N.B.S., D.P.M.S., K.M.N. (Pulai).
- „ Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOP BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, D.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Menteri Buruh, DATO' LIM AH LEK, D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentung).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DATO HAJI MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., J.M.N., A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. YIJANDRAN (Kapar).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasar Salak).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' NG CHENG KUAI, D.P.M.P., A.M.P. (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).

Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).

Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).

Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).

Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).

Timbalan Menteri Pencrangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY (Silam).

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).

Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).

Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIIPPIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).

Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).

Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).

Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).

Timbalan Menteri Tenaga, Telckom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).

Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR TING CIEEW PEH (Gopeng).

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI AHMAD DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan,
TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, P.M.P., A.M.P. (Parit Buntar).

- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T., J.P. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K., (Koia Setar).
- „ DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K. A.M.K. (Kulim Bandar Baharu).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAP BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- „ DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SAMSON CHIN CHEE Tsu (Tawau).
- „ DR V. DAYID (Puchung).
- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).

Yang Berhormat DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).

- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ TUAN HAJI GHAZALJ BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIM BIN SAPIN @ SHAPAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K, (Sabak Bernam).
- „ TUAN Hu SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ DATO' ISMAIL @ MANSOR BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGA, P.B.S. (Kapii).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).
- „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
- „ TUAN LAW LAI HENG @ GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- „ DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM Krr SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- „ TUAN MAIDOM P. PANSAL (Kota Belud).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambangan).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).

- Yang Berhormat DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., PS (Kuala Kerai).
- „ TUAN HAJI MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- „ TUAN MOHAMED TAWPIK BIN TUN DR ISMAIL (Sutlgai Benut).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BiN YAAKOB (Rantau Panjang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.H. (Balik Pulau).
- „ TUAN HAJI MOHAMMED YUSOFF BIN HAJI AfIDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- „ DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ TUAN HAJI MOHD. SHARIP BIN JAMNG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAPAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.S.T.j. (Limbawang).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- „ TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- „ DR NICHOLAS MUNONG ANAK IBAU (Rajang).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- „ TUAN ONG TEE KEAT (Ampang Jaya).
- „ DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tapah).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).

Yang Berhormat TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. AI (Kinabatangan).

- „ DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ DATIN PADUKA HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
- „ DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Sempoma).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ DATO SHAIRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ PUAN HAJJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN S. S, SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.s. (Hulu Selangor).
- „ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Batang Lupar).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungei Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TIEU SUNG SENG @ TIU SIING SENG (Sibu).
- „ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).
- „ TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- „ DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE, P.S.D., P.M.P., A.M.P., A.M.N., J.P. (Tambun).
- „ PUAN Sm ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.I.K. (Besut).
- „ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, D.P.M.P.,
J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARUMEN

Ketua Penyunting: Hj. Yahya bin Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abdul Samad.

Jainah binti Sakimin.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 30hb November, 1989

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

*(Timbalan Yang di-Pertua mem-
pengerusikan Mesyuarat)*

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**PENYELUDUPAN—JUMLAH
KES DIBERKAS**

1. **Tuan Nurnikman bin Abdullah** minta Menteri Kewangan menyatakan berapakah kes penyeludupan atau membawa masuk barangan yang boleh dikenakan cukai secara haram ke Malaysia yang dapat diberkas oleh pihak Kastam pada 10 bulan pertama tahun ini. Berapakah pula jumlah harga barangan yang dirampas itu dan nilai cukai yang harus dibayar. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah ini.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Loke Yuen Yow): Tuan Yang di-Pertua, jumlah kes penyeludupan atau membawa masuk barangan yang boleh dikenakan cukai secara haram ke Malaysia yang dapat diberkas oleh pihak Kastam pada 10 bulan pertama tahun ini ialah 2,186 kes.

Jumlah harga barangan yang dirampas itu ialah sebanyak \$29,705,707.90 sahaja, manakala nilai cukai yang harus dibayar berjumlah \$14,662,879.35 sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah ini ialah:

- (i) mempertingkatkan aktiviti pencegahan seperti memperkerapkan

rondaan-rondaan darat dan laut, sekatan jalanraya dan operasi-operasi khas, pemeriksaan rapi ke atas kenderaan-kenderaan orang-orang serta bagasi-bagasi yang masuk ke dalam negara kila ini;

- (ii) menambah alau memperlengkapkan alat-alat lojistik yang sesuai selaras dengan irend dan *modus operandi* penyeludupan masa ini;
- (iii) menambahkan kakitangan pencegahan yang terlatih di Bahagian Pencegahan; dan
- (iv) merancang penambahan stesen-stesen pencegahan yang baru termasuk Marine Base di lempat-tempat strategik khususnya di Sabah dan Sarawak.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan sedar bahawa salah satu pintu masuk barang-barang secara haram ialah melalui Rantau Panjang dan juga melalui Padang Besar?

Mengcnai dengan laluan melalui Rantau Panjang, apakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar ada dua bentuk penyeludupan yang berlaku. Satu dijalankan oleh taukehtaukeh besar yang kita dapati dan ada difahamkan mereka ini mempunyai rangkaian operasi yang begitu tersusun, begitu rapi sehingga berjaya melepaskan banyak barang-barang yang perlu dicukaikan. Sebab itu kita lihat dan ada difahamkan bahawa kebanyakan taukehtaukeh ini hidup mewah. Apakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar dan apakah langkah untuk mengambil lindungan ke atas mereka ini?

Manakala golongan yang kedua ialah golongan yang cari makan, kais pagi makan pagi, kais petang makan petang iaitu peniaga-peniaga kecil yang selalunya dijadikan sasaran apabila mereka berdagang di antara Thailand dan juga dengan negara kita Malaysia. Jadi, apakah reaksi dan sikap Kerajaan bersabit dengan masalah ini, terutamanya untuk memberikan perlindungan kepada peniaga-peniaga kecil yang saya maksudkan tadi? Sekian, terima kasih.

Dato* Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan tambahan daripada Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas itu, saya bagi pihak Kementerian Kewangan ingin menyatakan bahawa Kerajaan sedar aktiviti-aktiviti penyeludupan juga berlaku di Rantau Panjang, Padang Besar dan tempat-tempat lain yang bersempadan dengan Thailand.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dua bentuk penyeludupan yang berlaku di Rantau Panjang iaitu yang disyaki dijalankan oleh taukeh-taukeh besar dan juga peniaga-peniaga kecil itu, penyeludupan-penyeludupan yang mungkin dilakukan oleh taukeh-taukeh besar itu, Kerajaan pun dengar perkara ini berlaku, tetapi oleh kerana sebarang aktiviti penyeludupan adalah haram, maka Kerajaan telah mengambil tindakan pada setakat ini yang dianggap berkesan bahawa penyeludupan-penyeludupan yang dilakukan oleh taukeh-taukeh besar akan dibcrhemikan dan ditangkap. Tetapi kadang-kadang aktiviti-aktiviti penyeludupan yang dijalankan oleh taukeh-taukeh besar itu kalau tidak ada bukti yang solid, dengan izin, maka sukarlah bagi Kerajaan untuk menangkap mereka,

Bagi peniaga-peniaga kecil pula yang melakukan penyeludupan untuk mencari makan secara kecil-kecilan atau kehidupan yang begitu sedikit, walau bagaimanapun, aktiviti ini adalah dianggap sebagai penyeludupan yang haram juga. Tetapi oleh kerana aktiviti-aktiviti ini lelah berlaku sejak beberapa lama sejak sejarah lalu, walaupun Kerajaan telah mengambil tindakan, tetapi nampaknya aktiviti tersebut susah hendak

diberhenlikan. Walau bagaimanapun, usaha-usaha masih dijalankan oleh Kerajaan untuk memberhentikan segala aktiviti penyeludupan termasuk aktiviti penyeludupan yang dilakukan oleh peniaga-peniaga kecil.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa ada kapal-kapal besar yang berlabuh di lengah-tengah laut dengan muatannya yang hendak diseludupkan ke negara ini, kapal-kapal itu menunggu perahu-perahu kecil datang kepadanya dan dibahagi-bahagi ke barang-barang itu kepada perahu-perahu kecil ini dan akhirnya membawa masuk dan menyeludup barang-barang tersebut ke dalam negara kita melalui pengkalan-pengkalan perahu di tempat-tempat berkenaan. Adakah pihak Kementerian ini bercadang untuk menubuhkan satu pasukan khas dalam Jabatan Kastam yang diperalatkan dengan alat-alatan komunikasi moden supaya dapat mengesan pergerakan-pergerakan yang moden ini ataupun penyeludupan berbentuk moden ini?

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya aktiviti-aktiviti penyeludupan yang berlaku di dalam negara kita ini ada beberapa bentuk dan ini adalah salah satunya bahawa ada kapal-kapal besar yang mungkin menjalankan aktiviti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sungei Petani. Tetapi nampaknya kapal-kapal besar ini sebelum mereka masuk ke dalam air negara kita atau laut ke negara kita, Kerajaan kita tidak botch buat apa-apa oleh kerana sebelum mereka melakukan aktiviti penyeludupan, Kerajaan tidak boleh mengatakan mereka menjalankan aktiviti yang haram. Walau bagaimanapun, Kerajaan sentiasa memberi perhatian ke atas aktiviti-aktiviti kepada kapal-kapal besar yang ada di dekat laut negara kita. Dan oleh kerana itu, Tuan Yang di-Pertua, seperti apa yang saya jawabkan tadi, Kementerian Kewangan sentiasa menjalankan dan sentiasa mengambil usaha untuk menambah atau melengkapkan alat-alat logistik ataupun membeli lebih

bot-bot laju untuk memberhentikan akuviti-aktiviti yang tidak sihat kepada negara kita.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran); Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar,

(Soalan No. 2 YM. Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar tidak hadir).

KES MENCULIK DAN MENYELUDUP BAYI

3. **Tuan Law Lai Heng** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) jumlah kes menculik dan seludup bayi dari Negara Thai ke Malaysia dan jumlah yang dapat ditangkap sejak tiga tahun kebelakangan ini;
- (b) golongan manakah yang membeli bayi setudup ini mengikut pecahan kaum dan pecahan jantina bayi; dan
- (c) adakah Kerajaan akan memperkenalkan langkah-langkah yang lebih ketat untuk menghapuskan kegiatan ini.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato* Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sejak tiga tahun kebelakangan ini, sejumlah 18 kes menculik dan menyeludup bayi telah ditangkap melibatkan 21 orang bayi, Perangkaan kes dan bilangan tangkapan mengikut negeri dalam tahun 1986-1988 adalah seperti berikut:

Negeri	Kes	Bayi
Perlis	13	13
Perak	1	2
Kelantan	3	3
Pahang	1	3
	18	21

- (b) Kementerian tidak dapai menentukan golongan yang membeli bayi tersebut. Namun begitu, mengikut maklumat dari penyeludup dan mereka yang ditangkap

bersabit dengan penjualan bayi, golongan yang membeli bayi ini adalah mereka yang tidak mempunyai anak atau mereka yang mandul ataupun keluarga berada tetapi anak-anak telah pun bcsar. Kesemua kaum terlibat dalam masalah ini. Hampir 67% dari jumlah yang diseludup ialah bayi lelaki.

- (c) Kerajaan berpendapat bahawa langkah-langkah pencegahan yang diambil sekarang adalah berkesan bagi menumpas kegiatan ini. Buat masa kini, empat agensi Kerajaan yang terlibat secara langsung mencegah penyeludupan bayi iaitu Jabatan Polis Di-Raja Malaysia, Jabatan Imigresen, Jabatan Kastam dan Eksais Di-Raja dan Kementerian Kcbajikan Masyarakat Polis Di-Raja Malaysia menjalankan beberapa langkah seperti rondaan oleh pihak PPH, UPP dan UKK di samping sekatan jalanraya dan pemeriksaan mengejut di jalan-jalan masuk di sepanjang sempadan Malaysia termasuk rondaan Polis Laut

Tuan Lee Lam Thye; Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada Kementerian beliau juga mendapat maklumat tentang kes-kes menculik dan menyeludup bayi dari Malaysia ke negeri Thai. Dan sekiranya ada maklumat ini, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu bilangan kes yang dikenalpasti oleh Kementerian dan sama ada pihak Polis Di-Raja Malaysia mempunyai satu unit khas yang bertujuan untuk mencegah masalah ini dari berlaku?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, sctakat ini pihak Polis Di-Raja Malaysia belum lagi menerima maklumat atau laporan berkenaan dengan bayi-bayi daripada Malaysia diseludup ke negeri Thai ataupun negara-negara jiran yang lain. Bagaimanapun, kita harus berwaspada sebelum perkara ini berlaku

dan kalau sekiranya ia berlaku, keadaan yang sama seperti mana kita mencegah bayi masuk ke negara ini juga akan kita lakukan.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, dari jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, sebab-sebab mengapa mereka ini menculik bayi ialah kerana mandul, tidak ada anak, tua, kerana anak-anak sudah besar dan sebagainya. Nampaknya, dari segi keperimusiaan mereka ini memerlukan anak dan tidak sepatutnya kita halang mereka itu untuk mendapatkan anak, kalau sekiranya dapat diadakan anak itu secara halal. Kita juga sekarang mendengar banyak cerita mengenai orang-orang membuang anak. Jadi, kenapa kita tidak cantumkan wujudkan satu unit khas supaya dapat dikumpulkan anak yang dibuang ini supaya mungkin daripada menyeludup anak, mereka gemar dan berminat untuk mendapat anak daripada unit khas ini. Soalan saya adakah Kerajaan bercadang untuk menubuhkan unit khas ini mungkin supaya dapat diselaraskan yang menyeludupkan bayi dikurangkan, yang membuang anak pun dikurangkan?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, eloklah saya betulkan sedikit tentang kefahaman yang difahamkan oleh wakil dari Simunjan, bukan yang menculik itu mandul, yang membeli bayi itu yang mandul. Yang menculik ini mungkin sesiapa sahaja tetapi orang-orang yang membeli itu mungkin mandul, mungkin anak sudah besardan sebagainya.

Tentang masalah keperimusiaan, ada cara-cara yang mengikut undang-undang boleh dilakukan. Jadi, eloklah kita mengikut undang-undang yang ada. Tentang unit khas ini, saya ingat ini adalah luar bidang kuasa Kementerian Dalam Negeri,

AL-ARQAM—PENUBUHAN MARKAS DI LUAR NEGERI

4. Tuan Haji Mohamad bin Abdullah minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada beliau sedar Darul Arqam sedang menubuhkan markasnya di luar negeri

seperti Bangkok, Thailand; Cairo, Mesir; Karachi, Pakistan dan Singapura. Jika sedar, mengapakah usaha penyebaran amalan Aurat Muhammadiyah yang dianggap menyeleweng oleh Pusat Islam itu di biarkan berkembang di dalam dan di luar Malaysia.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Dr Abdullah Fadil bin Che Wan): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar bahawa Kumpulan Al-Arqam menubuhkan markas-markasnya dan menjalankan kegiatan dakwah dan juga penyebaran ajaran Tarikat Aurat Muhammadiyah di luar negeri iaitu di kalangan masyarakat Islam tempatan dan juga pelajar-pelajar Malaysia yang sedang belajar di luar negeri. Ini termasuk di tempat-tempat yang dinyatakan oleh Yang Berhormat

Kegiatan Al-Arqam di kalangan masyarakat Islam tempatan di luar negeri adalah di luar bidang kuasa Kerajaan. Oleh kerana Kerajaan kita tidak mempunyai hak untuk mencampuri urusan dalam negeri negara-negara berkenaan terpujanglah kepada negara tersebut untuk mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap kegiatan ini. Tetapi Kerajaan Malaysia sentiasa mengikut perkembangan kegiatan mereka di kalangan pelajar-pelajar Malaysia di luar negeri. Bilangan pelajar-pelajar Malaysia yang menyertai pergerakan Al-Arqam di luar negeri khususnya di tempat-tempat yang dinyatakan adalah sangat kecil atau hanya beberapa orang sahaja. Di Kaherah misalnya pelajar-pelajar kita yang sebahagian besar bilangan mereka mengikuti kursus-kursus keagamaan tidak tertarik dengan tarikat yang dibawa oleh Kumpulan Al-Arqam.

Tindakan yang diambil oleh Kerajaan ialah dengan memberi penerangan kepada pelajar-pelajar kita di luar negeri bahawa Tarikat Aurat Muhammadiyah yang dibawa oleh Kumpulan Arqam ini telah difatwakan sesat oleh Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan dalam tahun 1981 dan telah pun diharamkan oleh Pusat Islam dan Majlis-majlis Agama Islam Negeri.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa

Arqam ini bukan satu pertubuhan berdaftar secara sah dari segi kecondak Pendaftar Pertubuhan. Apakah Arqam ini pernah memohon untuk mendaftarkan sebagai sebuah pertubuhan ataupun belum? Kalau belum, kalau Arqam memohon untuk didaftarkan apakah ianya akan ditimbang? Oleh kerana sebagai sebuah pertubuhan yang tidak berdaftar bergerak di luar negeri dengan mengembangkan Aurad Muhammadiyah yang dikatakan tidak betul dari segi pandangan Majlis Fatwa Kebangsaan, ianya sesuatu yang serius, bukan dari segi masalah kecil bilangan ataupun tidak, kerana soal salah, salahlah, tinggal lagi ianya penting dari segi prinsip hukum yang harus dibcari perhatian, kalau perkara ini sebagaimana yang dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi.

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che

Wan: Tuan Yang di-Pertua, Pertubuhan Al-Arqam tidak didaftarkan di Malaysia mahupun di mana-mana negeri di seluruh dunia. Mengikut pendapat Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri mengatakan pihak Al-Arqam pun tidak pernah memohon untuk didaftarkan dengan Pendaftar Pertubuhan negara kita dan sekiranya mereka memohon, saya kira pihak Kementerian Dalam Negeri akan membuat tinjauan dan memberi jawapan yang tertentu.

Memang kita pandang serius tentang kegiatan Al-Arqam, baik dalam mahupun di luar negeri. Itulah sebab mengapa pihak Kerajaan sentiasa memberi penerangan dan menasihati, lebih-lebih lagi kepada pelajar-pelajar kita di luar negeri supaya menjauhi daripada ajaran yang dibawa oleh Al-Arqam. Pada keseluruhannya kita percaya pihak yang melibatkan diri mereka di dalam Al-Arqam itu amat kecil sekali dari segi jumlahnya.

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Timbalan Menteri. Diperhatikan kepada soalan ini nampaknya pusat yang ditubuhkan oleh Arqam itu adalah terdiri daripada negara-negara yang dipanggil negara-negara Islam seperti Mesir ataupun Pakistan. Kalau Al-Arqam boleh menubuhkan

pusat rekreasi di Kaherah ataupun di Karachi, Pakistan; dua buah negara Islam apakah pernah Kerajaan Malaysia mendapat "second opinion", dengan izin, pendapat kedua, mengenai kegiatan Al-Arqam ini kerana kalau dalam pertimbangan Kerajaan Malaysia bahawa apa yang dilakukan oleh Al-Arqam itu sebagai salah mengikut pandangan kita, apakah pada pandangan Kerajaan Mesir ataupun pandangan Kerajaan Pakistan. Pernahkah Kerajaan Malaysia mendapat pandangan daripada Kerajaan Mesir atau Pakistan kerana Kerajaan Mesir dan Pakistan membenarkan Al-Arqam ini menubuhkan markas mereka di negara-negara tersebut?

Soalan yang kedua, Aurad Muhammadiyah ini satu sahaja daripada sebahagian besar Al-Arqam dan pada pandangan setengah orang Al-Arqam cuba mempromosikan gerakan itu sebagai satu cara hidup Islam mengikut pandangan hidup Islam. Sebab itu mereka terlibat bukan sahaja dari segi keugamaan bahkan dari segi ekonomi, sosial, percubaan dan sebagainya. Apakah kerana Tarikat Aurad Muhammadiyah sahaja menyebabkan keseluruhan Al-Arqam itu dipandang sebagai satu pergerakan yang tidak boleh diikuti dan satu pergerakan yang dianggap haram di sisi pandangan Kerajaan kita. Saya mohon penjelasan.

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che

Wan: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya bukan Al-Arqam ini menubuhkan di negara-negara Islam sahaja untuk menubuhkan cawangan-cawangan mereka, malah terdapat juga di Amerika Syarikat, di United Kingdom dan di Australia juga terdapat cawangan Al-Arqam ditubuhkan tetapi secara kecil-kecilan sahaja. Berkenaan cawangan-cawangan di negeri Islam, kita cuma tahu bahawasannya, saya pun pernah belajar di Pakistan dahulu, di Pakistan itu boleh dikatakan berpuluh-puluh cawangan ataupun pertubuhan-pertubuhan dakwah seperti Al-Arqam ini wujud dengan begitu sihat, dengan begitu subur sekali maka tidak hairanlah mengapa walaupun wujud di Pakistan sebuah cawangan Al-Arqam ianya boleh terus wujud oleh kerana

di sana memang banyak terdapat pertubuhan-pertubuhan dakwah, malah mazhab-mazhab yang tertentupun begitu berleluasa berlaku di negara-negara seperti Pakistan dan Mesir. Tetapi seperti yang saya katakan sebentar tadi di Kaherah pun, walaupun wujud Al-Arqam ataupun mahu diwujudkan di sana tetapi sambutan daripada pelajar-pelajar kita amat dingin sekali hingakan tidak mampu pihak Al-Arqam mewujudkan sebuah cawangan di Kaherah.

Berkenaan dengan soalan kedua, Aurad Muhammadiyah merupakan dasar yang utama yang terpenting yang dibawa oleh pengikut Al-Arqam di mana kita mendapati ia melanggar kepercayaan kita dan telah pun difatwakan sebagai sesat. Selain daripada itu, terdapat juga lain-lain fahaman, lain-lain kegiatan dan lain-lain konsep yang dibawa oleh pemimpin-pemimpin Al-Arqam yang mana bercanggah terang-terang dan terus-menerus dengan kepercayaan kita terhadap agama Islam yang sebenarnya yang banyak sangat untuk saya menyenaraikan di sini dan kalau perlu, pihak saya boleh memberikan kepada Yang Berhormat tentang apakah perkara-perkara yang dibawa oleh pemimpin-pemimpin Al-Arqam yang bercanggah dengan fahaman kita.

Timbalan Yangdi-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Tuan Mjchael Asang.

(Soalan No. 5 Y.B. Tuart Michael Asang tidak hadir).

SUKAN SEA

6. **Tuan Haji Hussein bin Haji Taib** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan berapa lamakah latihan telah diambil bagi membuat persiapan semasa pembukaan Sukan SEA baru-baru ini dan adakah ganjaran diberikan kepada setiap belia dan beliawanis yang mengambil bahagian dalam setiap persembahan itu dan adakah ganjaran itu munasabah dan berpatutan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan (Tuan Haji Awang bin

Jabar): Tuan Yang di-Pertua, latihan untuk acara pembukaan rasmi Sukan SEA memakan masa hampir 5 bulan.

Penglibatan para belia dalam upacara pembukaan rasmi ini adalah dianggapkan sebagai satu penghormatan kepada diri mereka, yang mereka boleh sumbangkan kepada negara di dalam persiapan Sukan SEA itu. Bilangan yang terlibat dalam persiapan ini ialah lebih kurang 10,000 orang. Ini adalah satu bilangan yang besar dan persiapan yang memakan masa yang panjang juga melibatkan satu perbelanjaan yang tinggi. Memang ada ganjaran yang diberi kepada mereka yang terlibat di dalam persiapan ini tetapi ganjaran ini bukanlah sebagai upahan tetapi semata-mata bagi menampung atau membantu mereka atas perbelanjaan pengangkutan mereka untuk datang berlatih. Mereka ini juga dibekalkan dengan makanan dan minuman secukupnya setiap kali mereka tampil untuk berlatih.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Lima bulan latihan untuk upacara perasmian Sukan SEA apakah ianya bukan satu masa yang panjang dan membazirkan oleh kerana ianya melibatkan sedikit sebanyak bantuan, ganjaran sebagaimana disebut oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi? Dan yang kedua, apakah ganjaran yang telah diberi kepada dua orang yang turut terlibat dalam upacara latihan perasmian Sukan SEA iailu payung terjun yang akhinya meninggal dunia yang menjadi kemuncak pcta Sukan SEA pada anggapan sayalah, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, apakah ganjaran yang diberi dan kalau pun diberi adakah memadai dengan apa yang telah diberi yang menyebabkan kemalangan berlaku ke atas dua orang yang turut terlibat dalam latihan upacara payung terjun di waktu persiapan Sukan SEA baru-baru ini?

Tuan Haji Awang bin Jabar: Tuan Yang di-Pertua, pembaziran tidak berlaku walaupun kila mengambil masa lima bulan untuk mengadakan latihan bagi acara pembukaan rasmi Sukan SEA itu kerana latihan tidaklah diadakan setiap hari. Dan latihan yang memakan masa lima bulan ini

telah memberi satu hasil yang besar kepada negara kita yang mana dunia sudah tahu tentang orang Malaysia ini pandai bersukan dan pandai juga unluk mengadakan pertunjukan-pertunjukan yang agak baik.

Kepada dua jaguh yang menghadapi kemalangan semasa berlatih untuk payung terjun, memang ada diberi tetapi kita merasakan pemberian itu tidak cukup. Dan marilah sama-sama kita berdoa semoga roh mercka berdua ditempatkan di syurga Allah kerana mercka sudah berjuang untuk ncrgara kita.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mcndapat penjelasan dari Yang Berhormat Setiausaha Parlimcn, siapakah sebenamya di belakang kejayaan Sukan SEA ini dan apakah ganjaran yang telah diberi kepadanya.

Tuan Haji Awang bin Jabar: Tuan Yang di-Pertua, secara umumnya Kerajaan Malaysia dan rakyat Malaysia dan secara khususnya ialah Kementerian Belia dan Sukan. (*Ketawa*)

WAD BERSALIN DI HOSPITAL TAWAU

7. Tuan Samson Chin Chee Tsu minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar bahawa wad bersalin di hospital Tawau telah dibanjiri air baru-baru ini; dan
- (b) bilakah bangunan hospital tersebut akan dibaiki secara keseluruhan dan dicat semula supaya dapat memberikan pandangan yang lebih terhormat daripada yang ada sekarang.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Tuan Chua Jui Meng): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pada bulan Julai tahun ini wad bersalin di Hospital Tawau telah dimasuki air hujan menerusi kebocoran pada bahagian bumbung wad berkenaan akibat daripada

skkatan daun-daun kering pada saluran air di kaki-kaki bumbung. Walau bagaimanapun, dengan kerjasama Jabatan Kerjaraya saluran air yang tersekat telah dibersihkan manakala kebocoran pada bumbung telah juga dibaiki.

- (b) Kerja-kerja penyelenggaraan sentiasa dijalankan di Hospital Daerah Tawau. Antaranya pada tahun 1987 sejumlah \$36,000 dibelanjakan untuk kerja-kerja penyelenggaraan. Pada tahun 1988 sejumlah \$40,000 telah dibelanjakan. Bagi tahun 1989 sejumlah \$215,000 telah dibelanjakan untuk kerja pembaikan termasuk \$44,000 untuk mengecat semula kawasan luar hospital berkenaan.

DASAR EKONOMI BARU— KEMAJUAN

8. Tuan Mutang Tagal minta Perdana Menteri menyatakan sejak Dasar Ekonomi Baru dilancarkan sembilan belas tahun sebelum ini, apakah kejayaan sebenar yang dicapai dari segi pengwujudan para usahawan Bumiputera di semua bidang ekonomi seperti perniagaan, pertanian, kewangan, sektor pembuatan dan perkilangan, insurans dan sebagainya. Apakah badan-badan tertentu yang ditugaskan untuk membantu para usahawan-usahawan Bumiputera ini dan sejauh manakah badan-badan tertentu berjaya dalam membantu usahawan tersebut.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman): Tuan Yang di-Pertua, semenjak Dasar Ekonomi Baru dilancarkan pada tahun 1970 beberapa petanda telah mcnunjukkan bahawa kemajuan telah dicapai di dalam usaha mempertingkatkan penglibatan kaum bumiputera di dalam bidang perdagangan dan perindustrian dengan wujudnya usahawan-usahawan bumiputera yang terlibatdi dalam pelbagai kegiatan ekonomi baik secara langsung atau secara usahasama.

Dari segi pendaftaran perniagaan dengan Pendaftar Perniagaan, jumlah individu bumiputera dan perkongsian bumiputera yang berdaftar sehingga Ogos 1989 ialah 240,264 atau 34.4% berbanding dengan 22.3% pada tahun 1975.

Pada keseluruhannya, pegangan bumiputera dalam sektor korporat meningkat daripada 2.4% pada tahun 1971 kepada 19.4% pada tahun 1988. Dari jumlah ini sebanyak 6.4% pegangan agensi amanah dan sebanyak 13.9% pegangan individu bumiputera yang kebanyakannya disumbang oleh tabung pelaburan seperti Amanah Saham Nasional, Tabung Haji dan sebagainya.

Pemilikan individu bumiputera dalam syarikat-syarikat awam masih kecil. Sungguhpun terdapat kemajuan dalam penglibatan bumiputera dalam kegiatan ekonomi, kemelesetan ekonomi yang dialami dalam tahun 1985/1986 telah banyak menjejaskan perniagaan bumiputera.

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia makluti, Kerajaan melalui agensi-agensinya telah menyediakan berbagai jenis program seperti latihan, khidmat nasihat dan bimbingan, kemudahan kredit dan lain-lain kemudahan sokongan untuk mempertingkatkan kegiatan dan kedudukan usahawan-usahawan bumiputera melalui MARA, Pusat Daya Penguasaan Negara, Pusat Pembangunan Usahawan Malaysia (MADEC), Bank Pembangunan, Perbadanan Jaminan Kredit (CGC), UDA, Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri, MARDI, SIRIM dan PemasEdar dan Pemas Trading.

Dato' Dr Affudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, di dalam satu statement mengenai Dasar Ekonomi Baru yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak lama dulu usahasama secara aktif di antara usahawan bumiputera dan usahawan bukan bumiputera adalah digalakkan dan bukan usahasama yang secara "Ali Baba", di mana "Baba" sahaja aktif, dan "Ali" tidur.

Soalan saya, Tuan Yang di-Pertua, bagaimanakah Kerajaan hendak tahu bahawa sesuatu usahasama itu aktif di kedua belah pihak dan kalau boleh saya minta secara kasar berapa percentsyah syarikat-syarikat yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi ini yang didatar. Itu adalah usahasama aktif dan usahasama secara "Ali Baba".

Soalan kedua, Tuan Yang di-Pertua, adakah Jabatan Perdana Menteri (JPM) membuat apa-apa kajian mengenai usahasama ini khususnya untuk tujuan membuktikan bahawa tuduhan yang mengatakan ekuiti 30% yang diberi untuk bumiputera itu di bawah ICA di bawah rangkuman Dasar Ekonomi Baru itu menghalang kemajuan pembangunan perusahaan atau sebaliknya?

Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memanglah mengharapkan supaya usahasama yang dapat digalakkan antara kaum bumiputera dengan bukan bumiputera itu seboleh-bolehnya adalah yang bercorak benar-benar penglibatan daripada kedua-dua belah pihak. Namun demikian, dari segi untuk mengkaji dan menyelaraskan sama ada ianya benar atau tidak, itu amatlah sukar kerana peringkat membuat dasar biasanya ada cara-cara dan prosedur yang digunakan oleh Kerajaan bagi memastikan kesahihan penglibatan pihak-pihak yang seharusnya terlibat di dalam usahasama ini. Tetapi pandangan Yang Berhormat itu akan diambil kira oleh Kerajaan.

Berkenaan dengan sama ada Jabatan Perdana Menteri ada membuat beberapa kajian, kajian-kajian memang dijalankan tetapi buat masa ini belum mendapat maklumat-maklumat yang lebih terperinci.

Berkenaan dengan soalan satu lagi berkenaan dengan ekuiti tadi, saya minta maaf. Bolehkah Yang Berhormat ulangan?

Dato' Dr Affudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, mengenai apakah kajian yang dibuat untuk membuktikan bahawa tuduhan yang mengatakan ekuiti 30% yang diwajibkan diberi kepada

bumiputera di bawah DEB itu, adakah ia menghalang kemajuan perusahaan atau pun sebaliknya iaitu menggalakkan kemajuan perusahaan? Yang mana betul? Adakah ia menghalang? Adakah kajian dibuat untuk mengetahui sama ada ia menghalang ataupun menggalakkan?

Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Sebenarnya keperluan untuk memastikan supaya ekuiti ini diambil kira adalah untuk membolehkan rancangan Kerajaan itu berjalan dengan maju dan kajian ini belum ada dijalankan.

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat tahu apakah kedudukan sebenarnya pemilikan bumiputera dari segi pemilikan kekayaan dalam negara ini dan adakah pemilikan kekayaan ini menyebabkan orang-orang bukan Melayu kehilangan hak mereka. Apakah pemilikan ini disebabkan pertumbuhan ekonomi ataupun disebabkan kerana pengambilan daripada hak yang dimiliki oleh orang-orang bukan Melayu kerana ini sering disuarakan oleh orang-orang bukan Melayu kerana pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru itu dikatakan sebagai menyeleweng dan sebagainya.

Kedua, apakah Kerajaan sedar bahawa badan-badan ataupun agensi-agensi Kerajaan yang diamanahkan untuk membimbing serta membangunkan ekonomi orang-orang Melayu sebenarnya tidak kurang berfungsi sebagaimana yang diharapkan. Apakah kajian telah dibuat dan sejauh mana peranan yang telah dimainkan? Apakah benar-benar berkesan atau tidak berkesan dalam membangunkan ekonomi orang-orang Melayu kerana apa yang dilihat kebanyakan daripada mereka gagal, bahkan mereka ini merupakan golongan yang menyaingi sama apa-apa sahaja yang diusahakan oleh orang-orang Melayu, bukannya membimbing tetapi menjadikan saingan terhadap pembangunan ekonomi.

Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya maklumkan tadi bahawa

kedudukan pencapaian adalah seperti yang telah diturunkan dalam data-data iaitu telah menganggarkan satu peningkatan daripada petunjuk-petunjuk yang telah ditunjukkan. Dari segi sektor-sektor pula, memanglah terdapat begitu banyak perkembangan ataupun peningkatan seperti dalam sektor binaan, pembuatan, pemborongan, peruncitan, perladangan dan adalah tidak benar mengatakan bahawa dasar Kerajaan untuk memberi peluang kepada bumiputera itu sebenarnya merupakan sesuatu halangan kepada pihak lain kerana Kerajaan terbuka, cuma untuk membolehkan satu keadaan di mana bumiputera turut boleh memainkan dalam budaya yang semakin digalakkan untuk meningkatkan keupayaan perniagaan.

Keduanya, berkenaan dengan badan-badan dan agensi-agensi Kerajaan, seperti Yang Berhormat sedia maklum, kita mempunyai banyak agensi Kerajaan yang wujud untuk memberi berbagai jenis bimbingan dan juga perkhidmatan dan meskipun ada jabatan atau agensi yang wujud untuk bergerak dan terlibat di dalam usaha perusahaan-perusahaan dan sebagainya, tetapi ini tidaklah mengurangkan peluang daripada kalangan bumiputera sama ada persendirian ataupun kumpulan. Seperti contoh, kita sedia maklum bahawa badan-badan dan agensi-agensi seperti MARA, Pusat Daya Pengeluaran Negara, Pusat Pembangunan Usahawan Malaysia, MARDI, SIRIM dan sebagainya adalah di antara agensi-agensi yang diwujudkan khusus untuk memberikan khidmat dan juga bimbingan di mana yang perlu. Bagi badan-badan yang ada perusahaan masing-masing, kalau mereka mempunyai keupayaan tidaklah boleh dianggarkan menyusahkan kumpulan kaum bumiputera untuk melibatkan diri bersama di dalam usahawan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Yijandran): Yang Berhormat Tuan Maidom P. Pansai.

(Soalan No. 9 Y.B. Tuan Maidom P. Pansai tidak hadir).

TIMAH—KEKURANGAN PENGELUARAN

10. Tuan Hsing YinShean minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah sebab-sebab utama yang mengakibatkan berkurangan pengeluaran timah dalam beberapa tahun yang lalu. Menurut tinjauan yang dibuat oleh Jabatan Penyelidikan Perlombongan dan Geologi (Mines and Geological Survey Department) negara kita berpotensi untuk mengeluarkan lebih 30 jenis "hard rock mineral", adakah Kerajaan akan menimbang untuk memberi keutamaan kepada sektor perlombongan. Jika tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Alias bin Md. Ali) Tuan Yang di-Pertua, pengeluaran timah negara bergantung kepada beberapa faktor seperti endapan, mutu endapan, harga limah, permintaan dunia serta kedapatan tanah perlombongan. Salah satu atau gabungan di antara faktor-faktor tersebut akan menentukan pengurangan atau pertambahan pengeluaran.

Di Malaysia umumnya, tanah-tanah lombong yang kedapatan sekarang ini mengandungi timah yang bermutu rendah. Ini diakibatkan kerana tanah-tanah tersebut diusahakan sudah beberapa kali dan tanah-tanah lombong baru tidak mudah diperolehi. Pada masa yang sama akibat daripada kejatuhan pasaran timah sejak bulan Oktober 1985, terdapat lebihan timah yang besar dalam pasaran yang mengakibatkan kejatuhan harga timah. Harga timah yang rendah telah tidak menggalakkan aktiviti perlombongan khususnya bagi lombong-lombong yang mempunyai kos pengeluaran yang tinggi. Di samping itu akibat dari kemelesetan ekonomi dunia pada pertengahan tahun 80an, penggunaan timah juga turut merosot. Dengan yang demikian, pengeluaran timah negara telah berkurangan akibat faktor-faktor seperti yang dinyatakan di atas.

Mengenai bahagian dua daripada soalan ini, Jabatan Penyiasatan Kajibumi bersama-sama dengan Jabatan Galian telah mengenalpasti lebih daripada 30 jenis

mineral yang terdapat di Malaysia. Mineral tersebut adalah terdiri daripada jenis-jenis batuan keras (hard rock) dan juga lana (alluvial). Kerja-kerja carigali oleh Jabatan Penyiasatan Kajibumi telah menyempadankan simpanan berpotensi tembaga di Sabah dan Pahang, arang batu di Sabah dan Sarawak dan emas serta mineral perusahaan seperti batu kapur, ball clay, kaolin, di Johor, Kelantan, Pahang, Perak, Sarawak dan Terengganu. Malaysia mempunyai keupayaan sebagai pengeluar utama tembaga, arang batu, emas dan lain-lain mineral perusahaan.

Memanglah menjadi dasar Kerajaan untuk mempelbagaikan perusahaan mineral negara daripada tertumpu kepada timah sahaja dan dalam hubungan ini, Kerajaan sedang dalam proses mengubal satu dasar pembangunan mineral yang bertujuan untuk mengemaskinikan perundangan serta peraturan-peraturan yang terdapat sekarang ini dan mewujudkan galakan-galakan yang sesuai untuk menarik minat pelabur tempatan dan asing untuk melabur dalam bidang mineral. Dengan adanya dasar ini, kita berharap perusahaan mineral dalam negara akan dapat dimajukan lebih pesat lagi pada masa akan datang.

Tuan S. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada pihak Kementerian Perusahaan Utama yang telah membuat satu dasar untuk menggalakkan industri perlombongan di negara kita. Di samping itu saya ingin bertanya adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar satu halangan besar yang menghalang industri perlombongan ialah sikap yang telah diambil oleh pihak Kerajaan Negeri yang enggan untuk memberi tanah kepada pihak-pihak yang berminat untuk menjalankan urusan perlombongan. Apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak Kementerian ini untuk mengatasi masalah ini?

Kedua, adakah pihak Kementerian sedar beberapa penyelewengan sedang berlaku di atas pemberian tanah perlombongan kepada pihak-pihak yang sebenar-benamnya berminat untuk menjalankan kerja-kerja perlombongan dan pada akhirnya pihak-

pihak yang tidak begitu berminat tetapi hanya berminat untuk mencari keuntungan secara mudah telah mendapat tanah-tanah lombong ini. Apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak Kementerian ini untuk mengatasi masalah ini?

Dato' Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, soal pembahagian kawasan lombong adalah di dalam bidang kuasa Kerajaan Negeri. Terpujang kepada budibicara Kerajaan-kerajaan Negeri sama ada kawasan-kawasan yang telah dikenalpasti sebagai mempunyai endapan galian itu hendak dimajukan ataupun sebaliknya disimpan untuk generasi akan datang.

Begitu jugakepada soalan kedua, kepada siapa hendak diberikan, itupun terpujang kepada budibicara Kerajaan-kerajaan Negeri yang berkenaan. Sckiranya Ahli Yang Berhormat dari Hulu Selangor mempunyai maklumat-maklumat lertcntu bahawa memang ada penyelewengan yang khusus berlaku dalam pembahagian tanah yang terang-terang melanggar peraturan-peraturan dan undang-undang ncgara, Ahli Yang Berhormat dari Hulu Selangor patutlah membual laporan kepada pihak yang berwajib supaya tindakan-tindakan dapat diambil. Tetapi saya ingin mcnjelaskan sekali lagi bahawa di dalam soal pemberian kawasan perlombongan itu, kuasa mutlak adalah terserah kepada budibicara Kerajaan masing-masing.

Timbalan Tuan Yangdi-Pertua (Tuan D. P. Yijandran); Yang Berhormat Tuan Mohammed Yusoff bin Haji Abdul Laliff.

(Soalan No. 11 Y.B. Tuan Mohammed Yosoffbin Haji Abdul Latiff tidak hadir).

PENCEMARAN PERINDUSTRIAN

12. **Tuan Sim Kwang Yang** minta Menteri Sains, Tcknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah langkah yang telah diambil untuk mengawasi masalah pencemaran alam sekitar di kawasan Bandar Kuching, khasnyadi kawasan Bintawa dan Pending yang sedang mcngalami pncemaran pcrindustrian.

Menteri Sains, Teknologi dan Alatn Sekitar (Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze):TuanYang di-Pertua,keadaan kualiti alam sekitar bandar Kuching pada keseluruhannya adalah baik dan terkawal. Masalah pencemaran alam sekitar dt kawasan Bintawa dan Pending merupakan masalah pencemaran udara yang berpunca dari industri berasaskan kayu. Cara perlupusan buangan kayu dengan insinerator yang lama dan tidak cekap serta kekurangan zon penampnan yang sesuai telah mntdatangkan gangguan kepada penduduk tempatan.

Satu dailog dengan pengusaha-pengusaha kilang kayu ini telah diadakan pada 10hb Julai lahun ini yang dipengerusikan oleh saya sendiri. Para pengusaha lelah diberitahu mengenai cara pengendalian buangan kayu yang tidak tepat serta rekabcntuk insincrator yang kurang sesuai. Mereka selanjutnya tetah diberi arahan supaya meningkatkan kecekapan alat kawalannya serta memperbaiki dan menukar insineratornya kepada jenis yang lebih berkesan cara kebakarannya.

Setakat ini, tindakan undang-undang telah diambil terhadap mereka yang mematuhi nasihat dan arahan Jabatan Alam Sektlar. Sebuah kilang lelah dikenakan perintah larangan supaya tidak menggunakan insincratornya sehingga diperbaiki. Tindakan yang sama sedang dipertimbangkan terhadap liga kilang lain jika didapati kcmajuan krja mcperbaiki tidak mcmuaskan. Denda kompaun juga tclah dikenakan atas lapan kilang lain. Tindakan undang-undang akan terus diambil terhadap kilang yang lain sekiranya didapati masih tidak bcrusaha memperbaiki keadaan pencemaran.Sekiranya kilang yang dikenakan perintah larangan boleh menunjukkan bukti bahawa tindakan telah diambil unruk mcperbaiki operasi kilang seperti mcmbuat pesanan untuk insincrator dan alat-alat baru maka pertimbangan bolch diberi supaya perintah itu dilonggarkan selama enam minggu untuk mematuhi kehendak-kehendak undang-undang. Selain daripada itu,pihak Sarawak Timber Industry Development Corporation (STIDC) telah

menubuhkan satu jawatankuasa teknikal untuk membuat kajian mengenai cara lupusan buangan industri dan membantu pihak industri mengatasi masalah pencemaran udara.

Jabatan Alam Sekitar juga telah mendesak pihak berkuasa bandaraya Kuching supaya insinerator yang mereka bercadang untuk membeli menggunakan bahan buangan kayu ini sebagai bahan api untuk menghasilkan kuasa elektrik.

PENSWASTAAN AGENSI-AGENSI KERAJAAN

13. Tuan Madatang Morejal minta Perdana Menteri menyatakan dasar-dasar Kerajaan bagi penswastaaan agensi-agensi Kerajaan dan Badan-badan Berkanun.

Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, dasar penswastaaan Kerajaan yang mula dilaksanakan sejak tahun 1983 adalah bertujuan antara lainnya untuk mengurangkan beban kewangan dan pentadbiran Kerajaan, mengurangkan saiz sektor awam, meningkatkan kecekapan dan daya pengeluaran, serta mempercepatkan kadar pertumbuhan ekonomi negara. Di samping itu, pelaksanaan dasar ini perlu mengambil kira matlamat Dasar Ekonomi Baru.

Dalam melaksanakan dasar ini, Kerajaan telah mengeluarkan beberapa garis panduan seperti Garis panduan Penswastaaan, dan Asas dan Panduan Pemindahan Hakmilik Saham Syarikat Milikan Kerajaan kepada bumiputera (1988) untuk dijadikan panduan oleh kakitangan Kerajaan dalam melaksanakan dasar ini. Antara perkara-perkara yang disentuh dalam garis panduan berkenaan meliputi penjelasan mengenai dasar penswastaaan, matlamat, bentuk-bentuk, dan cara-cara penswastaaan boleh dilaksanakan. Secara umumnya penswastaaan melibatkan pemindahan fungsi/kegiatan yang dijalankan oleh Kerajaan, termasuklah segala aset dan kakitangan yang terlibat, kepada pihak swasta terutamanya bagi bidang-bidang yang dipercayai dapat dikendalikan oleh

pihak swasta dengan lebih cekap dan berkesan. Sebagai contohnya kegiatan yang bercorak komersial adalah lebih sesuai dilaksanakan oleh sektor swasta. Sungguhpun begitu, adalah ditegaskan bahawa Kerajaan akan mengambil kira kepentingan negara, kepentingan kakitangan yang terlibat dan kepentingan para pengguna perkhidmatan sebelum memutuskan sesuatu projek diswastakan.

Bagi membolehkan dasar ini dilaksanakan dengan lebih berkesan lagi, Kerajaan telah melantik juru perunding bagi menyediakan Pelan Induk Penswastaaan dan Kajian Pelan Induk tersebut telah pun siap dan sedang dalam pertimbangan Kerajaan.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Salah satu Dasar Penswastaaan ialah hendak mengurangkan beban kewangan Kerajaan dan juga dari segi komersial. Saya ingin bertanya daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah logiknya dari segi mengurangkan beban kewangan di mana kebanyakan agensi yang diswastakan ialah yang membawa keuntungan, yang menambah kewangan kepada Kerajaan, manakala yang rugi-rugi, yang tidak berjaya itu tidak diswastakan? Jadi, di manakah logiknya dari segi Dasar Penswaslaan yang dikatakan hendak mengurangkan beban kewangan Kerajaan? Itu soalan yang pertama.

Soalan yang kedua, Kerajaan telah melantik juruperunding untuk menyediakan Pelan Induk Penswastaaan. Oleh kerana perkara penswastaaan ini sudah menjadi satu isu ataupun kepentingan nasional yang mendapat perhatian seluruh masyarakat sekarang ini kerana ianya membabitkan kepentingan negara, terutamanya dalam agensi-agensi alaupun kegiatan-kegiatan yang berkait rapat dengan kemudahan rakyat. Jadi, apakah Kerajaan sudah sedia dengan Pelan Induk yang disediakan oleh juruperunding ini dibentangkan untuk dibahaskan dalam Dewan yang mulia seperti Dewan Rakyat ataupun dibuka untuk perbincangan dan mendapat pandangan seluruh rakyat bagi memastikan bahawa Dasar Penswaslaan itu benar-benar tidak

menjejaskan kepentingan rakyat kerana kita dapati badan-badan yang diswaslakan sebelum ini sebagai contoh, saya pernah sebut di dalam Dewan yang mulia ini ada satu, dua perkara yang mendapat faedah ialah golongan-golongan tertentu dari segi perniagaan membuat keuntungan-keuntungan besar dan tidak menepati kehendak dari segi matlamat untuk kepelepasan rakyat dan negara.

Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, kita tahu bahawa tujuan untuk menswastakan adalah di antara lain untuk mengurangkan beban kewangan pentadbiran Kerajaan, mengurangkan saiz sektor awam, meningkatkan kecekapan dan daya pengeluaran. Walaupun pada pandangan Yang Berhormat mengatakan bahawa Kerajaan hanya mengusahakan penswastakan bagi badan-badan Kerajaan yang menguntungkan, itu adalah tidak benar kerana Kerajaan tidak memilih mana-mana projek termasuk juga projek yang juga tidak dianggap menguntungkan. Tetapi dalam soal ini, Kerajaan haruslah menekankan tentang soal keyakinan untuk menampakkan bahawa commercial viability, dengan izin, itu dapat diselaraskan dan untuk menswastakan pun hendak melibatkan siapa yang boleh mahu melibatkan diri dalam sekior penswaslakan, siapa yang hendak melibatkan diri dalam perusahaan yang hanya mengalami kerugian. Jadi, Kerajaan pragmatik dalam soal ini dan haruslah melibatkan badan-badan yang juga boleh dianggap akan lebih berkesan dan dapat menghasilkan pendapatan yang lebih baik akibat daripada proses penswastakan.

Berkenaan dengan lantikan juru-prunding untuk menjalankan kajian-kajian itu, kita ambil perhatian pandangan-pandangan Yang Berhormat tetapi Kerajaan tidaklah bercadang untuk membentangkan laporan itu di Dewan ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Saya ingin beri perhatian khas pada Block C sekarang. (*Ketawa*) Yang Berhormat dari Kuala Kedah.

Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim Banyakterimakasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Saya difahamkan adalah menjadi dasar Kerajaan apabila menswastakan satu-satu perkhidmatan awam, Kerajaan tidak mencuci tangan daripada tanggungjawab untuk menentukan supaya penswastakan itu memberi segala kebaikan dan bukan keburukan kepada rakyat. Jadi, saya ingin lahu, Tuan Yang di-Pertua, bagaimanakah Kerajaan ataupun apakah badan yang dilantik akan dibentuk dan bagaimanakah mekanisme-mekanisme untuk Kerajaan menentukan bahawa penswastakan itu memberikan segala kebaikan dan bukan keburukan kepada rakyat?

Soalan yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, jika skiranya sesuatu penswastakan itu menjejaskan kepentingan rakyat seperti yang saya katakan tadi, apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan, atau yang boleh diambil oleh Kerajaan khususnya bagi Perkhidmatan-perkhidmatan Awam yang telah pun diswastakan pada masa ini, yang telah mendapat banyak sungutan-sungutan daripada rakyat.

Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, ada satu Jawatankuasa yang dibentuk yang diwakili oleh berbagai sektor dan mengikuti prosidur-prosidur dan garis panduan yang telah ditetapkan, kalau Yang Berhormat memerlukan bolehlah mendapat detailnya secara bertulis.

Berkenaan dengan kalau pelaksanaan penswastakan ini menjejaskan, Kerajaan peka kepada perkara ini dan tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan untuk mengatasi masalah tersebut.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Tuan Hu Sepang.

Tuan Hu Sepang Tuan Yang di-Pertua, soalan 14 dan juga soalan yang terakhir bagi hari ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Yijandran): Itu terpulung pada saya. (*Ketawa*)

SYILING BARU— PENGELUARAN

14. Tuan Hu Sepang minta Menteri Kewangan menyatakan sebab-sebab syiling-syiling baru dikeluarkan dan mengapa ia dikeluarkan dengan notis yang pendek, dan juga nyatakan jumlah nilai syiling-syiling baru yang dikeluarkan dan kos tindakan sedemikian itu.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, pengeluaran duit syiling dengan rekabentuk baru mulai 4hb September lalu, adalah semata-mata dengan tujuan untuk memberi wajah baru kepada duit-duit syiling kita kerana reka bentuk bagi duit-duit syiling yang dikeluarkan sebelum tarikh itu telah digunakan sejak 22 tahun lalu. Dengan demikian, adalah munasabah dan wajar bagi kita menukar rekabentuk yang lama itu dengan rekabentuk-rekabentuk baru yang lebih menarik yang melambangkan ciri-ciri kebudayaan Malaysia.

Cadangan untuk memperkenalkan duit-duit syiling dengan reka bentuk baru itu sebenarnya telah lama dirancang, dan dikaji dengan terperinci dari pelbagai aspek kebudayaan. Pengumuman mengenai pelaksanaannya tidak dibuat lebih awal kerana perubahan ke atas duit-duit syiling itu tidaklah begitu ketara di mana spesifikasinya tetap sama cuma wajahnya sahaja yang berubah. Dengan itu, pengumuman mengenai rekabentuk baru itu yang dibuat beberapa hari sebelum pengeluarannya adalah dirasakan memadai untuk memaklumkan kepada orang ramai.

Jumlah nilai pelbagai duit syiling baru yang dikeluarkan sehingga ini adalah sebanyak \$11.3 jula iaitu kira-kira 2.1% daripada jumlah nilai pelbagai duit syiling yang berada dalam pasaran pada masa ini.

Pengeluaran duit-duit syiling dengan rekabentuk-rekabentuk baru itu tidak dianggap melibatkan tambahan kos, kerana

pengeluaran duit-duit syiling adalah dibuat dari masa ke semasa sebagai proses mengganti atau menambah bekalan duit-duit syiling dalam edaran; dan pengeluaran duit-duit syiling dengan rekabentuk baru ini adalah dibuat berperingkat-peringkat benepatan dengan proses penggantian dan penambahan bekalannya dalam edaran.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Yijandran); Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 2, 5, 9, 11 dan 15 hingga 27 adalah diberi di bawah ini).

BIASISWA/PINJAMAN MARA KE LUAR NEGERI

2. Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan:

- (a) berapakah peruntukan yang disediakan oleh pihak MARA kepada mereka yang ingin melanjutkan pelajaran ke luar negeri dalam bentuk pinjaman dan biasiswa;
- (b) setakat ini berapakah pungutan balik yang diperolehi oleh Kerajaan; dan
- (c) apakah tindakan MARA kepada pelajar yang tidak dapat membayar pinjaman dan sampai bilakah bentuk pinjaman ini akan diberikan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian
Pembangunan Negaradan Luar Bandar
(Tuan Mohamed bin Jamrah):**

- (a) Jumlah peruntukan yang disediakan oleh pihak MARA bagi mereka yang ingin melanjutkan pelajaran ke luar negeri dalam bentuk pinjaman dan biasiswa bagi Rancangan Malaysia Kelima sahaja adalah sebanyak \$996,729,000 iaitu \$257,998,000 berupa biasiswa dan \$738,722,000 berupa pinjaman.
- (b) Setakat ini jumlah pungutan balik yang diperolehi oleh MARA ialah \$32,551,189.

(c) Pada dasarnya MARA akan mengambil tindakan undang-undang ke atas pelajar-pelajar yang cngkar dan tidak dapat membayar balik pinjaman setelah segala perbincangan dan rundingan telah dibuat dan tidak mendatangkan hasil. Untuk makluman Yang Berhormat, antara tindakan-tindakan yang diambil oleh MARA ke atas pelajar-pelajar yang telah tamat pengajian yang tidak dapat membayar pinjaman adalah seperti berikut:

- (i) Bagi pelajar yang masih menganggur, pihak MARA memberi penangguhan membayar balik selama 6 hingga 24 bulan dari tarikh kuatkuasa jadual bayaran balik.
- (ii) Bagi pelajar-pelajar yang tidak membayar balik pinjaman kerana kematian, MARA akan meminta waris terdekat pelajar yang meninggal membayar balik kesemua pinjaman.
- (iii) Pelajar-pelajar yang tidak dapat membayar pinjaman di atas sebab-sebab kesihatan seperti gila, lumpuh seluruh anggota dan sebagainya, MARA akan meminta waris-waris terdekat membayar balik pinjaman tersebut.
- (iv) Bagi pelajar-pelajar yang tidak mempunyai pendapatan tetap, MARA akan meminta mereka membayar balik pinjaman mengikut kemampuan tidak kurang dari 10% pendapatan kasar mereka.
- (v) Bagi pelajar-pelajar yang gagal menamatkan pengajian, mereka dikehendaki membayar balik semua pinjaman yang diberikan kepada

mereka. Jika gagal, MARA akan menuntut dari waris-waris terdekat.

Bagi menjawab soalan sampai bilakah bentuk pinjaman ini akan diberikan, sukalah saya maklumkan bahawa pinjaman MARA kepada pelajar-pelajar akan diberi sehingga peruntukan untuk pinjaman pelajar diberhentikan oleh Kerajaan.

PROJEK MEMBAIKI JALAN BATU 32 KE SANDAKAN

5. **Tuan Michael Asang** minta Menteri Kerjaraya menyatakan:

- (a) Nama kontraktor yang berjaya mendapat kerja kontrak pembaikan jalanraya daripada bandar Sandakan ke Batu 32 (stesen pemeriksaan Polis); dan
- (b) Berapa lamakah kontrak berkenaan dapat disiapkan.

Timbalan Menteri Kerjaraya (Dato' Alexander Yu Lung Lee):

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kontraktor yang berjaya bagi projek memperbaiki jalan dari Batu 32 ke Sandakan belum diketahui kerana pihak Lembaga Tender Persekutuan belum lagi membuat keputusan.
- (b) Berkenaan dengan soalan yang kedua, tempoh kontrak bagi projek tersebut yang dicadangkan ialah 25 bulan.

GURU TABIKA/TADIKA— PENGAMBILAN

9. **Tuan Maidom bin Pansai** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan bilakah pembekuan bagi pengambilan guru TABIKA/TADIKA dibuka semula.

Tuan Mohamed bin Jamrah: Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar hanya membekukan pengambilan secara terus Pemaju Masyarakat untuk bertugas sebagai Guru

TABIKA mulai tahun 1987. Pada masa ini Guru TABIKA diambil dari kalangan Pembantu Pemaju Masyarakat yang sedang berkhidmat. Langkah ini dibuat ialah supaya Guru-guru TABIKA yang baru dilantik adalah terdiri daripada mereka yang mempunyai kelayakan, kebolehan dan pengalaman. Perlantikan terus akan hanya dilaksanakan semula selepas semua Pembantu Pemaju Masyarakat yang layak, dilantik sebagai Pemaju Masyarakat.

INDUSTRI KECIL YANG DIDIRIKAN

11. **Tuan Haji Mohamad Yusof bin Haji Abdul Laliff** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan jumlah industri kecil yang telah didirikan di seluruh negara yang berpotensi dan dapat mengubah cara hidup masyarakat serta jenis keluaran dari industri berkenaan.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Kok Wee Kiat): Mengikut banci yang dibuat pada tahun 1981 oleh Jabatan Perangkaan di mana definasi industri kecil adalah pengilang-pengilang yang mempunyai modal pemegang saham kurang daripada 250,000 ringgit dan pekerja kurang daripada 50 orang, terdapat sebanyak 17,083 bilangan industri kecil di seluruh negara. Kajian berasingan juga telah dibuat pada tahun 1988 oleh Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar yang berasaskan kepada definasi industri kecil yang mempunyai modal pemegang saham kurang daripada 500,000 ringgit dan kajian ini telah dibuat ke atas 9,122 syarikat industri kecil. Dari kajian tersebut didapati lebih dari 83% daripada jumlah tersebut mencatatkan keuntungan yang memuaskan dalam jangkamasa 3 tahun kebelakangan ini dan oleh itu mempunyai potensi yang baik.

Perkembangan industri-industri kecil yang berpotensi di merata tempat di seluruh negara telah membuka peluang pekerjaan, meningkatkan pengeluaran dan eksport negara, menambahkan penggunaan sumber

tempatan dan meningkatkan keusahawanan di kalangan masyarakat di negara ini.

Di antara bidang industri kecil yang berpotensi ialah industri-industri berasaskan getah, kelapa sawit, kayu, makanan, tekstil, seramik dan jentera ringan.

MELEBARKAN JALAN DI SEBERANG PERAI

15. **Tuan Chian Heng Kai** minta Menteri Kerjaraya menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kesempitan di sebahagian jalan baru (sebatang jalan Persekutuan di Seberang Perai Tengah) telah mengakibatkan kesesakan lalulintas khususnya pada waktu pejabat. Jika ya, bilakah bahagian jalan ini akan dilebarkan, jika tidak, mengapa.

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerjaraya memang menyedari bahawa jalan berkenaan yang lebarnya ialah 24 kaki dan sepanjang 4.2 km dari Batu 3 ke Batu 5.8 telah tidak berupaya menampung bilangan kenderaan yang bertambah pada masa ini dan telah menyebabkan kesesakan lalulintas.

Bagi mengatasi masalah ini Kementerian ini bercadang untuk memohon peruntukan bagi melebarkan jalan berkenaan di dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam.

DISIPLIN MURID-MURID SEKOLAH

16. **Tuan Jawah Anak Gerang** minta Menteri Pendidikan menyatakan sebab-sebab kejatuhan disiplin murid-murid sekolah di seluruh negara dan pada pendapat Kerajaan sama ada langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan sekarang adalah cukup berkesan untuk mengatasi masalah ini.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi kita memperkatakan bahawa dewasa ini wujudnya masalah kejatuhan disiplin murid-murid sekolah secara mutlak adalah kurang tepat Kita

harus sedar bahawa dalam suasana masyarakat moden yang kompleks dan mencabar ini faktor-faktor luaran adalah banyak mempengaruhi perlakuan-perlakuan generasi muda termasuklah murid-murid sekolah. Watau bagaimanapun, Kementerian Pendidikan berusaha bersungguh-sungguh atas sikapnya yang perihatin kepada masalah disiplin murid-murid di sekolah dengan mengambil kira beberapa faktor yang boleh menjejaskan disiplin murid-murid di sekolah di seluruh negara dewasa ini. Di antara punca-punca utama yang turut menjejaskan disiplin murid-murid sekolah ialah seperti berikut:

- (a) Pengaruh alam sekitar khususnya di bandar-bandar di mana terdapatnya murid-murid yang terlibai di beberapa pusat hiburan seperti pusat snooker, dengan izin "roller-skating", dan kegiatan berpeleseran di pusat-pusat membeli-belah dan seumpamanya.
- (b) Kementerian juga turut akur terdapatnya pengaruh-pengaruh media massa yang turut mempengaruhi disiplin murid-murid tersebut.
- (c) Pengaruh-pengaruh rakan sebaya.
- (d) Wujudnya sikap-sikap negatif seperti kurang daya usaha, lemah dari sudut pendirian, mudah terpengaruh dan kurangnya minat untuk belajar di sekolah serta perkara-perkara lain yang hampir seumpamanya.
- (e) Adalah dinafikan terdapat juga masalah disiplin yang berpunca daripada kepincangan keluarga yang tidak stabil seumpama berlakunya perceraian atau perpisahan yang boleh mengganggu emosi pelajar-pelajar tersebut tanpa kawalan yang sempurna.

Atas sikap yang perihatin inilah maka Kementerian Pendidikan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya bagi

membantu meningkatkan lagi disiplin murid-murid sekolah tersebut di seluruh negara melalui aktiviti-aktiviti kurikulum dan ko-kurikulum. Melalui kedua-dua bidang ini beberapa projek khas telah dikenalpasti di mana sekolah-sekolah sekarang digalakkan untuk menjalankan aktiviti kem jaya diri, kem kaunseling, program skim lencana anti dadah, aktiviti kasih sayang, aktiviti rakan sebaya dan seumpamanya. Melalui persatuan-persatuan sekolah dan pasukan seragam sekolah, Kementerian Pendidikan telah berjaya meningkatkan lagi kesedaran disiplin di kalangan murid-murid. Pelajar-pelajar diberi peluang berdikari melalui pendedahan kepada nilai-nilai murni, perasaan saling hormat-menghormati, perasaan kerjasama dan gotong-royong serta beberapa nilai-nilai yang lain diterapkan melalui aktiviti-aktiviti tersebut. Secara keseluruhan Kementerian Pendidikan berpendapat bahawa langkah-langkah yang dijalankan adalah telah menunjukkan kesan yang positif setakat ini yang didedahkan melalui proses pengajaran pembelajaran di sekolah-sekolah. Di samping itu langkah-langkah pencegahan dan kuatkuasa peraturan melalui tindakan disiplin secara tenteram dan terkawal turut dilaksanakan.

KES AIDS DAN LESBIAN DI PENJARA KAJANG

17. **Puan Sharifah Dorah binti Dato Syed Mohamed** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan selain daripada kes pengedaran dadah dalam penjara, sudahkah Kementerian menjalankan penyiasatan sama ada terdapat kes-kes AIDS dan lesbian kerana keadaan penjara di Kajang adalah begitu luxury sekali dan sebarang kemungkinan boleh berlaku dan dilakukan.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Keperluan menjalankan penyiasatan mengenai kes AIDS dan lesbian di Penjara Kajang tidak timbul kerana sehingga kini tiada sebarang laporan yang diterima mengenai wujudnya kes AIDS atau lesbian di penjara itu.

KENAIKAN HARGA BARANG-BARANG

18. **Tuan Chew Kam Hoy** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) adakah Kementerian sedar tentang kenaikan harga barang-barang keperluan harian oleh pengguna di negara sekarang;
- (b) Jika ya, apakah tindakan pihak Kerajaan untuk meredakan keadaan tersebut dan di mana silapnya boleh berlaku kenaikan harga barang-barang keperluan harian ini; dan
- (c) adakah pihak peniaga mengambil kesempatan atas keadaan ekonomi negara yang baru bertambah baik.

Dato' Kok Wee Kiat: Jawapan bagi soalan ini telah pun dijawab bersama dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari kawasan Bandau pada 7-11-89. Jawapan tersebut telah disampaikan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian tetapi disebabkan jawapan tersebut terlalu panjang maka Tuan Yang di-Pertua telah bersetuju supaya jawapan ini diberi secara bertulis. Oleh itu, saya berhasrat tidak akan mengulanginya lagi.

MALAYSIA SEBAGAI NEGARA NIC

19. **Dr Chen Man Hin** minta Perdana Menteri menyatakan kenyataannya bahawa taraf NIC tidaklah menguntungkan dan sama ada dasar perindustrian berkait dengan Pelan Induk Perindustrian akan diubah.

Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Walaupun negara kita tidak ingin dilebelkan sebagai NIC, ini tidak bermakna negara kita tidak berhasrat dan berusaha untuk membangun dari segi perindustrian. Oleh itu dasar-dasar perindustrian yang berkaitan dengan Pelan Induk Perindustrian tidak akan diubah.

PROJEK ASING MENGALIRKAN PELABURAN KE NEGARA LAIN

20. **Tuan Ahmad bin Omar** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan jumlah syarikat asing yang melabur di Malaysia yang telah mengalih pelaburan ke negara lain, terutama di negara anggota ASEAN dan berapa banyak pula syarikat asing yang melabur di negara anggota ASEAN dan lain-lain negara Asia yang mengalihkan pelaburan ke Malaysia sejak 3 tahun lalu dengan menyebutkan jenis industri dan jumlah modal dan penggunaan guna tenaga.

Dato' Kok Wee Kiat: Untuk makluman Yang Berhormat, daripada maklumat yang ada di kementerian, tiada ada satu projek asing di Malaysia yang telah mengalihkan pelaburannya ke negara-negara lain, termasuk anggota ASEAN.

Berkenaan dengan pengalihan syarikat-syarikat asing dari negara-negara ASEAN dan lain-lain negara di Asia ke Malaysia, adalah sukar untuk ditentukan, kerana data-data yang dikumpulkan kini mengenail pastikan hanya negara pelabur sahaja.

Walau bagaimanapun, terdapat pelabur yang berpunca dari negara-negara ASEAN dan negara-negara lain di Asia, yang telah melabur di Malaysia.

Bagi tempoh 1986-Oktobcr 1989, Pelaburan dari negara-negara ASEAN sejumlah 418 projek dan bernilai \$1.86 billion telah diluluskan, dan ianya memberi peluang pekerjaan kepada 73,213 orang.

Dalam tempoh yang sama, pelaburan dari negara-negara lain di Asia sejumlah 787 projek dan bernilai \$8.39 billion telah diluluskan, dan ianya memberi peluang pekerjaan kepada 181,118 orang.

Pendek kata, pelabur-pelabur dari negara-negara Asia keseluruhannya ialah melabur dalam 1,205 projek bernilai \$10.25 billion dan ianya memberi peluang pekerjaan kepada sejumlah 254,331 orang. Adalah dipercayai bahawa syarikat-syarikat asing

ini telah memilih Malaysia kerana iklim pelaburan di Malaysia lebih menarik.

Kebanyakan dahpada pelaburan negara-negara ASEAN adalah di industri tekstil, kayu, makanan, dan elektrik dan elektronik, manakala pelaburan dari negara-negara lain di Asia adalah di industri logam asas, tekstil, kelengkapan pengangkutan, dan elektrik dan elektronik.

PERGERAKAN NEGARA-NEGARA BERKECUALI-PENYERTAAN MALAYSIA

21. **Tuan Ong Tee Keat** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sejauh mana negara kita dapat bermanfaat daripada penyertaan kita dalam pergerakan negara-negara yang berkecuali.

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Pergerakan Negara-negara Berkecuali bertujuan untuk mempertahankan dan mengekalkan kemerdekaan dan kedaulatan negara-negara anggotanya dalam dunia yang terbahagi kepada blok-blok kuasa besar yang berlainan ideologi. Dalam suasana peperangan dingin di antara kuasa-kuasa besar dasar berkecuali ialah menyelamatkan Malaysia daripada terjerumus ke kancah konfrantasi. Sementara itu, dengan menganggotai Pergerakan ini Malaysia telah berpeluang memperkenalkan identiti dan dasar kebangsaan kita kepada dunia luar, Penyertaan kita dalam pergerakan ini telah memberikan kita kekuatan bersama (collective strength) bagi menghadapi berbagai cabaran dalam menyelenggarakan perhubungan luar kita dengan negara-negara lain.

Pergerakan Negara Berkecuali berpegang kepada prinsip tidak mencero bohi hal ehwal dalam negeri negara-negara lain, dan tidak menggunakan kekerasan dalam dasar luar masing-masing, sebagai cara untuk menyelesaikan masalah antarabangsa.

Hasil dari ketegasan dan dasar-dasar di atas, Malaysia, sebagai sebuah negara anggota Pergerakan Berkecuali telah memenangi penghormatan daripada negara-negara lain termasuk kuasa-kuasa besar.

Dan hasil-hasil ini juga telah membawa kesan-kesan baik secara langsung dan tidak langsung, kepada perkembangan ekonomi dan sosial di negara kita.

LEMBAGA LETRIK NEGARA DISWASTAKAN

22. **Datuk Haji Sakaran bin Dandai** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) bilakah Lembaga Letrik Ncgara akan diswastakan;
- (b) apakah faedah-faedah yang akan diperolehi oleh Kerajaan dan juga pengguna apabila Lembaga Letrik Negara diswastakan; dan
- (c) adakah kadar bayaran bil elektrik akan berkurangan apabila ia diswastakan.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Abdul Ghani bin Othman): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sayatelah pun memberijawapan kepada soalan ini semasa menjawab pertanyaan Yang Berhormat Tuan Mutang Tagal pada 1-11-1989 dan saya tidak bercadang menambah apa-apa di sini.

TAHANAN OPERASI LALANG

23. **Tuan Teoh Teik Huat** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bahawa memandangkan banyaknya janji-janji yang telah dibuat oleh Timbalannya bahawa penyiasatan-penyiasatan akan dijalankan ke atas banyak tuduhan-tuduhan berkenaan dengan kezaliman dan penyeksaan pihak Polis ke atas 106 orang-orang tahanan ISA semasa Operasi Lalang, sama ada terdapat penyiasatan-penyiasatan yang telah siap dan jika ia, nyatakan hasil penyiasatan-penyiasatan ini dan jika tiada penyiasatan yang dijalankan, kenapa?

Dato' Megat Junid bin Megat Avob: Pada keseluruhannya, penyiasatan ke atas tohmahan-tohmahan dan tuduhan yang terhadap pihak Polis kononnya melakukan kezaliman dan penyiksaan ke atas orang-orang tahanan "Operasi Lalang" telahpun

selesai dijalankan. Hasil daripada siasatan-siasatan tersebut telah menunjukkan bahawa tuduhan itu adalah tidak terbukti dan tidak berasas.

**RAKYAT MALAYSIA
BERKAHWIN DI LUAR
NEGERI**

24. Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim minta Perdana Menteri menyatakan sebab-sebab rakyat Malaysia pergi berkahwin di luar negeri dan apakah tindakan Kerajaan untuk menyelcaikan fenomena ini.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, rakyat Malaysia yang pergi berkahwin di luar negeri, scbilangan besar disebabkan oleh:

- (a) wali enggan menjadi wali atau wali tidak dibenarkan perkahwinan perempuan di bawah jagaannya; dan
- (b) hasrat merahsiakan perkahwinan daripada isteri atau daripada masyarakat.

Walaupun Undang-undang Keluarga Islam yang berkuatkuasa sekarang membenarkan perkahwinan berwalikan wali hakim, pasangan-pasangan masih memilih untuk berkahwin lari di luar negeri.

Sementara itu, undang-undang berpogami mensyaratkan supaya sesuatu perkahwinan itu mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Hakim Syariah. Walaupun pcraturan itu ringan, orang yang berkenaan masih memilih untuk berkahwin di luar negeri kerana hendak merahsiakan perkahwinan tersebut daripada isteri yang sedia ada atau daripada rakan-rakan dan masyarakat seluruhnya.

Adalah mustahil untuk membasmikan sama sekali masalah kahwin lari di luar negeri ini. Walau bagaimanapun, Kerajaan sentiasa berusaha bagi membendung

perkara ini dengan mempergiatkan penerangan dan pengajaran mengenai Undang-undang Keluarga Islam dan melaksanakan dengan tegas peruntukan undang-undang tersebut.

**JAWATANKUASA PENTADBIR
MASJID WILAYAH
PERSEKUTUAN**

25. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah sebab-sebabnya Kerajaan membubar jawatankuasa atau lembaga pengurus setiap masjid di Wilayah Persekutuan sedangkan mereka dipilih oleh anak-anak kariah masjid masing-masing;
- (b) berapa buah masjidkah yang terlibat dan nyatakan siapakah pengerusi bagi tiap-tiap masjid yang dipecat dan siapakah ganti mereka. Apakah kriteria yang melayakkan seseorang itu untuk menjadi pengerusi masjid;
- (c) selepas rombakan itu apakah prestasi masjid itu bertambah makmur atau sebaliknya; dan
- (d) sejauh manakah langkah membatalkan sislem pemilihan orang ramai ke atas jawatankuasa masjid itu bebas dari tekanan politik.

Tuan Othman bin Abdul: Kerajaan tidak pernah membubar Jawatankuasa Pentadbir masjid-masjid Wilayah Persekutuan. Selaras dengan Kaedah-kaedah Jawatankuasa Kariah Wilayah Persckutuan (Pindaan 1988), Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan telah melantik Ahli Jawalankuasa Pentadbir Masjid yang mana tempoh perkhidmatan mereka telah tamat.

Sebanyak 12 buah masjid di Wilayah Persekutuan terlibat dengan perlantikan baru tersebut.

Kriteria untuk menjadi Pengerusi sesebuah masjid adalah seperti berikut:

1. Anak Kariah.
2. Umur 18 tahun ke atas.
3. Lelaki dan seorang yang beragama Islam.
4. Waras fikiran.
5. Berkelakuan baik.

6. Diterima oleh semua anak Kariah.
7. Aktif di dalam kegiatan masyarakat.
8. Bekerjasama dengan Majlis dan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan.

Pengerusi-pengerusi masjid yang terlibat adalah seperti berikut:

<i>Bil.</i>	<i>Masjid</i>	<i>Pengerusi Lama</i>	<i>Pengerusi Baru</i>
1.	Masjid Saidina Abu Bakar As Siddiq Bangsar, Kuala Lumpur	Dato' Hishamuddin bin Yahya	Tan Sri Abd. Kadir bin Yusuf
2.	Masjid Saidina Omar Al-Khattab, Bukit Damansara, Kuala Lumpur	Encik Mohd, Fauzi bin Hamzah	Tan Sri Abdullah bin Ayub
3.	Masjid Alam Shah, Jalan Pasar Pudu Kuala Lumpur	Tuan Hj. Khalid bin Montak	Tuan Hj. Abdul Mokti bin Hj. Abd. Rashid
4.	Masjid Zubair Ibn Awwam, Batu 3 1/2 Jalan Cheras, Kuala Lumpur	Tuan Hj. Bashri bin Hj. Abd. Majid	Tuan Hj. Ghazali bin Abd. Hamid
5.	Masjid Saidina Othman Ibn Affan Bandar Tun Razak, Kuala Lumpur	Us. Mohd. Zaki bin Hj. Ab. Manan	Dr Hj. Azmi bin Hj. Ahmad
6.	Masjid Al-Rahimah Kg. Pandan, Kuala Lumpur	Us. Wan Mohamad bin Hj. Abd. Aziz	Y.M. Raja Izzahar bin Raja Ali
7.	Masjid Jamek Kg. Baru, Kuala Lumpur	Encik Abd. Aziz Jamaluddin bin Hj. Mohd. Tahir	Tuan Hj. Aziz bin Masod
8.	Masjid Al Rahman Pantai Bam, Kuala Lumpur	Encik Bistaman bin Mohd. Yatim	Tuan Hj. Mat Som bin Mohd. Latif
9.	Masjid Al-Khadijjah Pantai Dalam, Kuala Lumpur	Tuan Hj. Udin bin Dona	Encik Dahlan bin Hj. Sirat
10.	Masjid Hidayah Sentul Pasar, Kuala Lumpur	Encik Mohd. Ali bin Kalam	Y. Bhg. Datuk Mohd. Katib bin Sutan Bendahara
11.	Masjid Saidina Ali Kg. Padang Balang Sentul, Kuala Lumpur	Encik Anuar bin Talib	Tuan Hj. Zainal Abidin bin Maas
12.	Masjid Tengku Abd. Aziz Shah, Sg Penchala, Kuala Lumpur	Tuan Hj. Rasian bin Pardi	Tuan Hj. Kasani bin Hj. Kameran

Pentadbiran Masjid telah bertambah makmur selepas pemilihan Jawatankuasa baru tersebut.

Langkah membatalkan sistem pemilihan orang ramai ke atas jawatankuasa masjid itu adalah bebas dari tekanan mana-mana badan politik kerana Kaedah Jawatankuasa Qariah (Pindaan 1988) ini adalah diluluskan oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan yang mana ahli-ahlinya adalah dilantik oleh D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

FERI MALAYSIA— KAJIAN

26. Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abdul Samah minta Perdana Menteri menyatakan tidakkah ada cadangan iaitu Feri Malaysia yang sekarang ini membuat perjalanan antara Kuanian ke Sabah dan Sarawak diadakan juga perjalanan di antara Pelabuhan Kelang dan Madras, India kerana kita ketahui kebanyakan kaum-kaum India sentiasa berulang alik dari Malaysia ke India dan dengan ini membanyakkan lagi pelancong-pelancong dari India untuk datang ke Malaysia melalui kapal laut iaitu Feri Malaysia.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman (Dato* Dr Sulaiman bin Haji Daud): Kerajaan memang ada mengarahkan pengurusan Feri Malaysia supaya menjalankan kajian mengenai cadangan untuk mengadakan pelayaran ulang alik di antara Pulau Pinang dengan Madras, India di samping mengckalkan pelayarannya yang sedia ada. Hasil kajian tersebut mendapati bahawa pelayaran ke Madras dijangka tidak akan menguntungkan dan tidak berdayamaju. Dengan itu Kerajaan telah menolak cadangan tersebut memandangkan ianya akan menambahkan lagi jumlah kcrugian Feri Malaysia.

TEKSI—PEMBERIAN KEPADA SYARIKAT

27. **Dr Tan Seng Giaw** minta Menteri Perusahaan Awam menyaikan:

- (a) bagaimanakah Kerajaan menentukan syarikat-syarikat teksi manakah yang akan diberi permit-permit untuk menjalankan perkhidmatan berkenaan. Apakah nama syarikat-syarikat teksi yang telah menerima permit tersebut serta bilangan permit yang dipegang oleh setiap satu daripada syarikat ini;
- (b) tidakkah Kerajaan terlebih dahulu mengadakan sebarang peraturan untuk mencegah berlakunya pemandu-pemandu teksi dieksploitasikan oleh syarikat-syarikat ini sebelum memberi permit kepada mereka. Jika tidak ada, mengapa. Jika ada, maka, apakah bentuk tindakan yang boleh diambil oleh Kerajaan terhadap syarikat-syarikat yang menyeleweng atau mengeksploitasikan pemandu teksi;
- (c) apakah kebaikan-kebaikan yang berhasil, sama ada di pihak pengurusan Kerajaan, tuan punya syarikat teksi atau penyewa teksi, daripada tindakan Kerajaan memberi permit hanya kepada syarikat dan bukan kepada individu. Apakah sistem ini terlebih dahulunya dibincang serta dipersetujui oleh semua pemandu teksi. Jika sudah dibincang dan dipersetujui pula, maka mengapakah isu penyewa dieksploitasikan tidak diurus dengan sebaiknya supaya tidak timbul langsung.

Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha):

- (a) Dasar pemberian lesen teksi kepada syarikat-syarikat adalah dihadkan

bagi lesen-lesen teksi yang dikeluarkan di Wilayah Persekutuan, Petaling Jaya dan Shah Alam sahaja. Di dalam menentukan syarikat-syarikat yang diberi keutamaan untuk mendapatkan lesen-lesen teksi, sesebuah syarikat itu mestilah mampu dari segi modal dan sumber kewangan untuk menguruskan perniagaan, membeli kenderaan yang sesuai, mampu menyelenggarakan kenderaan yang dilesenkan itu dan berupaya mengendalikan operasi teksi-teksi dengan baik. Di samping itu pengalaman dalam bidang pengangkutan adalah juga dibincangkan. Sehingga ini hanya sebuah syarikat yang diluluskan sebanyak 200 lesen teksi Wilayah Persekutuan. Kementerian Perusahaan Awam masih menimbang permohonan-permohonan dari syarikat-syarikat lain.

- (b) Ingin dimaklumkan iaitu semua pemegang lesen termasuk syarikat-syarikat adalah dikehendaki mematuhi syarat-syarat lesen dan juga peruntukan Akta LPKP 1987 berhubung dengan cara lesen-lesen itu diuruskan dan dikendalikan. Semua pemegang lesen sememangnya diperlukan untuk memberi perhatian lebih kepada syarat-syarat lesen serta peruntukan-peruntukan ini. Pemegang-pemegang lesen yang tidak mematuhi syarat-syarat lesen dan juga peruntukan-peruntukan akta tersebut akan di minta tunjuk sebab (show cause) bertujuan mengantung atau membatalkan lesen-lesen berkenaan.
- (c) Tujuan Kerajaan mengutamakan pemberian lesen-lesen teksi kepada syarikat adalah untuk mewujudkan pengusaha-pengusaha teksi yang mampu dari segi modal dan kewangan serta mewujudkan

perkhidmatan teksi yang baik. Ini adalah kerana di masa lalu terdapat sebilangan daripada pemilik-pemilik lesen individu tidak mampu membiayai pembelian teksi-teksi yang baru dan selesai dan juga ada di antara mereka yang tidak mampu menyelenggarakan teksi-teksi berkenaan dengan baik. Dengan adanya sistem baru ini, adalah diharapkan syarikat-syarikat berkenaan bukan sahaja akan dapat membiayai pembelian kenderaan baru serta menjalankan penyelenggaraan yang sewajarnya, tetapi juga mengawal disiplin pemandu-pemandu mereka. Pemberian lesen-lesen teksi kepada syarikat-syarikat akan memudahkan pengesanan dan pengawalan lerutamanya dari segi tindakan-tindakan yang berkait rapat dengan penguatkuasaan dan urusan-urusan pellesen yang lain.

Kementerian tidak membincangkan sistem baru ini dengan pemandu-pemandu teksi kerana Kementerian berpendapat sistem ini akan memberi faedah kepada semua pihak iaitu pemandu-pemandu dan juga pengguna-pengguna. Di dalam menimbang permohonan baru, Kementerian akan memberi pertimbangan dan keutamaan kepada mereka yang terlibat secara langsung dengan pengusaha-pengusaha teksi khususnya syarikat-syarikat kepunyaan persatuan-persatuan teksi Wilayah Persekutuan, Petaling Jaya dan Shah Alam yang telah membuat permohonan. Dengan ini adalah wajar pemandu-pemandu teksi menjadi ahli-ahli persatuan supaya mereka dapat menyertai bersama di dalam mengendalikan teksi-teksi yang diuruskan oleh persatuan-persatuan atau anak-anak syarikat persatuan. Ingin ditegaskan di sini iaitu Kementerian akan memberi keutamaan kepada syarikat-

syarikat. Dengan pendekatan yang baru ini diharap mutu perkhidmatan teks di Wilayah Persekutuan akan dapat dipertingkatkan lagi.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1990

DAN USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1990

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 1990 dan Anggaran Pembangunan 1990" dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis. (*Hari Kelapan*)

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-*
pengerusikan Jawatankuasa)

Maksud B.21, B.22, B.23 dan B.24
(Jadual)—

Maksud P.21, P.22, P.23 dan P.24
(Anggaran Pembangunan 1990)—

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Timbalan Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, sila sambung.

335 *ptg.*

Timbalan Menteri Kebudayaan dan Pelancongan (Dato' Ng Cheng Kuai):

Tuan Pengerusi, sebagai sambungan kepada jawapan saya sebelum Dewan ini ditangguhkan semalam, Yang Berhormat dari Bukit Bintang telah meminta supaya memberitahu mengenai perbelanjaan wang ringgit untuk menyediakan papantanda di luar negeri.

Tuan Pengerusi, perbelanjaan untuk tujuan pengiklanan melalui papantanda di luar negeri berjumlah \$4.5 juta.

Berhubung dengan pandangan Yang Berhormat dari Bukit Bintang bahawa bahasa-bahasa yang digunakan dalam papantanda patut mudah difahami, perkara ini memang disedari oleh semua pihak, termasuk agensi-agensi pengiklanan yang dilantik oleh Kementerian saya.

Tuan Pengerusi, pertambahan pusat-pusat maklumat pelancongan sedang pun dirancang oleh Kementerian saya dan pihak Kementerian saya sedar akan hakikat ini dan telah pun mengemukakan kepada agensi-agensi yang lain supaya meluluskan cadangan untuk menambahkan Pusat-pusat Penerangan berserta dengan kakitangan yang diperlukan.

Tuan Pengerusi, mengenai dengan tanda-tanda jalan yang perlu dipermudahkan supaya memudahkan pelancong-pelancong bergerak, perkara ini pun sedang diambil tindakan oleh Kementerian saya dengan kerjasama agensi-agensi yang lain.

Yang Berhormat dari Bukit Bintang berpendapat bahawa terlalu banyak acara yang diaturkan dalam Calender of Events untuk Tahun Melawat Malaysia '90.

Sebenarnya, Tuan Pengerusi, tujuan program tahun Tahun Melawat Malaysia '90 adalah untuk menyediakan acara-acara sepanjang tahun supaya para pelancong dapat memilih acara-acara yang mereka minati, dan usahapun sedang dijalankan bersama-sama dengan syarikat-syarikat pengembaraan untuk menentukan yang pelancong-pelancong akan berpeluang menyaksikan festival-festival yang akan diadakan.

Mengenai masalah pertindihan tugas di antara Bahagian Perancangan dan Pembangunan di dalam Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan dengan pihak Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia, masalah ini tidak wujud sekarang dan perkara ini memang berlaku pada masa lampau semasa Kementerian ditubuhkan pada tahun 1987, sebelum diadakan usaha untuk menemukan pembahagian tugas yang jelas di antara kedua-dua pihak. Walau bagaimanapun perkara ini telah diatasi

dalam mana adalah dijangkakan bahawa Kementerian akan bertanggungjawab dalam semua hal ehwal pelancongan terutama dari segi perancangan dan pembangunan, sementara pihak Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia akan bertanggungjawab terhadap masalah pemasaran dan promosi.

Tuan Pengerusi, sebagai kesimpulan, rakyat Malaysia dan sikap rakyat adalah faktor penting dalam menjayakan industri pelancongan kerana rakyat Malaysia akan menjadi tuanrumah pada tahun 1990 dan pada tahun-tahun yang akan datang. Dengan adanya sikap bersopan-santun para pelancong luar negeri akan membawa balik kegunaan manis mengenai Malaysia.

Tuan Pengerusi, industri pelancongan sudah muncul sebagai industri terbesar dalam dunia. Jumlah perbelanjaan sedunia untuk pelancongan dalam negeri dan antarabangsa melebihi US\$2 trilion, ia merupakan 12% ekonomi dunia. Manakala industri senjata cuma berjumlah US\$1 trilion dan industri pelancongan akan menjadi "engine of growth", dengan izin, pada abad ke-21. Jadi Malaysia tidak mahu ketinggalan dalam pertumbuhan industri pelancongan ini. Sokongan dan dorongan Ahli-ahli Parlimen adalah perlu juga supaya industri pelancongan Malaysia akan mencapai tahap yang boleh dibanggakan.

Tuan Pengerusi, dengan jawapan itu saya sudah dapat menjawab hampir kesemua soalan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Yijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$99,782,990 untuk Maksud B.21, \$3,825,500 untuk Maksud B.22, \$7,343,500 untuk Maksud B.23 dan \$6,222,500 untuk Maksud B.24 di bawah Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$99,782,900 untuk Maksud B.21, \$3,825,500 untuk Maksud B.22, \$7,343,500 untuk Maksud B.23 dan \$6,222,500 untuk Maksud B.24 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Yijandran): Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$1,150,020 yang disebutkan dalam Maksud P.21, \$5,100,000 untuk Maksud P.22, \$30 untuk Maksud P.23 dan \$13,860,000 untuk Maksud P.24 dalam Anggaran Pembangunan, 1990 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$1,150,020 untuk Maksud P.21, \$5,100,000 untuk Maksud P.22, \$30 untuk Maksud P.23 dan \$13,860,000 untuk Maksud P.24 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1990.

Maksud B25(Jadual)—

Maksud P.25 (Anggaran Pembangunan 1990)—

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Yijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, Maksud Bekalan B.25 dan Maksud Pembangunan P.25 di bawah Kementerian Pertahanan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Sabak Bernam.

3.43 ptg.

Tuan Haji Hussein bin Haji Taib (Sabak Bernam): Tuan Pengerusi, saya mengambil kesempatan bagi membahaskan Maksud Bekalan B.25 Kementerian Pertahanan. Di samping itu saya suka merujuk kepada Butiran 020000

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Yijandran): Mukasurat berapa, Yang Berhormat?

Tuan Haji Hussein bin Haji Taib: Mukasurat 119, Perkhidmatan Tentera. Tuan Pengerusi, Perkhidmatan Tentera

mengikut mukasurat 119 lelah diperuntukkan sebanyak \$1.4 billion, satu jumlah yang besar yang telah diberikan peruntukan yang lebih berbanding dengan anggaran pada tahun 1989. Ini bererti bahawa Kerajaan adalah memandang serius dan memandang penting Perkhidmatan Tentera ini dari semasa ke semasa bagi mempertahankan kedaulatan, keutuhan negara kita Malaysia yang tercinta ini. Untuk itu, sebelum saya meneruskan perbincangan ini, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kerajaan yang telah berjaya, insya Allah, akan menandatangani satu perjanjian dengan Parli Komunis Malaya (PKM) yang dijangka akan dilakukan pada hari Sabtu ini di negeri Thailand.

Seperti yang sedia maklum bahawa Perkhidmatan Tentera kita diperbesarkan dari semasa ke semasa khususnya apabila negara kita diisytiharkan Darurat pada tahun 1948. Dengan kegiatan-kegiatan Parti Komunis atau komunis yang berleluasa yang telah membunuh ramai manusia, yang tidak mengenal peri kemanusiaan, hari ini telah bersedia untuk menyerahkan diri dengan syarat-syarat yang akan dimeterikan oleh kedua-dua pihak-Kerajaan dan juga PKM. Walau apa pun syarat yang akan dimeterikan ini, saya suka menarik perhatian Kerajaan supaya mengambil kira tentang kepentingan awam dan juga kepentingan negara seluruhnya di mana kegiatan-kegiatan mereka selama ini yang telah tidak mengenal peri kemanusiaan, membunuh jiwa dengan meninggalkan anak-anak yang kehilangan kasih-sayang ibu bapa, suami kehilangan isteri, isteri kehilangan suami dan sebagainya, di mana ini hendaklah diambil kira dengan memastikan bahawa walaupun dalam perjanjian yang akan ditandatangani nanti bahawa mereka yang terlibat dalam gerakan ini mestilah juga diberikan perhatian dari segi undang-undang negara kita. Ini bermakna mereka tidak boleh terlepas dari peraturan dan undang-undang negara dan khususnya tidak ada keistimewaan kepada mereka.

Sebelum ini kita mendengar jugalah bahawa Parti Komunis Malaya, satu demi satu pemimpin mereka telah pun bersetuju untuk menyerah diri. Kita dengar dulu

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Yijandran): Yang Berhormat, kalau saya tidak salah bukankah ini di bawah Kementerian Dalam Negeri dan bukan dalam Kementerian Pertahanan mengenai isu ini.

Tuan Haji Hussein bin Haji Taib: Ini ada kaitan tentera. Ketua Angkatan Tentera akan menandatangani perjanjian ini dan ini adalah relevant, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Yijandran): Aktiviti Perkhidmatan Tentera, Yang Berhormat, memberikan perkhidmatan ketenteraan yang diperlukan untuk menjamin keselamatan dan untuk menentang musuh-musuh negara kita.

Tuan Haji Hussein bin Haji Taib: Ya, menjamin keselamatan.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Yijandran): Perkara membuat perjanjian atau tidak dengan Parti Komunis bukanlah dalam bidangkuasa dia.

Tuan Haji Hussein bin Haji Taib: Saya ingat ada kaitan, Tuan Pengerusi. Walau bagaimanapun, saya cuba untuk mengalihkan pandangan sedikit supaya Tuan Pengerusi boleh memberikan pertimbangan.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Yijandran): Saya rasa kalau boleh pendekkanlah, Yang Berhormat.

Tuan Haji Hussein bin Haji Taib: Ya, saya pendekkan.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis (Simunjan): Penjelasan.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Yijandran): Ini tidak ada relevant lagi, bagaimana hendak mendapat penjelasan?

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Mungkin Yang Berhormat ini

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Yijandran): Yang Berhormat, Yang Berhormat minta penjelasan, beri atau tidak?

Tuan Haji Hussein bin Haji Taib: Saya ingat tidak payahlah, saya pun hendak

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Saya hendak tolong Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Yijandran): Yang Berhormat dari Simunjan, duduk!

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Saya hendak tolong sedikit.

Tuan Haji Hussein bin Haji Taib: Tidak apa, sila. (*Ketawa*)

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Saya rasa saya juga bersetuju di mana dia boleh sentuh perkara itu.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Yijandran): Yang Berhormat, minta penjelasan.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Ya, penjelasan.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Yijandran): Apa penjelasannya?

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Penjelasanlah itu! Penjelasannya ialah Yang Berhormat ini boleh sentuh itu, mengikut pandangan saya.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Yijandran): Itu bukan penjelasan, Yang Berhormat.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Sebab

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Yijandran): Yang Berhormat, duduk!

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Belum habis lagi, sebab dalam akhbar dikatakan Yang Berhormat Menteri Pertahanan yang ingin berbincang dengan PKM—bukan PEKEMAS ataupun PERMAS—tetapi Parti Komunis Malaya. (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Yijandran): Yang Berhormat dari Simunjan, duduk!

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Satu lagi, Tuan Pengerusi, surat ini dihantar oleh para pekerja ini, kadang-kadang di dalamnya kepada orang lain. Saya minta dibetulkan, banyak sangat! (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Yijandran): Yang Berhormat dari Simunjan, duduk! (*Ketawa*) Yang Berhormat dari Sabak Bernam, jangan menyentuh banyak sangat, sedikit sudah.

Tuan Haji Hussein bin Haji Taib: Saya tadi memang tidak hendak banyak menyentuh tetapi apabila ditegur, terhenti-hentilah saya. Memang ada relevan dengan apa yang saya katakan ini, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Simunjan yang memberikan penjelasan tetapi ia lebih merupakan penjelasan kepada Tuan Pengerusi. (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi, saya suka menarik perhatian walaupun kita akan menghadapi keadaan yang tenang dan mungkin sekali imbas kita akan tidak mengambil hirau soal pergerakan komunis ini, sekolah-olah negara akan aman dan tidak ada lagi musuh. Dalam pada itu, saya suka mengingatkan Kementerian Pertahanan supaya terus berwaspada bagi mempertahankan kedaulatan negara ini di mana kita akan semiasa berhadapan dengan berbagai-bagai musuh, sama ada mereka yang dianggap sebagai gerakan anti-nasional, subversif, perkauman, gerakan ekstremis atau gerakan pelampau-pelampau dan sebagainya. Ini juga akan mengganggu ketenteraman negara yang mesti diambil perhatian oleh pasukan tentera kita sama ada Tentera Udara, Darat dan Laut dan sebagainya. Oleh itu dalam menyentuh perkara ini saya suka mengingatkan kepada Kerajaan supaya terus berhati-hati dan memberikan tumpuan kepada keselamatan, keutuhan dan juga kestabilan negara kita daripada diancam

oleh mana-mana pihak sama ada dari luar ataupun dalam negeri. Seperti yang saya katakan tadi, musuh di luar mungkin boleh dilihat, mungkin senang ditentang, tetapi musuh dalaman ianya merupakan musuh dalam selimut yang berkehendakkan penelitian dan kewaspadaan yang lebih teliti.

Untuk itu saya suka menyentuh perkara yang berikut supaya pihak tentera kita juga memperbanyakkan

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Yijandran): Butiran berapa Yang Berhormat?

Tuan Haji Hussein bin Haji Taib: Butiran yang sama juga iaitu memandang berat soal beberapa kali pencerobohan yang dilakukan oleh pihak tentera luar, oleh negara-negara jiran kepada perairan negara kita yang berlaku baru-baru ini sama ada secara disadari ataupun tidak ianya telah mencabul kehormatan negara kita dan ini telah dijelaskan dalam Dewan ini beberapa kali oleh Menteri yang berkenaan ataupun Timbalannya bahawa perkara ini telah diselesaikan di peringkat perundingan. Walaupun demikian, saya suka mengingatkan kepada perkhidmatan tentera kita supaya menjaga setiap inci perairan kita seboleh-bolehnya ia tidak akan dicerobohi oleh mana-mana pihak kerana pencerobohan pihak negara luar kepada negara ini merupakan satu kecuaihan, kelemahan dan juga boleh dianggap kita tidak berjaya mengesan musuh-musuh kita sehingga mereka berulang kali menceroboh baharulah kita sedar dan baharu kita mengambil tindakan. Jadi, saya meningatn kepada pasukan tentera kita dan juga kepada Kementerian Pertahanan supaya mengambil perhatian dalam masalah ini.

Saya beralih kepada butiran 040000, muka surat 119—Latihan, yang diperuntukkan \$166juta. Saya sangat tertarik

dan menyokong latihan-latihan yang telah dilakukan oleh pihak Kementerian Pertahanan, sama ada latihan secara bersama dengan negara-negara jiran, sama ada dengan Indoncsia, Singapura atau Thailand dalam gerakan-gerakan kita meningkatkan kehebatan dan juga kemampuan kita sama ada latihan secara perang gurila, laut dan udara. Ini hendaknya diperhebatkan dan dengan peruntukan yang besar yang telah diberikan oleh Kerajaan pihak tentera akan menggunakan kesempatan ini untuk membuat latihan bersama bagi mcmperthankan daerah rantau ini. Oleh itu kita berharap latihan dengan Indonesia mestilah diperhebatkan terus menerus bagi menjaga perairan di sebelah Timur, khususnya dan juga dengan Singapura bagi mengawal keselamatan sebelah Selatan kita dan juga dengan negeri Thailand di sebelah Utara.

Apa yang saya harapkan dalam latihan ini pihak Kementerian Pertahanan, khususnya, pihak tentera kita supaya dapat menggunakan kelengkapan yang sedia ada dengan sebijaksana dan semaksimum mungkin kerana sering juga terdapat sama ada latihan persendirian yang kita lakukan, kita mengalami kekecewaan atau rasa kecundang di mana sering berlaku kemalangan-kemalangan yang tidak diduga-duga sama ada peristiwa kejatuhan kapal terbang yang mengakibatkan suatu kehilangan jiwa dan kemalangan yang besar yang berlaku kepada Angkatan Tentera kita di mana Angkatan Tentera kita telah dipandang dengan tidak begitu berupaya bagi menunjukkan prestasi yang baik. Walau bagaimanapun, pada pandangan saya dengan adanya peruntukan yang besar ini, saya berharap latihan ini akan dapat dipcrhbalkan sama ada dengan bantuan negara-negara jiran atas latihan bersama ini ataupun tidak, kita akan terus mcmperhebatkan latihan ini.

Saya tertarik hati apabila negara Singapura mendapat bimbingan dan tunjuk ajar daripada penasihat negara luar, khususnya Israel dalam angkatan tentera bagi mempertahankan negara Singapura di waktu-waktu kebelakangan ini dan apakah kita juga tidak bercadang mendapatkan nasihat dan bimbingan daripada pakar atau negara luar yang lebih berupaya dalam bidang ini bagi menasihati, bagi menunjuk ajar dan bagi memberi latihan kepada pasukan tentera kita, dan skiranya kita tidak memerlukan latihan, bantuan dan tunjuk ajar daripada mereka, apakah kita berkemampuan untuk memberikan latihan sendiri. Dengan terjanjinya perjanjian yang mungkin sudah ditandatangani oleh Kerajaan bagi membekalkan Pasukan Tentera dengan alat-alat baru yang sophisticated yang dibekalkan dari Britain, kita harap ini akan memberi nafas baru kepada pasukan tentera kita di mana dengan alat-alat yang moden ini akan lebih meninggalkan keupayaan pasukan tentera kita dalam mengawal setiap inci perairan negara kita tidak dicerobohi oleh mana-mana pihak.

Sekian, Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Yijandran): Yang Berhormat dari Bayan Baru.

3.57ptg.

Tuan Peter Paul Dason (Bayan Baru): Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Maksud B.25.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Yijandran): Mukasurat dahulu, Yang Berhormat.

Tuan Peter Paul Dason: Mukasurat 120, Butiran 00500 dan 00600 di mana sualu peruntukan sejumlah 568,128,000 diminta bagi maksud pembinaan dan kelengkapan untuk Tentera Udara Di-

Raja Malaysia kita. Sebenarnya peruntukan ini adalah sebahagian daripada peruntukan besar bagi maksud pembinaan yang berjumlah \$389 juta dan bagi Kementerian Pertahanan sahaja sejumlah \$2,699,336,000 diperuntukkan dan jumlah ini merupakan 8.1% daripada peruntukan bagi Belanjawan tahun depan.

Tuan Pengcrusi, Parlimen sebagai Dewan Perundangan teragug dalam tanahair kita diberi tanggungjawab untuk meluluskan peruntukan bagi setiap Kementerian dan sebelum kita berbuat demikian kita haruslah diberi tahu sebab-sebab peruntukan itu diperlukan dan sebagai "custodian" wang rakyat, kita memerlukan maklumat-maklumat yang lengkap yang boleh menyokong permintaan peruntukan itu. Di sini ingin saya tahu mengapa Parlimen tidak diberi maklumat yang lengkap mengenai jenis kelengkapan dan pembinaan. Tentulah ia tidak boleh ditafsirkan sebagai rahsia dan oleh kerana ia rahsia maka Parlimen tidak boleh diberi tahu maklumat yang lengkap mengenai peruntukan yang diminta untuk diluluskan. Apakah yang dimaksudkan sebagai pembinaan dan kelengkapan? Tidakkah Ahli-ahli Parlimen berhak untuk mengetahui secara detail apakah pembinaan dan kelengkapan itu? Ahli-ahli Parlimen terpaksa mcraba-raba di dalam gelap untuk mengetahui apakah projek pembangunan yang memerlukan peruntukan sebanyak \$68 juta bagi Tentera Udara Di-Raja Malaysia kita.

Tanpa maklumat yang lengkap, saya tidak teragak-agak untuk menuduh bahawa Kerajaan sengaja tidak mahu memberi maklumat lengkap kepada Dewan yang mulia ini mungkin kerana ada sesuatu yang Kerajaan mahu sembunyikan. Apakah sebab detail peruntukan ini tidak diberi kepada Dewan? Adakah Dewan yang mulia ini tidak berhak untuk tahu detail peruntukan itu, apakah Dewan ini dianggap sebagai

rubber stamp untuk meluluskan apa sahaja peruntukan yang diminta oleh Kementerian Pertahanan tanpa diberitahu maklumat detail? Dewan juga meminta untuk meluluskan \$2,309,495,000 di bawah B.25 sebagai Belanjawan Mengurus.

Nampaknya sikap merahsiakan segala-gala mengenai Kementerian Perlahanan sudah sampai ke peringkat di mana soalan-soalan oleh Ahli Parlimen bersabit dengan pembelian kelengkapan tentera udara di tolak dengan alasan bahawa itu adalah rahsia. Tetapi seluruh dunia diberitahu melalui kenyataan-kenyataan yang dikeluarkan bukan sahaja oleh Menteri Pertahanan atau Timbalannya malah juga oleh ketua-ketua tentera yang tentu menganggap ia bukan rahsia. Jadi, pembelian kapal terbang pejuang Skyhawk yang berjumlah 88 buah dari Amerika Syarikat dalam tahun 1980 dengan harga US\$320 juta yang seluruh dunia tahu jadi rahsia apabila Ahli Parlimen bertanya dalam Parlimen. Saya bangkitkan pembelian 88 kapal terbang pejuang Skyhawk ini kerana daripada jumlah ini yang dipesan pada tahun 1980 mula diterima oleh TUDM Malaysia mulai tahun 1982. Dan sehingga tahun 1985, 40 buah diterima selepas kapal terbang-kapal terbang itu diubahsua atau refurbished dengan perbelanjaan tambahan sebanyak US\$120 juta atau \$288 juta, selpas itu adalah dikatakan beberapa buah lagi diterima oleh TUDM dan kini 35 buah jenis A4 Skyhawk tersadai di Padang Pasir di Arizona, Amerika Syarikat. Dan kini TUDM dan Kementerian Perlahanan mengadakan rundingan untuk menjual 35 buah kapal terbang yang tersadai itu. Dan mengikut berita terbaru Syarikat AIROD Sdn. Bhd. iaitu syarikat yang berupa overhaul dan mengadakan maintenance kapal terbang, syarikat ini adalah kepunyaan bersama Kerajaan Malaysia, Malaysia Aerospace Industries dan Lockheed Aircraft Service International. Apabila kita jumlahkan semua perbelanjaan pembelian 88 buah kapal terbang itu ia melcibihi \$1 billion dan kini apabila AIROD membawa

masuk baki 35 buah kapal terbang itu, kos refurbishment itu tentulah berjumlah beratus juta ringgit lagi.

Saya kluatir bahawa jumlah peruntukan yang diminta diluluskan untuk pembangunan bagi TUDM mungkin diguna untuk maksud refurbishment 30 buah kapal terbang Skyhawk itu. Dalam perkara ini saya ingin tahu sama ada pihak Kerajaan meninggalkan 35 buah kapal terbang itu di padang pasir dibiarkan karat dan reput untuk selama beberapa tahun. Mengapa Kementerian Pertahanan berbuat demikian? Adakah ini kerana pihak Kementerian Perlahanan, khususnya TUDM tidak mempunyai "hangars" yang cukup untuk kapal terbang ini. Jika ini benar, maka ini bererti bahawa pihak Kementerian Pertahanan tidak membuat forward planning yang lengkap sebelum membeli kapal terbang Skyhawk itu. Dan apa yang sedih ialah di antara 53 buah yang sudah diterima oleh TUDM, 5 buah sudahpun terhempas dengan satu hilang di Laut China Selatan dengan tidak dijumpai langsung sehingga hari ini. Apakah kapal terbang Skyhawk ini masih berupaya untuk memberi khidmat kepada TUDM untuk mempertahankan negara kita.

Baru-baru ini satu kapal terbang helikopter jenis Nuri kepunyaan TUDM terhempas di sempadan Negeri Perak dan Kelantan di mana 21 orang terbunuh. Pihak TUDM berkata bahawa laporan mengenai kejadian itu tidak akan diumumkan. Ini amat dikesali kerana apabila Parlimen diminta meluluskan peruntukan bagi pembinaan dan kelengkapan sekurang kurangnya Parlimen perlu diberitahu tentang keadaan sebenar kejadian itu. Dalam hal ini saya meminta pihak Kementerian Pertahanan membentangkan satu laporan lengkap mengenai kes ini dan jugalah mengenai lima buah kapal terbang Skyhawk yang telah disebutkan tadi itu dalam Parlimen supaya Ahli-ahli Parlimen mengetahui keadaan sebenar. Ini adalah kerana Parlimen yang meluluskan peruntukan untuk membeli kelengkapan harus diberitahu apa terjadi kepada kelengkapan yang dibeli itu. Apakah

guna kita luluskan berjuta-juta ringgit untuk TUDM membeli kelengkapan di mana musnah selepas setahun atau dua? Ini adalah jumlah perbelanjaan tidak bertanggungjawab.

Mengikut kedua-dua Butiran yang saya sebutkan pada awal-awal tadi, kelengkapan bagi TUDM tentulah termasuk pembelian kapal terbang pejuang seperti pembelian kapal terbang pejuang jenis Tomado yang dikatakan berharga £1 billion atau \$4,500 juta. Walaupun peruntukan sebenar tidak disebut dalam butiran itu, saya faham apabila butiran yang am seperti itu diwujudkan maka peruntukan lambahan boleh diminta diluluskan oleh Parlimen kemudian.

Saya bangkitkan perkara ini kerana pesanan kapal terbang Skyhawk dari Amerika Syarikat dalam lahun 1980 pun belum selesai lagi. Ini pula kita mahu beli kapal terbang Tornado dari United Kingdom. Apakah kita memerlukan Tornado yang dikatakan dibeli dengan harga yang lebih tinggi oleh Malaysia di mana kita akan membayar lebih kurang £40 juta sebuah berbanding dengan £17 juta hingga £20 juta sebuah yang dibayar oleh RAF United Kingdom dan Lufwa dari Germany.

Kenapa harga yang kita akan bayar dua kali ganda? Tentu refurbishment kapal terbang Tornado tidak menelan belanja sebanyak £20 juta lagi bagi setiap kapal terbang.

Adakah bayaran berlebihan itu untuk membayar commission dan kickback seperti dituduh dalam akhbar *The Observer*, 7hb Mei, 1989 di UK di mana ada tuduhan bahawa \$300 juta dibayar sebagai commission pada UMNO Baru. Kalau ini tidak benar, tentulah pihak Perdana Menteri sudah membawa akhbar tersebut di mahkamah. Tetapi sehingga hari ini, ini tidak dilakukan. Maka dari itu apakah rakyat perlu menanggung commission dan kickback dalam pembelian kelengkapan bagi TUDM.

Satu kenyataan yang jelas dan terbuka hendaklah diberi oleh Kementerian Pertahanan kepada Parlimen mengenai pembelian kapal terbang Tomado ini sebab bayaran commission telahpun disebut dengan jelas dalam akhbar terkemuka di United Kingdom. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Kota Setar.

4.10 ptg.

Dr Abdul Hadi bin Derani (Kota Setar): Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada mukasurat 119 Anggaran Perbelanjaan 1990, Butiran 020000 di bawah Aktiviti Perkhidmatan Tentera dengan anggaran sebanyak \$ 1,401,478,900 bagi tahun depan dan Butiran 040000 di bawah Aktiviti Latihan dengan anggaran sebanyak \$166,495,600 di mukasurat yang sama.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah atas usaha-usaha Kerajaan bagi menamatkan ancaman komunis di negara ini dengan persetujuan pihak Parti Komunis Malaya (PKM) meletakkan senjata dan keluar daripada hutan. Mudah-mudahan perjanjian yang akan ditandatangani oleh pihak Kerajaan Malaysia dengan PKM di Haadyai Thailand pada hari Sabtu ini bersamaan 2hb Disember, 1989 akan menghentikan sama sekali pemberontakan bersenjata oleh PKM di negara ini,

Tuan Pengerusi, penamatan pemberontakan bersenjata oleh PKM bermakna bahawa ancaman terhadap negara ini juga berubah. Jikadahulu Angkatan Tentera kita dilatih khususnya untuk memerangi musuh-musuh di hutan secara peperangan gerila, maka sekarang ini Angkatan Tentera kita harus menumpukan lebih perhatian terhadap ancaman-ancaman dari luar. Ini bermakna bahawa persediaan-persediaan haruslah dibuat bagi menentukan supaya anggota-anggota tentera berkewibawaan untuk mempertahankan negara ini dari sebarang serangan dari luar. Mungkin didalam usaha untuk mempertingkatkan persediaan

sedemikian setiap peringkat dan formasi tentera kita hendaklah diberi pendedahan dan latihan yang lebih dekat dengan ppcprangan terbuka atau conventional yang menggunakan pergerakan bilangan tentera yang ramai dan senjata-senjata besar serta sophisticated.

Umpamanya, kalau di dalam keadaan ppcprangan memburu gerombolan-gerombolan komunis di hutan hanya memerlukan penglibatan sebilangan kecil anggota-anggota tentera seperti satu Kompeni atau satu Platon untuk sesuatu operasi, maka pada masa kini latihan dan pendedahan hendaklah diubah kepada yang melibatkan pergerakan beribu-ribu askar, umpamanya penglibatan sepenuhnya beberapa Brigade atau Division Askar Tentera Darat dan yang disokong oleh Pasukan Kalveri, Meriam serta pesawat-pesawat pejuang dari Tentera Udara. Dengan pendedahan latihan secara ini maka Angkatan Tentera kita akan dapat mempertingkatkan persediaannya bagi menghadapi sebarang ancaman musuh dari luar yang mungkin datang menyerang menggunakan beratus-ratus ribu tentera yang dilengkapi pula dengan senjata-senjata moden, termasuk kereta-kereta kebal, meriam, roket berpandu dan pesawat-pesawat pejuang. Mungkin untuk mempertingkatkan tahap persediaan Angkatan Tentera, senjata-senjata yang lebih sophisticated seperti peluru-peluru berpandu terutamanya dari permukaan ke udara, pesawat-pesawat pengebom dan kereta kebal-kereta kebal yang setanding dengan kelengkapan negara-negara jiran hendaklah diperolehi mengikut kemampuan negara.

Tuan Pengerusi, menyentuh Butiran 0030 Aktiviti Tentera laut di mukasurat 120, saya juga mencadangkan supaya Tentera Laut Di Raja Malaysia (TLDM) mempergiatkan lagi rondaannya di perairan Laut China Selatan dan di Selat Melaka. Perondaan di Laut China Selatan amatlah perlu bukan sahaja kerana Semenanjung Malaysia dipisahkan dari Malaysia Timur oleh Laut, tetapi oleh kerana perairan tersebut terutamanya di kawasan Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) yang

mengandungi berbagai sumber kekayaan termasuk petroleum, gas, ikan dan lain-lain. Laut China Selatan ini sentiasa menjadi rebutan negara-negara jiran termasuk China, Vietnam, Filipina dan sebagainya. Kita perlukan rondaan TLDM di perairan tersebut lebih kerap lagi bagi menjaga kepentingan negara. Kita tidak mahu melihat keadaan seperti di dalam tahun-tahun 70an di mana beberapa kepulauan kecil dan terumbu-terumbu kepunyaan Malaysia dibiarkan begitu sahaja diduduki oleh kuasa-kuasa asing. Walaupun rundingan telahpun dijalankan untuk menyelesaikan masalah pendudukan tersebut oleh tentera asing di terumbu-terumbu kepunyaan Malaysia, kita tidak harus membenarkan perkara ini berulang lagi dan ianya boleh dielak tanpa persengketaan dengan kehadiran TLDM kita.

Tuan Pengerusi, untuk menjamin kewibawaan di dalam tugasnya bagi melindungi perairan negara, TLDM hendaklah diberi kelengkapan yang mencukupi seperti kapal-kapal serang yang dilengkapi dengan peluru-peluru berpandu yang moden yang boleh digunakan apabila sahaja diperlukan. Mungkin TLDM juga dipercayakan kekuatannya daripada apa yang ada sekarang, ini termasuk penambahan kapal-kapal ronda dan kapal selam yang sangat diperlukan bagi mengawasi perairan di Laut China Selatan.

Tuan Pengerusi, pihak TLDM juga harus memperhebatkan rondaannya di Selat Melaka memandangkan perkembangan-perkembangan baru di Lautan Hindi di mana pihak Tentera Laut India mula menunjukkan minatnya terhadap negara-negara jiran di rantau tersebut. Kalau dahulunya Tentera Laut India hanya berpuas hati dengan rondaan di kawasan perairan serantau yang berdekatan dengan Pakistan atau Bangladesh sahaja, maka pada masa kini nampaknya kapal-kapal Tentera Laut India sudah menunjuk minat terhadap perairan yang bersempadan dengan negara-negara lain seperti Sri Lanka dan Maldives. Walaupun pada masa kini Malaysia mempunyai hubungan baik dengan India, kita khuatir jika pihak Tentera Laut kita

tidak berwaspada terhadap aktiviti-aktiviti tentera laut jiran seperti India, maka kemungkinan timbul persengketaan di perairan Malaysia di sekitar Selat Melaka atau Lautan Hindi dengan kehadiran kapal perang-kapal perang India di ZEE kita. Dengan kata lain, pihak TLDM seharusnya berjaga-jaga supaya kedaulatan perairan negara atau ZEE kita tidak tercabul seperti yang telah berlaku di Laut China Selatan dalam tahun 70an.

Sekian sahaja, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Pasir Mas.

4.18 *ptg.*

Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas):

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada mukasurat 119, B.25, Butiran 010000, 020000, 030000 iaitu Pentadbiran Pertahanan, Perkhidmatan Tentera dan Perkhidmatan Lojistik, sekaligus.

Tuan Pengerusi, melihat kepada peruntukan yang diperlukan di bawah Kementerian Pertahanan seolah-olah suatu peruntukan yang dianggap ataupun yang dikira secara "take it for granted" diperlukan demi pertahanan negara. Sememangnya sebuah negara yang merdeka memerlukan pertahanan yang kuat, lebih-lebih lagi untuk menjamin ancaman daripada luar. Tetapi dari segi peruntukan yang telah dibelanjakan oleh Kementerian Pertahanan sebelum ini dan yang akan dibelanjakan tahun depan sebagaimana peruntukan yang diperlukan, saya berpendapat Pentadbiran Pertahanan khususnya dalam semua aspek perlulah disusun semula kerana Pentadbiran Pertahanan ada hubungan-kait dengan perancangan-perancangan ke arah Perkhidmatan Tentera dan Perkhidmatan Lojistik secara keseluruhannya.

Kita sudah dengar banyak isu-isu atau skandal-skandal yang terbabit dengan Kementerian Pertahanan. Banyak wang negara telah dicurah atas nama pertahanan untuk kepentingan pertahanan negara. Malah dengan wang yang telah dibelanjakan selama ini untuk kemudahan pertahanan negara kita, Tuan Pengerusi, saya percaya sudah lama saki-baki komunis negara ini

sudah dapat dihapuskan. Tetapi malangnya kalau kita lihat dari segi peruntukan yang diperlukan oleh Kementerian Pertahanan maka mahu tidak mahu kita dapat mengatakan salah satu daripada Kementerian yang banyak membazir. Membazir dalam ertikata membuat pembelian-pembelian, terutamanya dari segi pihak perancangan, pentadbiran dan pertahanan dan juga perkhidmatan tentera yang kita dengar, terutamanya pembelian Skyhawk, pembelian Tomado dan lain-lain alat ganti lentera yang kita lihat banyak membazir, manakala prestasi amatlah diragui sama sekali.

Masakan tidak, kalau kita lihat dari segi perbelanjaan yang lelah dikeluarkan, dibandingkan dengan negara-negara jiran, walaupun melebihi ataupun sama, tetapi peristiwa-peristiwa dan tragedi-tragedi kejatuhan kapal terbang, kapal perang, tidak terjadi seperti yang terjadi di negara kita ini. Walaupun ada kapal terbang jatuh, dia jatuh waktu perang. Ini belum kena angin pun jatuh, termasuklah kapal terbang Nuri baru-baru ini, 21 orang terbunuh. Sebelum ini kapal terbang Skyhawk yang menjadi skandal besar hampir satu billion ringgit lebih kurang, pukul rata dijangka perbelanjaan kalau dilihat dari segi apa yang terpaksa dibelanjakan terhadap Skyhawk lapan puluh lapan buah yang kini tersadai—35 buah di Arizona Padang Pasir. Hal ini diketahui oleh seluruh dunia—ada artikel-artikel dalam akhbar-akhbar antarabangsa yang amat memalukan. Manakala sebelum ini kalau ditanya mengenai dengan peruntukan yang diperlukan oleh Kementerian Pertahanan, segala-gala keputusan telah dibuat dengan terperinci, segala keputusan telah dibuat dengan kajian yang halus, pakar-pakar yang cukup, tetapi belum pun sampai dua, tiga tahun, kita dengar kapal terbang Skyhawk jatuh, kapal terbang Nuri baru ini jatuh.

Yang anih pula kapal terbang Nuri jatuh, laporan yang akan dibuat nanti tidak perlu dibincang kepada orang ramai kerana ia tidak ada kepentingan orang ramai, kala Yang Berhormat Menteri Pertahanan. Saya baca dalam akhbar, Tuan Pengerusi, kenyataan Yang Berhormat Menteri

Pertahanan. 21 orang mati jatuh helikopter Nuri, tidak ada kepentingan dengan orang ramai, tidak perlu laporan ini disiarkan kepada orang ramai. Saya rasa ini satu kenyataan yang tidak bertanggungjawab. Saya menggesa dan mendesak pihak Kementerian Pertahanan dan Kerajaan supaya membentangkan laporan, kalau perlu saya mencadangkan kertas putih bersabit dengan kejatuhan helikopter Nuri, kerana ia berkait rapat dengan pentadbiran pertahanan dan perkhidmatan tentera negara kita. Kalau belum perang pun sudah jatuh, macam mana di waktu perang, Tuan Pengerusi? Ini tidak mahu disiarkan laporannya.

Maka saya berharap laporan ini disiarkan, perlu disediakan kertas putih untuk pengetahuan. Sebab kita mahu tahu bagaimanakah helikopter Nuri ini diservis sebelum dipergunakan dan berapa banyak peruntukan yang telah dibelanjakan sehingga menyebabkan 21 nyawa terkorban. Kita boleh menyatakan sedih, kita boleh menyatakan dukacila, sememangnya segala tragedi itu berlaku dengan kehendak Allah s.w.t. Tetapi jarang juga kita dengar adalah berlaku di setengah negara, tetapi tidak kerap seperti di Malaysia ini. Dahulu sudah kata Nuri selamat, boleh digunakan, belum sampai beberapa tahun, jatuh pula satu lagi. Samalah juga dengan Skyhawk. Pembelian 88 buah, 35 buah belum kita terima. Yang kita terima pun sudah jatuh sebuah, sudah hilang sebuah, lima buah sudah jatuh. Apa perancangannya, Tuan Pengerusi? Sebab itu saya mengatakan tadi bahawa pentadbiran pertahanan dan perkhidmatan tentera ianya mesti disusun semula. Apakah keputusan membeli alat-alat senjata ini dibuat oleh pakar-pakar, oleh Kementerian Pertahanan atau diluluskan oleh Kabinet? Mana satu yang membuat keputusan? Manakala kita adakan alat-alat yang baik, kononnya kita beli alat-alat ketenteraan yang moden, kata kita, dengan harga belanja yang begitu banyak, tetapi manakala pula manusia yang mengendalikan pula tidak diberi kemudahan yang baik. Jentera ataupun alat-alat yang

kita beli ini terpaksa dikendalikan oleh tentera kita, oleh manusia, Tuan Pengerusi, dengan izin.

Sejauhmana pula motivasi tentera kita dapat mengendalikan alat-alat yang moden ini, kalaulah dari segi layanan sama ada dari segi gaji, dari segi elaun, dari segi perumahannya tidak setimpal dengan pengorbanan mereka. Gaji murah, elaun murah, alat-alat tentera mahal. Bilion ringgit hendak beli Tornado. Ratus juta ringgit dibelanjakan untuk Skyhawk. Apakah tidak lebih baik kalau kita belanjakan untuk kita membantu meningkatkan motivasi di kalangan tentera kita dengan menaikkan kemudahan-kemudahan asas ini daripada kita membazir dan berlaku macam-macam skandal yang kita dengar dalam Kementerian Pertahanan ini. Saya percaya, Tuan Pengerusi, isu Kementerian Pertahanan ini penting. Sebab itu saya bangkit diperingkat Jawatankuasa ini kerana ianya adalah satu Kementerian yang banyak membelanjakan wang setiap tahun. Jangan sekali-sekali kita laje for granted, dengan izin, Tuan Pengerusi, atas nama pertahanan negara kita boleh belanja sesuka hati manakala kita lihat apa yang telah berlaku di hadapan mata kita. Kementerian Pertahanan bertanggungjawab memberitahu kepada Dewan yang mulia ini, kepada rakyat dan negara tentang belanja yang telah dikeluarkan untuk tujuan-tujuan pertahanan ini.

Kita lihat negara-negara dikawasan Asia Tenggara. Saya kurang bersetuju dengan Yang Berhormat dari Kota Setar mengatakan negara-negara lain sudah mempunyai alai-alat senjata yang moden, sophisticated dan sebagainya. Kita boleh ada peralihan yang kuat, tetapi dengan tidak belanja yang banyak. Soalnya cara mana kita membeli, berhati-hati dari segi perancangan. Yang kita bimbangnyanya takut ada undang di sebalik batu. Ada pihak-pihak tertentu mengambil kesempatan untuk dapat komisyen, ini yang jadi harga mahal. Orang lain beli murah, kita beli mahal. Sebab itu kita mengatakan bahawasanya pertahanan negara boleh kita jadi kuat tanpa kita membelanjakan wang yang banyak.

Sekarang ini di kawasan Asia Tenggara khususnya ASEAN—betul kita mahu kepada kelengkapan tentera yang kuat, tetapi suasana di Asia Tenggara sekarang ini sudah kembali tenang. Tuan Pengerusi. Walaupun kita sedar di Vietnam belum lagi aman, tetapi sudah ada tanda-tanda bahawa pengunduran tentera Soviet dan ke arah perdamaian yang akan wujud di Vietnam. Begitu juga di Kampuchea. Maka oleh sebab itu, apakah perlu kita bergopoh-gapah untuk membelanjakan wang yang banyak untuk membeli Tornado dan sebagainya memandangkan bahawa keadaan di Asia Tenggara, malah dunia amnya, sudah kembali tenang. Iran dan Iraq sudah pun bersetuju mengadakan gencatan senjata. Ada sedikit-sebanyak, tetapi tidak sehebat yang kita dengar dahulu. Erti kata bahawa suasana sudah kembali tenang, maka lebih baiklah peruntukan-peuntukan seperti ini ini-gunakan untuk tujuan-tujuan lain yang lebih berfaedah. Kita bukan mengatakan kita tidak bersetuju mengadakan pertahanan yang kuat. Kita bersetuju mengadakan pertahanan yang kuat, tetapi kita tidak bersetuju dengan membazir ataupun wujudnya cerita-cerita skandal dalam pembelian alat-alat senjata yang saya sebut tadi, Tuan Pengerusi.

Jadi, itulah sedikit-sebanyak pandangan saya, Tuan Pengerusi, bersabit dengan Kementerian Pertahanan. Kalau hendak diprincikan satu persatu memangnya banyak, tetapi cukup sekadar hendak meluahkan pandangan terhadap Kementerian Perlahanan perlunya disusun semula dari segi kecukupan, perancangan, termasuk dari segi pentadbiran pertahanan, perkhidmatan tentera dan sebagainya. Jangan jadi Kementerian Pertahanan kononnya untuk pertahanan negara, tetapi ia menjadi Kementerian Pak Pandir, mtnang sorak, kampung tergedai. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Simunjan. Lepas ini Yang Berhormat Menteri menjawab.

4.29ptg.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis (Simunjan): Tuan Pengerusi, saya ingin

menyentuh di atas Butiran 010000, Pentadbiran Pertahanan, 020000, Perkhidmatan Tentera, 030000, Perkhidmatan Logistik. Kemudian secara menyeluruh muka surat 120, (i) Tentera Darat, (ii) Tentera Laut, (iii) Tentera Udara dan sebagainya.

Yang pertama, ingin saya sentuh ialah oleh kerana ramai ahli sudah menyentuh mengenai kelengkapan dan sebagainya, saya ingin menyentuh mula-mulanya mengenai Perkhidmatan Tentera-para personel.

Yang saya ingin pohonkan ialah supaya dimudahkan perpindahan personnel—para pegawai tentera daripada Semenanjung ke Sarawak dan daripada Sarawak ke Semenanjung dan daripada Sarawak ke Sabah dan sebagainya, lebih-lebih lagi mereka yang sudah lama bertugas di Semenanjung Malaysia dan ingin berkhidmat balik ke tanahair seperti Sarawak ataupun Sabah. Jadi, saya pohonkan kepada pihak Kementerian supaya memberi lebih kemudahan kepada mereka ini supaya senang berpindah. Maklumlah setelah lama berkhidmat di Semenanjung, misal kata, mereka ini mungkin berminat pula hendak lebih dekat dengan keluarga di tanahair sendiri iaitu Sarawak dan Sabah. Jadi ini saranan saya yang pertama.

Yang kedua ialah kemudahan perkhidmatan para pegawai tentera ini. Oleh kerana mereka ini dipertanggungjawabkan untuk menjaga ketenteraman negara, untuk mempertahankan negara daripada ancaman anasir-anasir subversif dan juga ancaman daripada luar negeri, maka haruslah kita menitikberatkan soal perkhidmatan mereka ini dari segi gaji, tempal tinggal dan dari segi kemudahan lain. Kita harus mempertingkatkan supaya para tentera kita ini lebih terjaga, lebih berpuas hati, lebih dedikasi lagi untuk menjalankan tugas harian mereka.

Benar kata Yang Berhormat dari Pasir Mas bahawa kita membelanjakan begitu banyak untuk peralalan tentera, membeli bermacam-macam alat yang harganya begitu tinggi. Bukanlah saya mengatakan

bahawa kita tidak seharusnya membeli tetapi kita harus juga menyeimbangkan peruntukan Kerajaan bagi Kementerian ini supaya perseimbangan ini akan dapat memberi kemudahan yang lebih baik dan juga menyenangkan para rakyat yang kebetulan berkhidmat dalam perkhidmatan tentera di negara kita ini seperti rumah selesa dan gaji tinggi supaya mereka ini lebih senang, senyumnya lebih mekar, macam senyuman Yang Berhormat Menteri Pendidikan kita semasa masuk Dewan ini.

Jadi, Tuan Pengerusi, inilah harapan saya semasa mereka bertugas dan juga selepas bertugas. Misal kata, selepas bertugas ini, ramai daripada bekas anggota tentera kita ini kadang-kadang menghadapi masalah dari segi kerja dan perkhidmatan. Semasa kita membincangkan soal permit teksi dahulu, saya berkata kepada kawan-kawan, kenapa tidak kita beri kepada syarikat yang ditubuhkan oleh para bekas tentera atau para parajurit ini? Saya rasa permit ini lebih sesuai diberi kepada bekas tentera, para parajurit, supaya mereka yang tidak dapat kerja lagi dalam perkhidmatan tentera dapat berkhidmat dengan company yang menjalankan permit ini ataupun syarikat yang diwujudkan untuk para parajurit yang baru lepas daripada perkhidmatan tentera. Ini rasa saya lebih sesuai termasuk juga siswazah menganggur. Kalau mereka ini ada mempunyai syarikat, beri kepada mereka daripada kita memberi kepada, misal kata, "Saujana Car Rental". Itu adalah lebih sesuai.

Satu lagi yang saya ingin sentuh di sini ialah soal peralatan. Saya ingin menyarankan kepada pihak Kerajaan supaya lebih berhati-hati kerana tiap-tiap syarikat di dunia ini yang diwujudkan untuk mengeluarkan peralatan yang mahal dan besar ini memang lobinya begitu kuat. Cara-cara lobi itu memang saya rasa kuat dan mereka harapkan bcrkesan dan mereka sanggup berbuat apa-apa pun untuk menentukan supaya apa yang mereka buat itu akan dapat dipasarkan terutama sekali ke negara-negara yang mungkin tidak sedar akan tipu-helah mereka menjual peralatan ini kepada kita.

Sebab itulah kita dapati bahawa peralatan yang kita beli itu yang kita fikir first-hand, bila datang ke negeri kita didapati ianya second-hand ataupun third-hand ataupun fourth-hand, dengan izin. Ini sebenarnya ialah tindak-tanduk golongan kapitalis yang kadang-kadang bukan hanya memperalatkan negara kita ini untuk kepentingan mereka, tetapi memperalatkan kita untuk menimbulkan huru-hara. Misal kata di Timur Tengah, pemah diperkatakan oleh ramai orang bahawa peperangan di Timur Tengah berlanjutan kerana ini ialah dorongan secara tidak langsung daripada negara-negara kapitalis yang inginkan senjata mereka laris dibeli oleh negara-negara lain yang berperang—bukan negara mercka yang berperang tetapi negara-negara lain yang berperang—supaya sentiasa negara-negara itu membeli berterusan senjata yang mereka keluarkan.

Jadi saya rasa, kehendak, tipu-helah para kapitalis ini yang ingin melarikan kelengkapan tentera yang harganya mahal itu ke negara kita haruslah menjadi satu perkara yang membuka mata kita, harus menyedarkan kita.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar:
(Bangun)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Padang Terap bangun. Yang Berhormat, hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Ya.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: Minta penjelasan, Tuan Pengerusi. Adakah Yang Berhormat dari Simunjan menafikan bahawa peranan-peranan negara komunis tidak wujud langsung di dalam persengketaan antarabangsa tadi. Mengapa dituduh negara kapitalis sahaja?

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Pengerusi, analisa saya adalah komunis pun kapitalis juga (*Ketawa*), dari segi keseluruhannya.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar:
(Bangun)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Padang Terap bangun pula.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Ya.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: Ini satu pandangan yang baru, iaitu komunis itu dikatakan kapitalis. Sebenarnya komunis dan kapitalis itu macam api dengan air, ia berbeza dari segi ideologi dan dari segi sistem-sistemnya.

Tuan Pengerusi: Saya pun baru dengar kali ini.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Pengerusi, itu interpretasi saudaralah. Interpretasi saya ini mungkin baru kerana orang Simunjan ini selalunya melahirkan sesuatu yang baru (*Ketawa*). Kalau kita tengok keseluruhannya dari segi niat mereka itu, mungkin perbuatan negara komunis juga bersifat kapitalis-mereka ingin menggondolkan kedudukan di dunia ini, misal kata. Saya rasa dari segi perlaksanaannya, adajuga apa yang mereka memperlakukan adalah perlakuan kapitalis yang ingin menggondolkan dan memperalatkan negara lain untuk kepentingan mereka sendiri.

Itu sahaja sayarasa, Tuan Pengerusi, apa yang ingin saya perengarkan di Dewan yang mulia ini dan saya harap Kerajaan akan mengambil kira apa yang telah saya perkatakan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila jawab.

4.38 ptg.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha): Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan berbagai-bagai perkara serta syor-syor yang baik untuk perhatian dan tindakan Kementerian Pertahanan. Mungkin saya tidak sempat menjawab semua pertanyaan dan perkara yang dibangkitkan itu, tetapi kepada setiap pertanyaan dan syor-syor yang

berguna itu akan diteliti dan diberi perhatian yang sewajarnya.

Berkenaan dengan soalan atau perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sabak Bernam, memang hasrat Kementerian Pertahanan hendak memastikan Perkhidmatan Tentera supaya ditingkatkan dari masa ke semasa. Berkaitan dengan latihan, sememangnya Kementerian saya sentiasa menjalankan exercise dalaman di antara ketiga-tiga perkhidmatan, iaitu di antara Angkatan Tentera Darat, Laut dan Udara dan juga exercise dua hala di antara Malaysia dengan negara-negara jiran seperti Indonesia, Thailand dan Singapura. Baru-baru ini, kalau tidak silap saya dua bulan yang lalu, Kementerian Pertahanan pertama kalinya menerusi Tentera Darat mengadakan exercise di antara Malaysia dengan Singapura di Kuching dan ini telah membuktikan bahawa dua buah negara ini dapat mengendalikan satu exercise yang besar dan dapat bekerjasama di antara satu sama lain.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Bayan Baru telah membangkitkan beberapa perkara, pertamanya berkenaan dengan Tornado. Tuan Pengerusi, adalah sedia maklum bahawa saya sudah jelaskan dengan memberikan penjelasan yang terperinci berkenaan dengan perkara-perkara berkaitan dengan Tornado di Dewan yang mulia ini dan juga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah menjawab soalan-soalan berkenaan dengan Tornado ini soalan-soalan dari Ahli Yang Berhormat dari Tanjong beberapa bulan yang lalu. Dan saya hairan mengapakah pula pada hari ini sekali lagi beliau telah membangkitkan persoalan Tornado dan membangkitkan bahawa Kementerian Pertahanan dikatakan mempunyai kickback dan mengambil komisyen daripada pihak-pihak tertentu.

Sebenarnya, saya khawatir Tuan Pengerusi, nanti orang mengalakan bahawa Ahli Yang Berhormat dari Bayan Baru ini mendapat komisyen pula daripada Tony Rowland pemilik akhbar OBSERVER yang sering membangkitkan persoalan

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*).

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, Ahli dari kepong bangun.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Saya tak beri jalan.

Berkenaan dengan perkara yang dibangkitkan oleh beliau iaitu berkenaan Butiran 00500 Pembinaan Tentera Udara, meliputi perkara perbelanjaan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ialah berkenaan dengan perbelanjaan rumah keluarga bagi anggota tentera dan pembinaan bangunan teknikal di pengkalan-pengkalan TUDM Subang, TUDM Kuantan, TUDM Labuan, TUDM Butterworth, TUDM Kinrara dan TUDM Kluang.

Berkenaan dengan perkara Butiran 00600—Kelengkapan Tentera Udara—meliputi perbelanjaan bagi peralatan-peralatan TUDM seumpama alat perhubungan, kenderaan specialist dan kenderaan gunasama atau peralatan-peralatan latihan, peluru, komputer dan sebagainya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, butiran-butiran berkenaan tidak diwujudkan baru-baru ini tetapi telah diwujudkan pada tahun 1986 iaitu tahun pertama Rancangan Malaysia Kelima.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Bayan Baru, peruntukan tersebut adalah peruntukan pengurusan biasa iaitu bagi maksud pembayaran gaji, penyelenggaraan kem, penyelenggaraan kapal terbang, kapal laut, alat-alat pertahanan yang lain seperti radar dan komputer. Jadi, perlu dimaklumkan bahawa peruntukan yang disebutkan tadi juga bagi maksud latihan dan logistik yang lainnya, yang mana perbelanjaan sebenarnya yang boleh mengadakan peruntukan dalam bidang-bidang penyelenggaraan biasa yang mana tidak perlu diberi maklumat lanjut.

Pembelian pesawat Skyhawk atau A4 yang terpakai adalah untuk meningkatkan pengalaman TUDM dalam bidang pejuang

atau offensive, dengan izin, selaras dengan kemampuan Angkatan Tentera Malaysia sebagai tentera yang bercorak conventional. Proses membina keupayaan ini memanglah memerlukan, dengan izin, learning curve yang panjang dan risiko yang tinggi. Dari 88 buah yang dibeli, 52 buah telah digunakan untuk mengubahsuai 40 buah A4 Skyhawk terdiri daripada 34 single sitter dan 6 twin sitter, dengan izin, untuk tugas melatih. Bakinya ditinggalkan di Padang Pasir Arizona sebagai air frame reserve, dengan izin, disebabkan oleh kerana Padang Pasir Arizona itu cuacanya adalah sesuai bagi storage baki A4 Skyhawk yang ada di Amerika Syarikat.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Penjelasan. Ini berkenaan dengan Skyhawk, saya ingin tahu sama ada Kerajaan Malaysia telah pun membuat pembayaran, menyelesaikan segala pembayaran kos pembelian Skyhawk ini dan kalau sudah, saya hendak tahu mengapa pula ditinggalkan di Arizona itu. Alasan yang Ahli Yang Berhormat berikan itu, saya rasa kurang logik. Kenapa dan mengapakah kita tidak bawa balik Skyhawk itu di sini?

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tuan Pengerusi, kita sudah selesai membayar semua kos Skyhawk apabila kita mengambilalih daripada Tentera Laut Amerika Syarikat dahulu. Sebenarnya kita memanglah meninggalkan baki Skyhawk di Arizona desert, dengan izin, oleh kerana masalah disebutkan oleh saya tadi, iaitu cuaca di sana sesuai untuk storage, tidak boleh menyebabkan berkarat dan apabila, jikalau kita mengambil balik air frame yang ada di Arizona di bawa ke Malaysia dan jikalau kita tidak menggunakan dengan segera air frames yang ada di situ, maka kita khawatir perbelanjaan kos akan meningkat dari segi menjaga proses berkarat dan sebagainya.

Tuan Pengerusi: Ya, Batu Barendam.

Tuan Muhd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Saya rasa kalau ini jawapan yang diberi oleh Ahli Yang Berhormat, ini membuktikan bahawa perancangan yang

dibuat oleh Kementerian Pertahanan apabila kita hendak membeli 88 Skyhawk ini adalah satu perancangan yang saya rasa kurang tepat, kurang cerdik. Kerana kitiatsepatutnya mempunyai perancangan, tahun ini kita hendak pakai berapa unit, tahun depan berapa unit. Dan Yang Berhormat mengatakan tadi, kalau kita bawa ke sini, kapal terbang itu akan berkarat. Jadi, kapal terbang ini pun tiap-tiap hari hendak dipakai, walau macam manapun sama ada dipakai 2-3 jam, atau 10 jam kita simpan, cuaca pun macam itu juga. Hujan ribit, panas terik dan sebagainya. Akan berkarat juga benda itu. Adakah ini bermakna bahawa kapalterbang Skyhawk yang kita beli itu tidak mempunyai mutu yang linggi?

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tuan Pengerusi, saya fikir Ahli Yang Berhormat dari Batu Barendam kurang faham berkenaan dengan keadaan Skyhawk yang kila beli daripada Kerajaan Amerika Syarikat. Sebenarnya, kapal terbang-kapal terbang Skyhawk yang dibeli itu ialah dalam keadaan bukan seperti srbuah kapal terbang siap, tetapi dalam "parts" dan air frames dan sebagainya, in parts, dengan izin, bukan satu rangka seperti kapal terbang biasa. Jadi, dengan itu, kita memang mempunyai program-program tertentu apabila projek ini telah diluluskan oleh Kerajaan.

Sebenarnya, apabila kita sudah menerima 40 buah jenis kapal terbang Skyhawk daripada Amerika Syarikat selepas diubahsuakan di Austin, Florida, kita bercadang untuk menambahkan dua squadron yang sudah balik ke tanahair.

Malangnya oleh kerana ekonomi negara kita merosot, Kerajaan tidak mampu membeli peruntukan yang besar kepada Kementerian Pertahanan untuk menjalankan program-program yang dijadualkan ketika itu

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: *(Bangun)*

Tuan Pengerusi: Nanti sekejap.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Olch

kerana itu kita terpaksa menanggung program-program berkenaan. Dan oleh kerana Kerajaan sekarang sedang berunding dengan Airod untuk refurbishing baki-baki Skyhawk yang ada dipadang pasir Arizona, kemudian jikalau ada Kerajaan-kerajaan luar negeri yang ingin membeli refurbished Skyhawk yang dibuat oleh Airod nanti, kita akan menimbang permohonan yang datang dari kerajaan negara luar.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: *(Bangun)*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Pasir Mas bangun. Hendak beri jalan atau tidak?

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Kerana masa tidak mengizinkan, Tuan Pengerusi, saya ingin hendak meneruskan. Masa mereka berucap, saya tidak kacau pun.

Tuan Pengerusi: Ya, sila teruskan.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Keupayaan Tentera Laut Di-Raja Malaysia untuk membuat rondaan; ini berkenaan dengan jawapan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar. Keupayaan Tentera Laut Di-Raja Malaysia untuk membuat rondaan adalah tertakluk kepada jumlah kapal-kapal yang sedia ada di dalam armada Tentera Laut Di-Raja Malaysia. Buat masa ini Tentera Laut Di-Raja Malaysia memang giat membuat rondaan di Laut China Selatan tetapi oleh sebab Lautan China Selatan agak luas kawasannya dan jumlah kapal dalam Tentera Laut Di-Raja Malaysia amatlah terhad maka rondaan perlulah dibuat di kawasan yang tertentu sahaja yang mana memerlukan perhatian yang lebih dari segi keselamatan. Rondaan di Selat Melaka pula dilakukan oleh pihak Polis Marin dan dibantu oleh pihak Tentera Laut Di-Raja Malaysia, jika perlu, dari masa ke semasa.

Yang Berhormat dari Pasir Mas telah membangkitkan soalan skandal terhadap Kementerian Pertahanan.

Tuan Pengerusi, jikalau Ahli Yang Berhormat itu mempunyai bukti-bukti yang

tertentu, saya ingin beliau bukan sahaja membuat aduan kepada polis tetapi berhubung dengan Yang Berhormat Menteri Pertahanan dengan bukti-bukti yang ada.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: (*Banguri*)

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Jikalau beliau tidak mempunyai bukti yang tertentu berkenaan dengan skandal-skandal yang telah disuarakan oleh beliau, saya harap beliau tidak payahlah buatkan tuduhan-tuduhan yang liar di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat hendak beri jalan kepada dia?

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tidak. Antara tindakan Kementerian Pertahanan

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Batu Berendam bangun pula. Hendak beri jalan?

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tidak. Tuan Pengerusi

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: (*Menyampuk*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Pasir Mas. Saya tidak boleh benarkan perkataan seperti itu. Sila teruskan.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tuan Pengerusi, kita ini Ahli-ahli Parlimen. Kita mesti act sebagai Ahli-ahli Parlimen.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Tidak.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Ini Ahli Parlimenlah.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, dia tidak beri jalan.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Saya hormatkan dia, apabila dia berucap, saya tidak kacau. Saya berharap, saya diberi kebebasan untuk menghabiskan ucapan saya.

Tuan Pengerusi, beliau telah menyentuh penggunaan peruntukan untuk meningkat dan memperbaiki moral dan motivasi anggota-anggota Angkatan Tentera Malaysia. Antara tindakan-tindakan Kementerian Pertahanan untuk memperbaiki kemudahan-kemudahan asas kepada anggota-anggota tentera Malaysia ialah melaksanakan program perumahan yang berjumlah 7,634 unit dalam Rancangan Malaysia Kelima yang bernilai melebihi \$300 juta.

Tuan Hu Sepang: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Rasah bangun. Tidak beri jalan?

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tidak beri jalan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat itu tidak beri jalan. Kalau sesiapa bangun pun dia tidak beri jalan. Yang Berhormat yang lain-lain, jangan bangun ya, dia tidak beri jalan. (Ketawa)

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas telah menyentuh berkenaan dengan dia kata tiada negara jatuh kapal terbangnya melainkan dalam peperangan.

Tuan Pengerusi, mana-mana negara baik sudah maju ataupun masih membangun tidak dapat memberi jaminan bahawa apa sahaja jet-jet pejuang yang diperolehi oleh mereka tidak akan menemui kemalangan atau kematian anggota-anggotanya. Rekod Tentera Udara Di-Raja Malaysia setakat ini boleh dibanggakan bukan sahaja di rantau ini bahkan jikalau dibandingkan dengan tentera udara negara-negara yang maju, ini telah dijelaskan atau dikatakan oleh Panglima-panglima Tentera Udara dari negara-negara yang maju yang berketurunan

ke Kementerian Pertahanan berkenaan dengan masalah ini.

Berkenaan dengan soalan kemalangan helikopter Nuri yang berlaku bam-baru ini, Tuan Pengerusi, Lembaga Penyiasat Tentera Udara Di-Raja Malaysia sedang membuat penyiasatan dan penyiasatan tersebut belum selesai dan tidak wajar untuk saya membuat komen-komen berkenaan dengan perkara ini.

Tuan Hu Sepang: Tuan Pengerusi, on a point of order. Tidak cukup bilangan, saya boleh bangun.

Tuan Pengerusi: Ya, bolch bangun yang itu. Sila kira—22. Sila bunyikan loccng.

Loceng dibunyikan.

(Ahli-ahli dikira, lebih 26 Ahli hadir).

Tuan Pengerusi: 37 orang, sudah cukup korum. Sila teruskan.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tuan Pengerusi, sebenarnya helikopter Nuri ialah sebuah helikopter dengan izin, good work horse untuk Tentera Udara Di-Raja Malaysia, dan helikopter Nuri dari segi usia boleh jadi dekat 20 tahun sudah kita membeli Nuri itu. Dan walaupun 20 tahun tetapi prestasinya memang memuaskan. Dan accident seperti saya sebut tadi berlaku bila-bila masa, itu takdir Tuhan, Allah s.w.t. Kita tidak dapat menjamin, kita tidak dapat memberi guarantee sesiapa memakai helikopter Nuri atau jet-jct pejuang, diguarantee 100% akan selamat.

Dr Tan Seng Giaw: *(Bangun)*

Tuan Pengerusi: Timbalan Menteri sudah beri notis supaya jangan mengganggunya.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas juga menggesa supaya pentadbiran Kementerian Pertahanan disusun semula sebagai langkah untuk mengelakkan penyelewengan dan pembaziran di dalam pembelian peralatan tentera. Struktur serta pentadbiran yang

ada sekarang di Kementerian Pertahanan adalah memuaskan dari segi mengawal dan mengelakkan penyelewengan dan pembaziran. Walau bagaimanapun, Kementerian sentiasa mengambil berat untuk menentukan segala perbelanjaan adalah mengikut perancangan dan keperluan pertahanan negara.

Ahli Yang Berhormat dari Simunjan telah menyentuh beberapa perkara berkenaan dengan bekas-bekas perajurit. Kementerian Pertahanan sentiasa berusaha dan membantu bekas-bekas perajurit, di antara tindakan-tindakan yang telah dan akan diambil oleh Kementerian Pertahanan ialah memberikan bekas-bekas perajurit peluang menjalani latihan peralihan yang mencukupi. Selain daripada itu Kementerian Penahanan menjadi pusat pendaftaran pekerja di samping memberi khidmat nasihat untuk menjalankan pemiagaan kepada bekas-bekas perajurit.

Kementerian Pertahanan juga telah membantu mereka untuk mendapatkan lesen-lesen termasuklah lesen-lesen teksi yang mana saya telah difahamkan bahawa Kementerian Perusahaan Awam telah pun bersedia menimbangkan pemberian lesen-lesen teksi kepada bekas-bekas perajurit. Sekian sahaja, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$2,309,459,000 untuk Maksud B. 25 di bawah Kementerian Perlahanan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$2,309,459,000 untuk Maksud B. 25 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$389,877,000 yang disebutkan dalam Maksud P. 25 dalam Anggaran Pembangunan, 1990 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$389,877,000 untuk Maksud P. 25 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1990.

Maksud B. 26 (Jadual)—

Maksud P. 26 (Anggaran Pembangunan, 1990)—

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Maksud B. 26 dan P. 26 Anggaran Pembangunan 1990 di bawah Kementerian Pendidikan terbuka untuk dibahaskan.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad (Pengkalan Chepa): (Bangun)

Tuan Pengerusi: Ya, silakan. Saya harap jangan bercakap di atas dasar.

5.05 ptg.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyentuh Maksud B. 26, Butiran 010000, Aktiviti 010900—Bantuan kepada Badan-badan Pendidikan dan Lain-lain, muka surat 126. Saya hendak menyentuh Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap, (v) iaitu Sekolah-sekolah Agama Islam Rakyat yang diperuntukkan sebanyak \$7,200,000. Saya juga akan menyentuh Butiran 020000, Aktiviti 020600—Pengurusan Pendidikan Islam yang diperuntukkan \$2,355,000, muka surat 127.

Tuan Pengerusi, saya bersyukur kerana Kementerian membuat peruntukan \$7.2 juta bagi membantu Sekolah-sekolah Agama Islam Rakyat. Sebenarnya sekolah-sekolah jenis inilah yang banyak memainkan peranan menyedarkan rakyat untuk bangun menuntut kemerdekaan dahulu. Peranan sekolah-sekolah ini jugalah yang berjaya mempertahankan rakyat di negara ini kekal sebagai Islami walaupun cabaran penjajahan barat selama ini begitu hebat, tetapi Semenanjung Malaysia adalah negara yang paling berjaya menangkis usaha menghakiskan Islam dibandingkan dengan lain-lain negara yang pernah dijajah di rantau dunia sebelah sini.

Sekolah-sekolah pondok dan lulusannya banyak memainkan peranan dalam ke-

jayaan ini. Walaupun di zaman penjajahan sekolah-sekolah ini tidak pernah mendapat layanan Kerajaan, tetapi alhamdulillah, selepas merdeka ada juga perhatian yang diberikan oleh Kementerian Pelajaran yang kini Kementerian Pendidikan. Bagaimanapun, bantuan itu tidaklah padan dengan peranan dan tanggungjawab Sekolah-sekolah Agama Rakyat ini. Bantuan yang diberikan tidak mencukupi keperluan sekolah. Untung juga kebanyakan tenaga pengajar di sekolah-sekolah tersebut telah dididik dengan semangat untuk berbakti kepada agama dan negara dan justeru itu mereka kurang mementingkan masalah material dan kepentingan diri sendiri. Inilah yang menyebabkan guru-guru itu terus memberikan khidmat kepada sekolah-sekolah tersebut.

Tuan Pengerusi, kakitangan sekolah-sekolah ini tidak dapat skim pencen dan tidak ada apa-apa jaminan bila bersara, layanan perubatan dan kebajikan lainnya samalah dengan layanan yang diberikan kepada orang ramai biasa yang tidak mempunyai apa-apa pekerjaan dengan Kerajaan, tetapi mereka tidak pernah melarikan diri dari tanggungjawab untuk memberikan pendidikan agama kepada rakyat bahkan mereka tidak pernah merasa jemu-jemu. Kebanyakan sekolah-sekolah ini, malah kesemuanya, hidup di atas wang wakaf dan khairat orang ramai. Maju mundur sekolah-sekolah itu bergantung kepada usaha para pentadbirnya sendiri, tetapi masih banyak lagi sekolah seperti ini terus hidup walaupun keadaannya tidak serapi sekolah-sekolah di bawah Kementerian. Tetapi sekolah-sekolah seperti ini terus mendapat sambutan dari rakyat terutamanya di Kedah, Perlis, Kelantan, Terengganu dan Utara Perak dan Seberang Perai. Di negeri-negeri lain juga ada, tetapi kurang.

Walaupun Kerajaan telah acap kali mengubah program dan pendekatan tetapi orang ramai masih menghantar anak-anak mereka ke Sekolah-sekolah Agama Rakyat walaupun tidak ada jaminan pekerjaan dan ekonomi selepas bersekolah, tetapi sekolah ini terus mendapat sambutan rakyat, apa lagi di masa kini.

Tuan Pengerusi, sepatutnya Kementerian hendaklah peka dengan sambutan ini dan tidak memandang sambil-lewa walaupun Kerajaan mempunyai tanggungjawab yang besar terhadap sekolah-sekolah di bawah jagaannya sendiri. Sekolah Agama Rakyat dirasakan bertambah perlu apabila Kerajaan tidak dapat memenuhi apa yang diperlukan oleh rakyat. Rakyat mahu anak-anak mereka mendapat pelajaran yang cukup dalam akademik dan agama Islam dari sekolah, tetapi nampaknya keperluan Islam tadi tidak dapat diberikan seperti yang dikehendaki oleh ibubapa.

Justeru itu kira mendapati sekolah Pak Ya Al-Junid yang dikenali dengan Madrasah Taufikiah Khairiah Halimiah, Padang Lumat, Kedah mempunyai murid-murid seramai lebih daripada 3,000 orang yang datang dari seluruh negara. Anak-anak dari seluruh negara itu bukanlah anak orang-orang kaya. Mereka adalah anak orang-orang miskin. Kalau mereka bersekolah di tempat mereka, makan minum mereka dijaga oleh ibubapa mereka, mereka makan apa yang ibubapa mereka makan, tidak perlu ibubapa memberi peruntukan asing kepada mereka.

Oleh kerana Kerajaan tidak dapat menyediakan pelajaran yang mereka kehendaki, maka mereka telah menghantar anak-anak mereka jauh dari rumah, kadangkala sampai keluar negeri, pada hal setengah daripada mereka masih memerlukan perhatian ibubapa. Oleh kerana tanggungjawab itu tidak dipenuhi oleh Kementerian melalui sekolah-sekolahnya sendiri, maka wajarlah Kerajaan memberi bantuan kepada Sekolah-sekolah Agama Rakyat dengan tidak memberatkan sangat syarat-syaratnya. Sekolah-sekolah itu ada jasanya sejak sebelum merdeka, maka tidaklah wajar Kerajaan menaruh curiga kepada pentadbir-pentadbir sekolah-sekolah itu. Cuma apa yang perlu, mungkin menyelaraskan pentadbiran dan sukatan pelajaran sesuai dengan keperluan umat Islam di negara ini. Kerajaan patut bertolak-ansur tentang bahasa pengantar sekolah ini. Memang dasar Kerajaan bahawa setiap sekolah yang hendakkan bantuan

Kerajaan mesti menggunakan bahasa pengantar Melayu dan mesti menerima dasar yang ditentukan oleh Dasar Pelajaran Kebangsaan.

Tuan Pengerusi, sejak dari zaman penjajah lagi, Sekolah-sekolah Agama Rakyat walaupun menjadikan bahasa Arab sebagai bahasa pengantar tetapi mereka tidak pernah mengabaikan Bahasa Kebangsaan, malah dalam mendaulatkan Bahasa Kebangsaan, golongan dari sekolah ini banyak memberikan sumbangan, malah agak lebih ketara dari aliran sekolah lain. Walaupun mereka belajar dalam bahasa Arab tetapi kita tidak pernah bertemu bahawa mereka menggunakan bahasa Arab itu sehingga ke rumah, ke bilik tidur dan sebagainya. Tidak seperti orang bersekolah Inggeris, mereka berbahasa Inggeris di mana-mana. Oleh yang demikian, tidak ada apa-apa yang dibimbangkan kalau sekolah ini menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa pengantar dan mereka akan tetap bercakap Melayu di luar sekolah. Justeru itu, bahasa pengantar itu tidaklah harus dijadikan syarat mengapa bantuan tidak patut diberikan kepada mereka. Kalau Kerajaan boleh memberikan bantuan yang cukup besar kepada Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil yang menggunakan bahasa ibunda masing-masing sebagai bahasa pengantar, tidaklah wajar Kerajaan mengenyepikan Sekolah Arab yang rata-rata didatangi oleh murid-murid bumiputera. Kita sangat dukacita bahawa Kerajaan telah menjadikan Sekolah Agama Rakyat ini sebagai sekolah kelas dua. Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil mendapat layanan yang lebih baik. Kerajaan hendaklah menjalankan dasar pro-bumiputera tetapi sekolah yang dipenuhi oleh bumiputera tidak diberikan layanan yang sewajarnya.

Kita tidak menentang peruntukan yang diberikan kepada Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil tetapi Sekolah Jenis Kebangsaan boleh mendapatkan bangunan, kantin, perpustakaan dan sebagainya atas tanggungan Kerajaan tetapi Sekolah Agama Islam untuk membina asrama, bangunan kantin, bangunan sekolah, surau dan sebagainya terpaksa ditanggung sendiri.

Tuan Pengerusi, dalam beberapa tahun terakhir ini, soal politik masuk-campur. Politik PAS dan UMNO menjadi kira. Sekolah yang ramai orang PAS terus menjadi sasaran diskriminasi. Kerajaan membelanjakan kalau sekolah itu dapat diterajui oleh orang UMNO tetapi orang UMNO tidak tertarik untuk menerajui Sekolah Agama kerana mereka tidak boleh jadi orang kaya dan tidak banyak untung material. Sebagai contoh, Tuan Pengerusi

Tuan Haji Ghazali bin Ahmad:
(Bangun)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Jerai bangun, Yang Berhormat. Hendak beri jalan kepada dia?

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tidak payahlah.

Tuan Pengerusi: Tidak payallah. Sila teruskan.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tunggalah dahulu.

Tuan Pengerusi: Janganlah bercakap begitu.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Sebagai contoh, Tuan Pengerusi, saya kemukakan sebuah Sekolah Agama di Titi Serong, Parit Buntar—Madrasah Tahzid namanya. Dahulunya sekolah ini dikendalikan oleh orang-orang PAS bersama orang UMNO. Sedikit sebanyak sekolah ini mengeluarkan ramai penyokong-penyokong PAS. UMNO merasa rugi dengan keadaan itu lalu UMNO berusaha mengambil alih. Ia berjaya mengambil sekolah itu tetapi sekarang sekolah itu telah tutup dan mati. Oleh kerana Kerajaan Pusat tidak memberikan perhatian kepada Sekolah Agama, lalu menggalakkan sekolah-sekolah mendapatkan bantuan itu dengan entah kerana apa sekolah-sekolah yang mendapat bantuan loteri itu menjadi sekolah untuk mendapatkan lulus SRP, SPM dan STP. Mereka tidak menjadi murid lulusan agama. Setengah daripada sekolah itu tidak lagi kedengaran.

Antaranya sebuah sekolah yang ditaja oleh Allahyarham Sheikh Abdullah Tahir di Kepala Batas. Sekolah terkenal itu sebagai sekolah yang didatangi oleh murid-murid dari luar Seberang Prai. Sekolah itu antara yang menerima bantuan loteri dan sebuah sekolah yang dijaga oleh orang UMNO. Wakil dari Kepala Batas adalah cucu pengasas sekolah itu. Tetapi sekolah itu kini tidak kedengaran lagi. Masih ada atau tidak ada lagi tidak dapat hendak dipastikan. Memandangkan pelajar-pelajar agama yang hendak melanjutkan pelajaran ke luar negeri memerlukan penguasaan bahasa Arab yang baik, sehingga ini pihak Sekolah Agama Rakyat ini telah membuktikan lebih berupaya untuk memenuhi keperluan itu. Pelajar-pelajar lulusan sekolah Kerajaan tidak diterima terus belajar ke luar negeri. Oleh itu lulusan sekolah Kerajaan terpaksa pula belajar dahulu di sekolah pondok untuk mendapatkan pengakuan di luar negeri. Oleh itu adalah wajar bagi Kerajaan memastikan Sekolah-sekolah Agama Rakyat mendapat bantuan sewajarnya supaya ia boleh meneruskan khidmatnya yang mulia itu sementara Kerajaan sendiri tidak berupaya untuk memenuhi apa yang disumbangkan oleh Sekolah Agama Rakyat.

Tuan Pengerusi, mengenai pengurusan pendidikan Islam, baik di peringkat rendah dan menengah adalah wajar Kerajaan mengkaji dan meningkatkan lagi sistem yang ada itu supaya sekolah-sekolah Kerajaan sekarang mendapat perhatian seluruh ibu-bapa yang kian memberikan tumpuan kepada pelajaran yang berorientasikan Islam. Ibu-bapa Islam kini sudah mulai menghantar anak mereka ke Sekolah Agama sejak peringkat pra-sekolah lagi dan mereka memilih sekolah yang berorientasikan Islam sekiranya sekolah rendah jenis itu ada di kawasan mereka. Di mana-mana ada sekolah yang boleh menampung keperluan itu dan semakin ramai ibu-bapa menghantar anak ke situ sebagai alternatif kepada sekolah kebangsaan. Walaupun jaminannya belum ada di sekolah-sekolah itu tentang berapa lama sekolah itu boleh berjalan tetapi ada

orang yang mahu menyokongnya disebabkan keperluan itu tidak dapat diadakan oleh Kerajaan.

Tuan Pengerusi, demikian juga permintaan murid menyambung ke sekolah menengah aliran Agama bertambah ramai dan permohonan nampaknya lebih ramai yang boleh ditampung oleh sekolah-sekolah Menengah Agama Kerajaan. Ini bererti ramai murid yang tidak berpeluang mendapat pelajaran pilihan ibu-bapa mereka. Jalan yang terbuka ialah mereka dihantar ke Sekolah Agama Rakyat yang jauh dari tempat mereka. Kiranya pengurusan Kerajaan tentang pendidikan Islam ini dapat ditingkatkan maka ia boleh memenuhi kemahuan orang ramai. Kurikulum sekolah kebangsaan rendah dan menengah sepalutnya diselaraskan dengan kurikulum Sekolah Agama Rakyat bagi membolehkan lulusan sekolah itu mendapat pelajaran secukupnya dalam bidang agama dan akademik. Jika pengurusan ini dapat ditampung oleh Kerajaan nescaya beban yang dihadapi oleh Sekolah Agama Rakyat akan dapat diringankan.

Saya yakin, Tuan Pengerusi, bahawa Sekolah-sekolah Agama Rakyat ada ialah disebabkan oleh tugas itu tidak dijalankan oleh Kerajaan. Kalau tanggungjawab itu dilaksanakan oleh Kerajaan, maka tuantuan guru yang terpaksa membuka pondok dan sebagainya itu boleh mengalih kepada bidang khidmat yang lain.

Tuan Pengerusi, B. 26

(Timbalan Yang di-Pelua *mem-pengerusikan Jawatankua.sa*)

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Pengkalan Chepa, sekejap. Yang Berhormat Sungai Petani hendak apa?

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Minta jalan.

Tuan Pengerusi (Dato Haji Muhamed Amin bin Haji Daud): Dia minta jalan, Yang Berhormat. Hendak beri?

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Ya.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Saya hendak bertanya sedikit sahaja dengan ikhlasnya iaitu macam Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa sebutkan tadi itu seolah-olah tidak ada langsung sekolah agama yang ditadbirkan oleh Kementerian Pendidikan. Kalau benar apa yang saya sebut ini, boleh jadi saya salah dengan Yang Berhormat sebut tadi, saya rasa kesal jugalah sebab apa, Kementerian Pendidikan ada sekolah agamanya boleh dikatakan di tiap-tiap negeri ada sekolah agama. Terima kasih,

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Pengerusi, mungkin Yang Berhormat tidak faham apa yang saya cakap. Saya tidak sentuh apa yang dibawah tugas Kerajaan. Yang saya sentuh satu kepala khusus mengenai Sekolah-sekolah Agama Rakyat. Apakah Yang Berhormat tidak menjelajah seluruh negara dan di Kedah sendiri pun, saya sebut.

Tuan Pengerusi, dalam B. 26 juga, mukasurat 131, Butiran 00600-Universiti Malaya, yang anggaran perbelanjaan tahun 1990 berjumlah sebanyak \$5,200,000.

Dalam butiran ini, ada dua perkara yang hendak saya sentuh di bawah Kepala ini. Pertama, berhubung dengan kursus ijazah lanjutan bagi tenaga akademik di Akademik Islam dan berhubung dengan pembinaan bangunan kampus cawangan Universiti Malaya di Bachok. Berhubung dengan kursus ijazah lanjutan bagi kakitangan akademik di Akademik Islam ini nampaknya seolah-olah hendak dibekukan oleh Kementerian Pendidikan.

Saya minta penjelasan daripada pihak Kementerian sama ada benar bahawa galakan seolah-olah tidak ada untuk menghantar kakitangan akademik ini melanjutkan pelajaran ke luar negeri bagi mengambil ijazah lanjutan. Kalaupun ada, dikurangkan kerana kononnya Kementerian hendak memberi kesempatan kepada tenaga-tenaga dari Universiti Islam Antarabangsa untuk memenuhi setengah dari krusi-krusi di Akademik Islam itu

nanti. Kiranya ini benar, adalah sangat mendukacitakan kerana ia menyekat peluang bagi pensyarah di Akademik Islam untuk mendapatkan ijazah kedua di peringkat sarjana dan seterusnya ijazah doktor falsafah. Sedangkan peluang melanjutkan pelajaran itu adalah peluang naik pangkat bagi kakitangan itu. Saya mencadangkan supaya peluang melanjutkan pelajaran itu dibuka seluas-luasnya kepada mereka.

Sehubungan dengan Kursus Ijazah Lanjutan ini juga, saya ingin menyatakan dukacita kerana ramai Pensyarah-pensyarah Akademik Islam, dan demikian juga Pensyarah-pensyarah dari Kampus lain sukar diterima mengambil Ijazah Sarjana dan Doktor Falsafah di universiti-universiti di Asia Barat, kerana didapati bahasa Arab mereka tidak sampai ke tahap yang dikehendaki, tetapi peluang itu agak mudah pula didapati di universiti-universiti di Amerika dan Britain. Misalnya ialah orientasi Pengkajian Islam itu tentulah lebih sempurna di universiti-universiti di Mesir, dan lain-lain negara Islam kalau dibandingkan dengan universiti di Barat. Universiti di Barat itu sendiri mempunyai dasar dan matlamatnya sedih tentang Pengajian Islam, dan justru itu belumlah tentu ia dapat melahirkan graduan-graduan seperti yang diperlukan oleh umat Islam di negara ini.

Tuan Pengerusi, apa yang perlu ditekankan di sini, ialah langkah-langkah hendaklah diambil bagi menentukan mutu bahasa Arab bagi calon-calon ijazah lanjutan itu mencapai tahap yang melayakkan mereka diterima di Kampus-kampus di negara Arab.

Perkara kedua, Tuan Pengerusi, berhubung dengan projek Kampus Cawangan Universiti Malaya, khususnya Pengajian Islam yang dirancangkan di Bachok perlulah disegerakan. Saya mendapat tahu bahawa tapak sudah pun dikenalpasti dan bayaran serta segala-galanya telah selesai, cuma tinggal pelaksanaan sahaja. Apakah sebab-sebabnya hingga ini kerja-kerja membina Kampus Cawangan itu belum dimulakan?

Adakah Kerajaan bercadang mahu pulang balik tanah-tanah itu kepada tuan-tuan punya yang asal? Saya sentiasa curiga bahawa Kerajaan bimbang untuk melaksanakannya kerana takut ianya boleh menguntungkan Pembangkang dari segi politik jangka panjang. Dan inilah yang tepatnya, kalau inilah sebabnya, maka jelaslah Universiti MaJaya ini tidak bebas dari muslihat politik UMNO. Sebenarnya, Tuan Pengerusi, rancangan ini telah jadi mangsa dikorbankan oleh politik sentimen UMNO, dan peruntukan asal yang telah diluluskan pada zaman Allahyarham Tun Haji Abdul Razak dahulu ialah dibawa lari ke sini, kalanya ke UUM.

Saya menyeru supaya bebaskanlah persoalan ini dari muslihat politik, dan segerakan pembinaan Kampus itu supaya cita-cita mewujudkan Kampus Islam yang sesuai dengan selera umat Islam dapat dilaksanakan.

Saya telah berulang kali membangkitkan hal ini di dalam Dewan yang mulia ini, tetapi jawapan pun tidak diberi. Hari ini saya mengingatkan pihak Kerajaan dan Menteri berkenaan, bahawa sebarang usaha untuk membeku atau mengalih projek ini ke tempat lain bukanlah suatu langkah yang cerdik dan bijak, tetapi ianya adalah satu pengkhianatan dan penyelewengan yang amat ketara, dan amalan menyeleweng ini adalah salah di sisi agama Islam, Saya tidak fikir Menteri Pendidikan sekarang berani bergelumang dengan dosa dan penyelewengan, apa lagi beliau diberi tugas mengepalai Jawatankuasa Menengah Penyelewengan oleh Kabinet.

Tuan Pengerusi, masanya sudah sampai dan tiba untuk Kerajaan memberi perhatian sepenuhnya kepada pendidikan Islam di negara ini sesuai dengan cita-cita dan usaha Kerajaan hendak menerapkan nilai-nilai Islam, dan Perlembagaan Negara sendiri mencatatkan bahawa Islam adalah agama Perskutuan di samping agama-agama lain hidup bebas dan boleh diamalkan sepenuhnya. dan Islam ini sahajalah dapat menyelesaikan masalah negara dan sebagainya.

Saya mencadangkan supaya tahun-tahun akan datang Kerajaan akan melipatgandakan peruntukan kepada pendidikan Islam ini. Dan untuk membuktikan kerja cemerlang Kerajaan dan melihat kualiti kepimpinan, hendaklah didirikan seberapa segera sebuah Universiti Islam yang mempunyai identiti dan kualiti yang tepat dengan kehendak Islam.

Saya tidak mahu lagi, Tuan Pengerusi, Kerajaan menonjol kerja cemerlang dan berkualiti hari ini, tetapi Menteri seorang pun tidak pernah datang dalam Parlimen. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Maran.

5.25ptg.

Tuan Haji Mohamad bin Abdullah (Maran): Terima kasih, Tuan Pengerusi, kerana memberi peluang untuk membahaskan Maksud Bekalan bagi Kementerian Pendidikan.

Pertama, saya ingin merujuk kepada mukasurat 25 dibawah Program 010600—Perkhidmatan Komputer, yang mana peruntukan bagi tahun 1990 ialah sebanyak 58,105,100.

Saya ucapkan terima kasih kepada Kementerian yang berkenaan, kerana telah sudi menambahkan lagi peruntukan ini, tetapi saya ingin tahu apakah cara pembahagian peruntukan ini. Saya ingin menyarankan supaya tekanan yang lebih harus diberi kepada sekolah-sekolah luar bandar kerana kalau tidak diseimbangkan pembahagian ini, sudah barang tentu kita akan menempuh perbezaan di antara kemajuan bandar dan luar bandar dari segi pendidikan. Kita sedar dari segi pendidikan yang lain memang perbezaan pencapaian persekolahan di bandar dan luar bandar adalah jelas. Jadi kalau sekiranya Perkhidmatan Berkomputer ini tidak diselaraskan, sudah barang tentu kita akan menempuh perbezaan dari segi kemajuan berkomputer di antara sekolah-sekolah di bandar dan di luar bandar. Saya mengharapkan supaya pihak Kerajaan

mengambil perhatian berat untuk mengimbangkan dari segi perkara yang saya sebutkan tadi.

Saya juga ingin merujuk kepada mukasurat 127, Program 040300—Asrama. Apabila saya menyentuh asrama ini, saya ingin juga merujuk kepada peruntukan pembangunan pada Butiran 00900, mukasurat 131. Kita masih banyak lagi sekolah-sekolah yang memerlukan asrama terutama sekali sekolah-sekolah di luar bandar. Walaupun kita telah cuba mewujudkan beberapa asrama, tetapi kita masih kedapatan banyak lagi sekolah-sekolah yang memerlukan asrama terutama sekali sekolah-sekolah luar bandar.

Menyentuh asrama biasa yang diberi peruntukan \$19 juta ini. Saya ingin tahu di manakah asrama-asrama ini akan dibina.

Menyentuh asrama desa dengan peruntukan sejumlah \$2,750,000, saya juga ingin tahu di manakah asrama-asrama desa ini akan dibina. Saya percaya perlulah kita memberi keutamaan kepada sekolah-sekolah di luar bandar yang berjauhan dengan bandar, kerana kita kedapatan adanya sekolah yang kita dirikan itu adalah berjauhan dengan penduduk-penduduk ataupun murid-murid yang hendak pergi ke sekolah, terutama sekali di sekolah-sekolah yang agak tersorok, yang mana kampung-kampung ataupun rumah-rumah adalah terpencil, maka perlulah kita mengadakan asrama desa ini. Saya ingin tahu di manakah asrama desa ini akan diadakan di bawah peruntukan yang telah disebutkan tadi.

Tuan Pengerusi, saya ingin juga merujuk kepada Butiran (Projek) 01000—Pejabat-pejabat Pendidikan. Walaupun kita telah mewujudkan banyak sekolah-sekolah, baik sekolah rendah ataupun sekolah menengah, tetapi masih kedapatan bahawa di daerah itu tidak mempunyai Pejabat Pendidikan.

Saya ingin merujuk khas kepada Daerah Maran sendiri yang mana sehingga sekarang belum ada Pejabat Pendidikan yang bersendirian dan sebanyak lebih kurang 50 buah sekolah, termasuk sekolah rendah dan sekolah menengah, hanya ditadbirkan oleh pegawai-pegawai pinjaman daripada

Pejabat Pendidikan yang lain, termasuklah daripada Jerantut, Temerloh dan Kuantan. Jadi, kalau kita betul-betul untuk memastikan supaya pclajaran ini berjaya, maka perlulah kita mewujudkan satu Pejabat Pendidikan di Maran itu sendiri. Saya mengharapkan di bawah peruntukan ini sekurang-kurangnya diberi perhatian untuk mewujudkan Pejabat Pendidikan di daerah Maran.

Tuan Pengerusi, saya ingin mcrujuk kepada Maksud Pembangunan P. 26 mukasurat 132, Butiran (Projek) 02800 Universiti Islam Antarabangsa.

Kita telah kedengaran memang lama lclah disebutkan bahawa sebuah Universiti Islam Antarabangsa akan dibina di negara kita dan di antara tempatnya yang telah dirancangan awal ialah di negeri Pahang. Tetapi sehingga sekarang kita tidak kedapatan secara mutlak sama ada permulaan untuk membina Universiti Islam Antarabangsa ini telah diusahakan. Saya berharap supaya Kerajaan mengambil tindakan segera uniuik mcwujudkan aiaupun mendirikanUniversiti Islam Antarabangsa ini kerana kalau agak lewat, kemungkinan apa yang asalnya hendak dibuat di Pahang mungkin di tempat yang lain akan dilaksanakan, itu yang saya bimbangkan dan inilah sebabnya saya menyuarakan perkara ini.

Jadi, saya ingin bertanya kepada Kementerian yang berkenaan apakah akan dilaksanakan daripada peruntukan \$7,260,000 untuk membinaUniversiti Islam Antarabangsa sedangkan bagi membinanya saya percaya sudah barang tentu memakan belanja yang lebih besar iaitu beratus-ratus jadi. Jadi di atas peruntukan \$7,260,000 ini, apakah perkara yang akan dilaksanakan dan bilakah perkara ini akan dilaksanakan?

Tuan Pengerusi, saya rasa itu sahajalah saya menyenyuh sedikit. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Bcrhormat dari Seremban,

5.33ptg.

Dr Chen Man Hin (Seremban): Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada mukasurat 130, Maksud P. 26 Butiran 00100 dan 00200. Di sini ada lebih kurang \$511 juta untuk ubahsuai bangunan sekolah-sekolah rendah dan sekolah-sekolah menengah.

Saya bangun hari ini untuk bertanya kepada Menteri yang berkenaan bolehkah beri simpati kepada sekolah-sekolah yang tidak ada peruntukan yang cukup untuk mengubahsuai bangunan-bangunan mreka. Misalnya, di kawasan Segamat, orang Cina yang berada di sini tidak kurang daripada 150,000 orang. Di situ lerdapat 20 buah Sekolah Rendah Cina mengikut rekod tahun 1985, murid sekolah berjumlah 12,162 dan murid yang tamat Sekolah Rendah berjumlah 1,535 orang. Oleh kerana tiada Sekolah Menengah Cina di Segamat, tiap-tiap tahun ada lebih kurang 600 orang murid penghabisan sekolah rendah pergi ke Sekolah Menengah Cina di Seremban, Melaka, Muar, Batu Pahat dan Johor Bahru untuk meneruskan pelajaran mereka, menyebabkan ekonomi dan tanggungjawab ibu bapa mereka bclrlambah berat.

Sekumpulan orang awam Segamat yang mencintai pndidikan bahasa Cina berpendapat mendirikan sebuah sekolah menengah Cina adalah sangat diperlukan. Oleh yang demikian, beberapa tahun yang lalu mereka pun telah menubuhkan satu Jawatankuasa Penubuhan Semula Sekolah Menengah Persendirian Seg Hwa dan kemudiannyamengemukakanpermohonan kepada Jabatan Pendidikan Negeri Johor. Pcrmohonan dikemukakan pada 15 Mei, 1986 dan pada 19 Novembr, 1987 AJK menerima jawapan daripada Jabatan Pendidikan Negeri Johor. Jabatan tersebut mengasaskan dua alasan berikut menolak permohonan AJK iaitu:

- (i) bahawa pada awal tahun 1960an Sekolah Menengah Seg Hwa pada masa ilu Hwa Teo High School, Segamat, telah bersetuju menerima tawaran Kerajaan untuk menjadi sebuah sekolah, dengan izin, conforming yang menerima bantuan penuh daripada Kerajaan. Oleh itu,

mulai dari tarikh tersebut tidak wujud lagi sebuah sekolah persendirian di bawah nama Sekolah Menengah Persendirian yang menggunakan nama Seg Hwa tidak sepatutnya ditimbulkan kembali; dan

- (ii) bahawa untuk menentukan pencapaian matlamat Dasar Pelajaran Kebangsaan, penubuhan sebuah sekolah sepertimana yang dipohon adalah dianggap tidak sesuai dari segi penggunaan bahasa penghantar utamanya yang tidak menggunakan Bahasa Malaysia.

Tuan Pengerusi, mengenai alasan pertama adalah tidak dapat dipercayai. Sebab di lain sekolah persendirian juga terdapat Sekolah Persendirian Cina dan Sekolah Menengah Kebangsaan, seperti Sekolah Menengah Persendirian Chung Kwong, Kuala Lumpur dan Sekolah Menengah Kebangsaan Chung Kwong. Tetapi mengapakah Sekolah Menengah Kebangsaan Seg Hwa dan Sekolah Menengah Persendirian Seg Hwa tidak dapat.

Mengenai alasan kedua adalah tidak difahamkan. AJK Penubuhan Semula Sekolah Persendirian Seg Hwa selalu menegaskan bahawa bahasa penghantar utamanya yang digunakan adalah Bahasa Malaysia, bahasa Cina dan bahasa Inggeris dan mengajar murid-murid bcrfikiran mencintai negara, kesetiaan kepada negara, mempergiatkan kesatuan rakyat.

Di seluruh Malaysia mempunyai 60 buah Sekolah Menengah Persendirian Cina. Murid-murid yang dididik juga telah memenuhi kehendak dan cita-cita masyarakat. Apakah yang ditujukan matlamat Dasar Pelajaran Kebangsaan oleh Jabatan Pendidikan?

Barisan Nasional dan MCA sepatutnya menunaikan janji pilihanraya umum pada tahun 1986. Janji ini telah diisytiharkan melalui calon Barisan Nasional MCA, Encik Lim Kee Seng, ahli Exco MCA pada masa sekarang. Dia sebagai wakil BN mengisytiharkan bahawa BN menjamin kelulusan akan dikeluarkan dalam tempoh

3 bulan, akan tetapi permohonan penubuhan semula Sekolah Menengah Persendirian Seg Hwa telah di tolak pada 19 November 1987. Di manakah janji-janji Barisan Nasional dan MCA?

Jabatan Pendidikan mestilah sedar permohonan Penubuhan Semula Sekolah Menengah Persendirian Seg Hwa adalah mengikut Perlembagaan Negara, Perkara 152 dan Akta Pendidikan, Pasal 46 (2). Diharap kehendak-kehendak AJK dan permohonan Penubuhan Semula Sekolah Menengah Persendirian Seg Hwa dapat dipertimbangkan semula dan menunaikan janji BN dan MCA pada pilihanraya umum tahun 1986.

Tuan Pengerusi, mengenai masalah peruntukan wang Kerajaan untuk membina semula Bangunan Sekolah Rendah. Negeri Johor adalah sebuah negeri di mana Barisan Nasional yang paling kuat sekali. Dalam pilihanraya umum lalu Barisan Nasional hampir memenangi semua kawasan Parlimen Negeri. Walaupun pemimpin-pemimpin Barisan Nasional selalu berkata kalau menyokong Barisan Nasional boleh mendapat perkembangan

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Penjelasan.

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Seremban.

Dr Chen Man Hin: Biar saya habiskan dahulu.

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia tidak beri.

Dr Chen Man Hin: Sebenarnya dalam kawasan Barisan Nasional yang kuat sekali yang paling tiada perkembangan. Dengan ini saya memberikan beberapa contoh untuk membuktikan bahawa tuduhan saya di atas adalah benar.

Pada beberapa tahun yang lalu sebuah Sekolah Rendah Cina di Kampung Baru Kahang, Negeri Johor, pihak sekolah ialah membuat permohonan dengan Jabatan Pendidikan Johor untuk mendapatkan peruntukan untuk membina 12 buah bilik

darjah dan sebuah bangunan pejabat pengurusan. Bertahun-tahun telah berlalu tetapi permohonan untuk mendapatkan peruntukan wang tiada jawapan langsung. Pada masa sekarang bangunan tersebut telah disenaraikan sebagai bangunan bahaya. Di Tangga Baru, bangunan sekolah rendah Kebangsaan Cina di situ juga telah lama disenaraikan dalam senarai bangunan bahaya, walaupun pihak sekolah telah memohon peruntukan untuk membina semula tetapi selama ini juga tiada jawapan. Ahli Jawatankuasa Tertinggi sekolah tersebut berkata bahawa ramai Timbalan Menteri Pendidikan MCA yang lalu seperti mendiang Dato Chan Siang Sun, Bekas Timbalan Menteri Pendidikan, Chow Poh Kheng, Ng Cheng Kiat dan Woon See Chin Timbalan Menteri Pendidikan pada masa sekarang turut pernah berjanji akan memberi bantuan tetapi akhirnya juga mengecewakan.

Sebelum pembuangan undi pilihan raya kecil negeri Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan pernah merasmikan upacara permulaan tanah di Sekolah Rendah Peh Hua di Pak Lim, tetapi selepas upacara perasmian tanah ia terbiar dan ditumbuhi dengan lalang, dan kerja-kerja pembinaan tidak dilihat langsung. Oleh yang demikian, saya menyeru kepada Kerajaan Barisan Nasional bahawa ia mesti menguruskan perkara ini dengan keadilan memandangkan masalah kehidupan dan perkembangan sekolah rendah Cina di negara kita. Diharap peruntukan wang yang diperlukan dapat dikeluarkan dengan segera supaya Sekolah Rendah China Tangga Baru dan Kahang dapat dibina semula dengan segera.

Sekolah-sekolah yang lain, misalnya sekolah "Missionary" juga mengalami masalah ini. Kebanyakan sekolah-sekolah yang terkawal di dalam negara ini mengalami peruntukan kewangan. Sebagai contoh, di Ipoh Methodist Girls School, Anglo-Chinese School, Convent, St. Michaels dan lain-lain dan rayuan mereka untuk mendapat bantuan kewangan selalu ditolak. Saya percaya sekolah-sekolah "Missionary" ini melalui gereja-gereja mereka telahpun membuat "representation" kepada MCA, MIC dan GERAKAN

berkenaan dengan masalah-masalah peruntukan dan kewangan yang dialami oleh mereka dengan harapan bahawa parti-parti ini boleh menyuarakan masalah ini melalui ahli-ahli Kabinet yang selalu dimegah-megahkan oleh mereka. Jelas sekali ahli-ahli Kabinet dari parti mereka tidak mampu menyuarakan perkara ini dan jelas juga cakap-cakap mereka bahawa mereka dapat menyuarakan masalah rakyat dengan lebih berkesan melalui Kabinet adalah satu permainan politik sahaja. Akibat sambutan yang dingin terhadap masalah ini oleh pihak Kerajaan, maka sekolah ini dibiarkan dalam keadaan yang tidak dibaiki dan tidak diubahsuai. Guru-guru besar, guru-guru, murid-murid dan ibu bapa murid-murid melalui PIBG ialah dijadikan seperti peminta sedekah, merayu disana sini untuk mengutip derma dengan mengadakan "walkathon", "jogathon" dan lain-lain kegiatan semata-mata untuk mendapatkan wang bagi membaiki bangunan-bangunan sekolah mereka. Sekolah-sekolah yang lain, khususnya sekolah jenis kebangsaan sama ada Cina atau Tamil juga ialah didiskriminasi begtu rupa.

Tuan Pengerusi, saya merujuk di bawah mukasurat 131, P. 26, Butiran 00600 berkenaan Universiti Malaya-Sekolah Perubatan. Tuan Pengerusi, ketidapengakuan ijazah perubatan Universiti Malaya adalah satu halangan kepada kualiti pendidikan perubatan. Mulai tahun 1990, ijazah perubatan Universiti Malaya akan tidak diakui oleh General Medical Council of Great Britain, dengan izin (GMC). Dalam tahun tujuh puluhan yang lalu GMC ialah memberi amaran kemungkinan taraf perubatan yang rendah kecuali ia mempunyai guru yang bermutu untuk mengajar department yang berkenaan. Dalam tahun 1984 GMC telah melawat Sekolah Perubatan Universiti Malaya dan dalam lawatan itu mereka telah memberi amaran bahawa pengakuan ijazah akan ditolak jika kekurangan guru yang berkebolehan berpanjangan. Mereka juga tidak berpuas hati dengan penggunaan Bahasa Malaysia dalam pengajaran di mana kebanyakan buku teks perubatan adalah ditulis dalam bahasa Inggeris. Dalam tahun

ini (1989) pengakuan ijazah perubatan Universiti Malaysia ditolak sepenuhnya.

Tuan Pengerusi, ini adalah satu halangan besar kepada kualiti pelajaran perubatan di negara ini. Guru perubatan yang berpangkat tinggi dan pakar-pakar berasa sedih apabila pengakuan ijazah itu ditolak. Walaupun negara kita ialah negara yang berdaulat dan semestinya berdikah, ia tidak sepatutnya berasa bimbang terhadap amalan mengenai perubatan oleh badan antarabangsa yang reputasi tinggi. Akan tetapi kita haruslah menolong untuk meningkatkan dan memperkukuhkan kepercayaan perubatan kami kepada negara yang lain. Taraf perubatan mesti dijaga dalam lingkungan yang terbaik dan mesti dipertingkatkan dari masa ke semasa. Peningkatan taraf perubatan harus dipelihara seterusnya dan boleh setanding dengan negara lain seperti U.K., U.S.A., Australia dan negara-negara lain. Great Britain mempunyai taraf perubatan yang tinggi, banyak pencapaian cemerlang perubatan adalah dicapai oleh saintis mereka. Ubat penicillin juga dijumpai di situ dan pemenang hadiah Nobel juga datang dari Britain.

Pengakuan ijazah perubatan Universiti Malaya seterusnya akan memberi siswazah kebebasan untuk mencapai teknologi yang tinggi di kalangan perubatan di mana siswazah kami akan memperolehi kemahiran yang bermutu dan menjadi bukan sahaja doktor pakar atau specialist tetapi sebagai doktor penyelidikan (research doctor), dengan izin, yang lebih baik. Pengakuan seterusnya adalah unsur yang utama untuk pertukaran teknologi di kalangan perubatan dan akan mempertingkatkan lagi kualiti pelajaran perubatan.

Tuan Pengerusi, Perdana Menteri telah menyeru supaya meningkatkan kualiti oleh semua rakyat Malaysia. Menteri Pendidikan semestinya menarik perhatian dengan pengurusanannya dan mesti mengambil tindakan untuk memasukkan lebih banyak guru-guru perubatan bermutu di Sekolah Perubatan Universiti Malaya supaya dapat menjamin ijazah Universiti Malaysia diakui oleh GMC.

Akhirnya saya mcrujuk kepada muka sural 125, Butiran 010000, Kod 20000.

Tuan Pengerusi, dalam pilihanraya umum sejak tahun 1986 Yang Berhormat Menteri Pendidikan telah bercadang untuk meminda Akta Pendidikan. Di samping itu beliau telah membayangkan mengenai pemindahan semula sistem pendidikan dan saya quote, "pindaan ini akan menyesuaikan cita-cita semua kaum dan juga kualiti pendidikan akan dipertingkatkan". Tetapi sehingga hari ini cadangan pindaan Akta masih belum dimulakan dan orang ramai masih belum mengetahui. Polisi pendidikan adalah suatu alat perhubungan yang penting untuk menanamkan idea kesedaran rakyat jelata yang bersatu padu terutama membayangkan kehendak negara yang berbilang kaum.

Akta Pendidikan, seksyen 21 (2) telah menyebabkan perasaan tidak puas hati dan pertikaian sejak tahun 1981 oleh sebab ia membenarkan Menteri untuk mengubah Sekolah Cina dan Tamil kepada Sekolah Kebangsaan. Ramai ibu-bapa berasa tindakan ini akan mengancam bahasa ibunda mereka dan kebudayaan mereka akan hilang. Tuan Pengerusi, pemindahan semula yang utama semestinya menghapuskan Seksyen 21 (2) Akta Pendidikan.

Pada 21hb November, 1989 Menteri Pendidikan telah mengisytiharkan bahawa seksyen 21 (2) Akta itu akan dihapuskan, tetapi ini hanya kata-kata pilihanraya sahaja dan ia belum dipastikan sehingga ia menjadi kenyataan dalam Akta, in black and white, dengan izin.

Tuan Pengerusi, Menteri Pendidikan telah membayangkan bahawa pindaan Akta akan dijalankan pada tahun depan dan satu perbincangan akan diadakan dengan komponen parti Barisan Nasional. Saya berasa pihak-pihak yang berkenaan juga harus ditanyakan bukan komponen parti Barisan Nasional sahaja, pihak-pihak berkenaan seperti ibu bapa, persatuan-persatuan pendidikan dan parti Pembangkang pun harus diconsult, dengan

izin. Apabila pemindaan Akta telah disediakan, ia mestilah diserahkan kepada Parlimen untuk dibahaskan supaya orang ramai dapat memberi pandangan dan cadangan. Akta yang dipinda adalah seperti Akta Rakyat (People's Act), dengan izin. Rakyat mempunyai kuasa bercakap untuk kepentingan anak-anak mereka yang akan datang. Menteri Pendidikan tidak boleh membantah tetapi terpaksa menerima cadangan ini seperti yang dikatakan oleh beliau, saya quote, dengan izin,

"Telah tiba masa untuk kami duduk bersama membincangkan dan merancang rancangan-rancangan pendidikan terbaik untuk anak-anak kita tanpa merosakkan kepentingan sebarang masyarakat".

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat dari Rantau Panjang.

6.03 *ptg.*

Tuan Haji Mohamed bin Yaakob (Rantau Panjang): Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada mukasurat 126, Butiran 010900—Bantuan kepada Badan-badan Pendidikan dan Lain-lain, kod 40000 (v), Sekolah-sekolah Agama Islam Rakyat.

Tuan Pengerusi, apa yang saya rasai dan saya memahami bahawa kedudukan sekolah-sekolah agama rakyat ini pada umumnya boleh dikatakan sangat memerlukan kepada bantuan dan pembelaan terutama sekali daripada Kementerian Pendidikan ini. Apa yang saya nampak bahawa kedudukan masyarakat atau pandangan masyarakat untuk menyalurkan pembelajaran kepada anak-anak mereka telah pun berminat supaya anak-anak mereka dihantar kepada sekolah-sekolah agama khususnya sekolah-sekolah agama Kementerian. Kalau di Kelantan, sekolah-sekolah agama di bawah Kerajaan Negeri dan juga sekolah agama rakyat di Kelantan hampir 100 buah yang belum lagi dapat diambil alih oleh Kerajaan Negeri. Apa yang saya nampak dan saya memahami bahawa guru-guru yang bertugas disekolah-sekolah agama rakyat bukan lagi menerima sedekah ataupun harta-harta wakaf

sebagaimana didakwa oleh Wakil dari Pengkalan Chepa sekejap tadi, tetapi guru-guru ini telah pun dibela oleh Kerajaan Negeri dengan memberi elaun bulanan setiap-tiap bulan mengikut kadar kelulusan masing-masing dan juga guru-guru ini mendapat pembahagian daripada bantuan per kapita daripada Kementerian ini untuk menambahkan lagi habuan yang diberi oleh Kerajaan.

Tetapi apa yang saya nampak ialah masalah fizikal sekolah itu sendiri. Oleh kerana ramai di antara ibu-bapa berminat menghantarkan anak-anak ke sekolah agama, maka setiap tahun kelas-kelas di sekolah agama tidak mencukupi. Oleh hal yang demikian saya memohon daripada Kementerian ini melalui Kerajaan Negeri supaya Kementerian dapat beri peruntukan demi untuk menambahkan ataupun memperbaiki bangunan sekolah-sekolah agama terutama sekali di Negeri Kelantan demi untuk menyelesaikan anak-anak Islam hendak belajar agama di sekolah-sekolah agama rakyat

Tuan Pengemsi, saya juga merasai sangsi kerana di atas kenyataan daripada Wakil dari Pengkalan Chepa kadang-kadang bercanggah satu ketika dia menganggap bahawa manakala Kerajaan mengambil alih sekolah-sekolah agama, ia menganggap dan dia menuduhkan sekolah agama itu akhirnya ini disebabkan kerana menerima wang-wang yang haram daripada Kerajaan Pusat. Tetapi sebaliknya beliau juga mendakwa bahawa Kerajaan Pusat tidak memberi perhatian kepada sekolah-sekolah agama. Oleh sebab itulah saya nampak sekiranya Kementerian ini mahu memberi bantuan terutama sekali bantuan kepada sekolah-sekolah agama di Kelantan hati-hatilah sedikit kerana memang sekolah-sekolah agama di Kelantan ini sebagai sarang, tempat-tempat Pembangkang untuk memberi kursus kepada "Kadar-kadanya" untuk menentang Kerajaan. Oleh itu saya minta kepada Yang Berhormat Menteri, hendak memberi bantuan kepada sekolah agama di Kelantan, hati-hati, jangan-jangan

pula takut terberi kepada sekolah-sekolah sebagai pusat yang meneniang Kerajaan.

Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada mukasurat 127 Butiran 020600, Pengurusan Pendidikan Islam dengan peruntukan sebanyak \$2,355,000.

Saya berterima kasih dan bangga kerana peruniukannya agak meningkat daripada tahun sudah. Saya memohon kepada pengurusan pendidikan Islam ini terutama sekali kepada perkhidmaian dan bekalan kerana saya diberi maklumat terutama sekali oleh Pegawai Pendidikan Agama di daerah, masih ramai lagi kanak-kanak kita terulama sekali di sekotah rendah, walaupun peruntukan ini bertambah dari tahun ke setahun tetapi prestasi pencapaian pembelajaran agama kepada anak-anak masih lagi tidak meningkat. Ramai di antara anak-anak kita yang tidak tahu membaca Al-Quran dan membaca Fatimah pun tidak betul sebagai mengesahkan untuk buat sembahyang. Ada juga anak-anak kita belum lagi mengetahui cara kaifiat dan peraturan sembahyang sehingga manakala dicek oleh pihak yang berkenaan ramai di antara pelajar-pelajar yang belum lagi memahami aturan sembahyang, terutama sekali kemunduran anak-anak kita dalam masalah pembacaan dan penulisan jawi yang mana kita dengar akhir-akhir ini daripada kalangan masyarakat kita berminat benar supaya generasi-generasi yang akan datang ini dapat membaca dan menulis dengan tulisan jawi, tetapi sekarang pun prestasi pencapaian pembelajaran jawi ini masih lagi tidak begitu meningkat.

Saya mengharapkan dengan peruntukan yang diperuntukkan tahun depan ini supaya bagi pihak pengurusan pendidikan Islam ini dapat mempertingkatkan lagi, moga-moga anak-anak kita dapat meningkatkan amalan-amalan sebagai amalan yang diwajibkan dalam Islam terutama sekali mengenali masalah aqidah, mengenali peraturan ibadat dalam Islam dan juga dapat menunjukkan akhlak sikap mulia yang tinggi yang mana dapat didikan daripada pengurusan pendidikan Islam melalui persekolahan ini.

Tuan Pengerusi, saya pergi juga dalam Butiran 040300, masalah Asrama.

Apa yang saya memahami di antara guru-guru yang bertugas terutama sekali di luar bandar, guru-guru ini kebanyakannya tidak mahu tinggal di kawasan luar bandar kerana bermacam-macam kesusulitan kemudahan asas, dengan sebab itu guru-guru banyak berulang-alik daripada rumah masing-masing dibandar pergi mengajardi sekolah-sekolah luar bandar. Itu masalah rumah guru.

Masalah asrama, apa yang saya dapat juga memahami bahawa kalau di luar bandar adanya kanak-kanak yang dalam berjauhan daripada sekolah dan rumahnya sehingga kadang-kadang menimbulkan masalah kedatangan lewat. Kalau di musim tengkujuh, musim banjir boleh menimbulkan berbagai-bagai masalah, apalah lagi manakala kemudahan-kemudahannya tidak begitu memuaskan, maka banyak menimbulkan kepada pelajar-pelajar supaya datang ke sekolah lebih awal dan dapat menerima pelajaran dengan baik. Dengan ini saya berterima kasih kepada Kementerian ini di mana peruntukan pada tahun ini nampaknya lebih meningkat \$2 juta lebih kalau dibandingkan tahun sudah. Dengan hal yang demikian, saya menyeru kepada Kementerian ini supaya dapat memperbanyakkan lagi bangunan asrama di kawasan-kawasan luar bandar.

Tuan Pengerusi, saya juga menyentuh dalam mukasurat 128, Buliran 040500, Bantuan Makanan. Juga nampaknya perumukan bertambah.

Apa yang saya mahu sentuh di sini masalah bantuan ini insya Allah, supaya dapat diadili oleh pihak-pihak pengurusan supaya benar-benar bantuan ini sampai kepada mereka yang perlu benar-benar diberi bantuan, mudah-mudahan target kita demi untuk hendak membaiki atau meningkatkan kesihatan anak-anak miskin di luar bandar, insya Allah akan tercapai. Tetapi apa yang saya mahu sentuh ialah masalah pembekalan makanan ini supaya benar-benar kita mengawasi, kerana pada akhir-akhir ini banyak terjadi masalah

makanan ataupun bekalan makanan di sekolah-sekolah mcngandungi kecracunan. Telah banyak kes-kes yang berlaku masalah keracunan hasil daripada makanan yang dibekalkan di sekolah. Oleh hal yang demikian, saya minta supaya Kementerian ini membuat penelitian yang benar-benar supaya pembekal-pembekal makanan benar-benar diawasi mengikut kesihatan supaya tidak timbul lagi kes-kes keracunan makanan yang bcr laku di sekolah-sekolah.

Tuan Pengerusi, saya menyentuh dalam mukasurat 131, Butiran 00800, Rumah-rumah Guru di Luar Bandar, peruntukannya sebanyak \$8,460,900.

Ini saya dapat memahami di antaranya guru-guru yang mengajar di luar bandar, sebagaimana saya kata sekejap tadi, kebanyakkan guru-guru ini tidak mahu Linggal di kawasan luar bandar disebabkan kemudahan asasnya tidak ada keselesaan kepada guru-guru, oleh sebab itu guru-guru ini masih banyak lagi berulang-alik daripada tempat kediaman rumahnya ke sekolah. Ini juga menimbulkan kelewatan sampai ke sekolah, apatah lagi manakala masalah-masalah kenderaan dan sebagainya, inipun mcnyebabkan kesulitan juga kita hendak mencapainya prestasi pencapaian pembelajaran kepada anak-anak di luar bandar. Oleh hal yang demikian, saya meminta supaya peruntukan Kementerian ini dapat diperbanyakkan lagi rumah-rumah guru di luar bandar.

Dengan ini, Tuan Pengerusi, saya sokong peruntukan ini. Sekian.

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Sabak Bernam.

6.05 ptg.

Tuan Haji Hussein bin Haji Taib (Sabak Bernam): Tuan Pengerusi, saya mengambil bahagian bagi membahaskan Kementerian Pendidikan, Maksud Bekalan 26. Mula-mula saya ingin menyentuh Butiran 010000, mukasurat 125, Pentadbiran Am dan Butiran 010100, Pentadbiran Umum dan 010200 Pentadbiran Pendidikan Negeri-negeri. sekaligus.

Tuan Pengerusi, memanglah kita mengalu-alukan langkah Kementerian Pendidikan bagi mengecmaskinikan pentadbiran-pentadbiran mereka sama ada di peringkat Persekutuan, Negeri dan Daerah di mana beberapa Pejabat-pejabat Pendidikan telah dilengkapi dengan kakitangan yang cukup dan juga alat-alat yang moden termasuk pentadbiran di peringkat Daerah-daerah. Saya suka menarik perhatian kepada Kementerian ini di mana soal menempatkan satu pentadbiran yang sempurna dengan bangunan yang cukup, tidak menumpang di sekolah-sekolah sahaja, khususnya bagi pentadbiran di Daerah dan juga pegawai-pegawai dan belanja mengurus yang mencukupi bagi mentadbirkan pejabat-pejabat ini supaya pentadbiran Pejabat Pendidikan lebih bererti dan lebih sempurna lagi dan tidak seperti yang terdapat pada hari ini, saya dapat tahu bahawa agak mendukacitakan sedikit khususnya pentadbiran di peringkat Daerah agak malap dan kurang mcndapat peruntukan. Oleh itu, saya menyeru kepada Kementerian Pendidikan supaya dapat mengambil perhatian dalam perkara ini di mana kita mengharap supaya Pejabat Pendidikan akan menjadi satu pejabat yang setanding, setaraf ataupun kalau tidak boleh melebihi Jabatan-jabatan yang lain. Dari segi pentadbiran ini membawa kepada pengurusan yang sempurna untuk mengawal sekolah-sekolah di bawah Jabatan-jabatan Pendidikan sama ada Negeri dan Daerah.

Justeru itu, saya menyeru juga kepada Kementerian ini supaya Pngurusan Personnel, Butiran 010300 di mana kakitangan-kakitangan yang belum disahkan jawatan yang masih memangku jawatan-jawatan supaya dapat diupgredkan, disahkan jawatan mereka supaya mereka tidak tinggal dalam Lerawang-awang sahaja dan ini mungkin menimbulkan rasa gelisah di kalangan mereka, khususnya apabila Kerajaan atau Kementerian yang ingin memperkenalkan Skim Dua Gaji yang telah disebut-sebut waktu akhir-akhir ini.

Tuan Pngcrusi, saya beralih kepada Butiran 010600, Pentadbiran Perkkhidmatan Komputer.

Saya telah memberikan pandangan dalam Majlis ini di perbincangan atau soal-jawab di mana Pejabat-pejabat Pendidikan di peringkat-peringkat Negeri hendaklah diberikan alat yang cukup, diberikan alat komputer dalam semua pejabat dan termasuk juga pejabat-pejabat di peringkat Daerah. Jadi, saya percaya dengan peruntukan yang diberikan sebanyak \$8,105,100 ini sebagai permulaan, saya rasa agihan ini tentulah akan sampai kepada Pejabat-pejabat Pendidikan Negeri dimana semua Pejabat Pendidikan Negeri mempunyai alat komputer dan semua rekod dicomputeriskan termasuk di peringkat Pejabat Pendidikan Daerah sendiri dan agaknya tentulah tidak sesuai kalau sekolah-sekolah menengah mempunyai kelab-kelab komputer, guru-guru komputer yang mahir dan juga sekolah rendah pun nampak berlumba-lumba sedangkan Pejabat-pejabat Pendidikan tidak mempunyai alat-alat tersebut. Jadi, saya menyoer supaya pihak Kementerian dengan anggaran peruntukan ini akan dapat melengkapkan pejabat ini dengan alat-alat yang saya sebutkan tadi.

Tuan Pengerusi, saya beralih kepada Butiran 101900, Bantuan kepada Badan-badan Pendidikan dan Lain-lain, khususnya Perkara 5, Sekolah-sekolah Agama Rakyat, muka surat 126. Saya mengalu-alukan dan mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pendidikan yang telah bekerjasama dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan baru-baru ini yang telah menubuhkan Suruhanjaya Diraja mengenai mengkaji, menyiasat peristiwa kebakaran yang berlaku di Sekolah Agama Rakyat di Kedah baru-baru ini. Dengan peruntukan \$7,200,000 diberikan kepada bidang ini, bantuan ini, saya berharap supaya bantuan-bantuan kepada sekolah agama rakyat ini dipertingkatkan. Saya tahu bilangannya tidak begitu banyak, tetapi hendaklah disiasat betul-betul, sekolah-sekolah yang betul-betul memerlukan, adakah sekolah ini ada atau tidak, atau ada pada nama sahaja, sama ada sekolah ini berfungsi sepenuhnya, ataupun sekolah ini hanya rekod sahaja nama sekolah ada, sedangkan penuntut tidak begitu memuaskan. Jadi, ini juga hendaklah disiasat oleh Kementerian,

tetapi mana-mana sekolah yang betul mempunyai penuntut yang ramai seperti yang berlaku di Kedah baru-baru ini, perlulah diberikan bantuan dan juga diberikan peruntukan yang agak tinggi sedikit.

Berhubung dengan Suruhanjaya yang akan mengkaji tentang sekolah-sekolah agama ini, saya harap ini akan meliputi semua aspek. Walaupun ini ada tugas tertentu yang dia tidak akan menyentuh, kerana mereka bebas untuk membuat kajian, cadangan, syor dan pendapat, tetapi apa juga perkara-perkara yang disarankan oleh Suruhanjaya ini dalam rekod atau laporan yang akan dikeluarkan nanti, saya harap Kementerian Pendidikan akan menghebahkan atau memaklumkan kepada orang ramai ataupun khususnya kepada sekolah-sekolah rakyat yang terdapat di negeri-negeri yang lain sebagai panduan.

Tuan Pengerusi, saya sukaberalih kepada Butiran lain, Pendidikan Rendah dan Menengah, mukasurat 26 juga. Pendidikan Rendah, Butiran 020300 dan Pendidikan Mencegah, 020400 yang diperuntukkan \$1.6 juta dan \$ 1.4 juta, lebih kurang \$3 billion.

Sekolah rendah dan sekolah menengah di bawah pendidikan yang baru ini, di bawah kurikulum yang baru ini sama ada UPSR ataupun KBSR, kita telah dimaklumkan bahawa hari ini telah menghasilkan satu pencapaian yang baik dalam KBSR, di mana hasilnya telah pun kita ketahui. Dari situ, saya nampak bahawa pendidikan ke sekolah menengah, setelah tamat sahaja anak-anak ini belajar di sekolah-sekolah rendah, ianya telah memberikan satu aliran baru, di mana ramainya ibu-bapa yang memilih sekolah-sekolah yang beraliran agama di negeri ini. Ini satu hakikat yang saya rasa sukar hendak dinafikan, terutamanya di Negeri Selangor sendiri. Setelah anak-anak ini diberi latihan bimbingan di sekolah rendah selama enam tahun dan mereka ini dijangka akan masuk ke sekolah menengah biasa, tetapi ibu bapa lebih berminat untuk menghantar ke sekolah mencegah agama. Oleh kerana sekolah-sekolah ini tidak begitu banyak, hanya terdapat kalau tidak salah saya tiga buah di

Negeri Selangor, maka ibu bapa berlumba-lumba pula menghantar anaknya ke sekolah yang dipunyai oleh Kerajaan-kerajaan Negeri ataupun sekolah yang dipunyai Kerajaan Negeri sendiri.

Dah segi bentuk fizikal sekolah Kerajaan Negeri ini tidak menjadi masalah seperti yang dibangkitkan oleh Wakil dari Kelantan tadi, kerana di Selangor juga mempunyai pasarana dan kelengkapan yang cukup, tetapi dari segi yang lain, ianya perlu juga mendapat bantuan dan pertolongan daripada Kementerian Pendidikan, kerana seperti yang disuarakan oleh Wakil dari Selangor dalam Perhimpunan Agung UMNO baru-baru ini yang telah mencarakan supaya Kementerian Pendidikan mengambil alih semua sekolah-sekolah menengah agama Negeri Selangor di bawah pentadbiran Kementerian Pendidikan sendiri. Ini satu perkara yang berat yang rasa saya perlu diperhatikan oleh Kementerian Pendidikan kerana belanja mengurus sekolah-sekolah menengah agama di peringkat negeri ini sudah begitu tinggi walaupun Kementerian Pendidikan mempunyai pendidikan menengah yang ada hari ini tidak jauh bezanya dengan aliran yang diberikan oleh Kerajaan Negeri. Saya percaya dengan saranan yang dikemukakan oleh Wakil dari Selangor itu akan dapat diambil perhatian.

Dalam pada itu, saya suka menyarankan kepada Kementerian Pendidikan supaya lebih banyak mewujudkan sekolah-sekolah menengah agama di bawah Kementerian Pendidikan sendiri. Saya mengucapkan tahniah kerana sebuah sekolah menengah biasa di Simpang Lima, Sabak Berman telah dijadikan sekolah menengah biasa agama secara berperingkat-peringkat bermula Tingkatan Satu, Dua dan seterusnya. Kalau ini dapat dilakukan oleh Kementerian Pendidikan bagi meluaskan aliran pendidikan agama ini ke seluruh negara, saya rasa Kerajaan akan menjimatkan perbelanjaan kewangan, tidak perlu membuat sekolah-sekolah menengah agama di bawah Kementerian Pendidikan yang khusus, tetapi dengan cara menukar sekolah-sekolah menengah biasa ini kepada aliran agama kerana menyahut seruan

ataupun mengikut kehendak masyarakat hari ini.

Saya suka menyatakan dalam Dewan ini bahawa hari ini timbul kebimbangan pegawai pendidikan sendiri-kalau di Selangor, kerana ramai ibu-bapa yang menghantarkan anak-anak mereka ke sekolah-sekolah menengah agama. Kerana itulah kalau trend ini tidak diawasi betul-betul, ianya akan menjejaskan pentadbiran sekolah Kementerian sendiri. Cara yang paling baik saya rasa saranan Wakil dari Selangor yang minta mengambil alih sekolah ini, itu cara yang terbaik di mana diambil semua sekolah menengah ini dan ianya diletak di bawah Kementerian, tidak timbul lagi soal ibu-bapa memilih sekolah menengah Kementerian, sekolah menengah Kerajaan Negeri kerana di Negeri Selangor tidak banyak sekolah menengah rakyat

Selain daripada itu, saya suka menyentuh Butiran 020600, Pengurusan Pendidikan Islam, muka surat 127 yang ada kaitan dengan pendidikan mencegah tadi. Sekiranya pengurusan pendidikan Islam ini diteruskan, sekolah-sekolah menengah agama diberi bantuan sama ada sekolah menengah negeri Kerajaan atau Rakyat. Ini saya tahu telah dilakukan sejak beberapa tahun yang lalu oleh Kementerian Pendidikan. Tahun ini anggarannya sebanyak \$2.3 juta. Peruntukan ini saya kira Kementerian Pendidikan akan benar-benar jujur memberikan bantuan kepada sekolah-sekolah mencegah Negeri ini, walaupun sekolah menengah Negeri ini akan berjalan seperti biasa dengan tidak diambil alih oleh Kementerian. Kementerian biarlah benar-benar memberikan pertolongan dan bantuan dari semua aspek sama ada bantuan buku teksnya, bantuan guru-gurunya dan bantuan tenaga pengajar yang berkualiti. Saya menyatakan demikian kerana bantuan yang ada pada hari ini bukan biasanya dilakukan, kerana bantuan guru sebagai contoh, kadangkala guru yang tidak berwibawa, guru yang mempunyai masalah, guru-guru yang mempunyai masalah disiplin di sekolah-sekolah menengah biasa, bila ada Kerajaan Negeri memohon guru-

guru ini, guru-guru inilah dihantar ke sekolah-sekolah mencengah di bawah Kerajaan Negeri atau sekolah rakyat, jadi timbul masalah pula di sekolah menengah Kerajaan Negeri ini.

Jadi amalan ini, saya tahu memang kadangkala bila kita katakan demikian, Kementerian Pendidikan tentulah menafikan hal ini. Ia akan menafikan tidak, kami akan hanlar guru yang baik-baik. Sebcnanya kita boleh bcri bukti, kalau hendak, di Selangor pun terdapat perkara ini.

Saya menyeru Kementerian Pendidikan, hantarlah guru-guru yang baik. Kalau di sekolah menengah dalam Tingkatan Empat, Lima dan Enam, berilah bantuan guru-guru siswazah juga kepada sekolah-sekolah ini. Tidakkah dihantar guru-guru C1 atau C2 untuk mengajar Tingkatan Lima, ini tentulah tidak sesuai.

Jadi saya percaya walaupun Kementerian Pendidikan juga menghadapi masalah dari segi menempatkan dan mengagihkan guru-gurunya disekolah-sekolah mereka sendiri, tetapi oleh kerana janji hendak bantu ini sudah ada, kenalah tunaikan setakat yang termampu.

Tuan Pengcrusi, saya suka beralih kepada perkara Butiran 040300—Asrama, mukasurat 127 yang diperuntukkan \$86 juta, satu peruntukan yang tinggi kalau dibandingkan dengan tahun 1989 lebih kurang \$70 juta sahaja.

Asrama merupakan satu tempat bagi pelajar-pelajar kila menginap, beristirechat dan juga mengulangkaji pelajaran setelah mereka menghabiskan masa di sekolah dan mereka tidak perlu balik ke rumah masing-masing kerana sebab-sebab tertentu, sama ada jauh daripada rumahnya atau mereka ini dipilih untuk tinggal di asrama disebabkan kebolehan mereka yang mana mereka ini terpilih untuk masuk ke sekolah-sekolah yang berasrama, sama ada sekolah berasrama penuh atau sekolah berasrama biasa.

Apa yang saya hendak tekankan di sini supaya asrama-asrama di luar bandar

khususnya sekolah-sekolah berasrama diberikan kelengkapan yang sempurna dan juga lengkap dengan pengawasan sama ada guru-guru asrama yang mencukupi, termasuklah alat-alat kemudahan perpuslakaan, riadah, tempat menunggu untuk berjumpa ibu-bapa, tempat perbincangan, pendek kata asrama yang lengkap, yang sempurna dan sesuai bagi pelajar-pelajar dan boleh dibanggakan dan boleh diakui sebagai tempat yang sesuai untuk anak-anak kita menimba ilmu pengetahuan selain di waktu di sekolah.

Saya nyatakan di sini kerana asrama-asrama di luar bandar, khasnya kadangkala tidak mendapat kemudahan-kemudahan yang saya nyatakan tadi—tidak dapat disempurnakan dan tidak lengkap, tidak ada perpustakaan yang mencukupi, tidak ada tempat riadah, tidak ada tempat menunggu untuk ibu-bapa berjumpa, tidak ada tanda-tanda keluar masuk yang sempurna dan yang paling penting, saya rasa ialah kawalan kepada asrama ini yang mana guru-guru asrama ataupun warden-warden asrama dan penolong-penolongnya hendaklah sentiasa mengawasi penuntut-penuntut yang tinggal di asrama ini, kerana kemungkinan asrama yang kurang pengawasan ini akan menjadikan penuntut yang liar. penuntut yang tidak dapat dikawal yang mungkin menimbulkan masalah disiplin nanti.

Perkara ini telah berlaku di mana kadangkala di asrama yang tidak dapat dikawal inilah kadang-kadang penuntut-penuntut berbincang sesama sendiri untuk mengambil tindakan kepada guru-guru tertentu umpamanya sehingga peristiwa di mana berlaku guru memukul murid, guru mengambil tindakan, murid sesama murid bergaduh dan sebagainya. Jadi berpunca daripada asrama ini, saya harap pengawalan dan pengawasan hendaklah sentiasa dilakukan oleh pihak-pihak asrama sendiri.

Tuan Pengerusi, sehubungan dengan itu, saya suka merujuk Butiran 040500, muka surat 128—Bantuan Makanan yang diberikan anggaran \$30 juta tahun ini, satu

angka yang hampir satu kali ganda berbanding dengan tahun lepas.

Ini saya ucapkan tahniah, mudah-mudahan dengan anggaran yang tinggi ini, mutu pemakanan di asrama-asrama di sekolah-sekolah akan lebih sempurna dan akan lebih baik lagi. Mudah-mudahan tidak terdengar lagi kes keracunan, kes tidak sempurna makan minum murid-murid kita atau penuntut-penuntut kita di sekolah, tetapi murid-murid sekolah akan mendapat makanan yang bermutu tinggi, yang berzat—yang berkualiti dan yang boleh menjadikan penuntut yang sihat dan sempurna akal dan boleh menimba ilmu pengetahuan.

Jadi saya berharap bantuan makanan ini ataupun saya kira ini akan dapat dilakukan oleh Kementerian Pendidikan bagi memperbaiki keadaan mutu makanan di sekolah-sekolah. Cuma saya ingin menegur berkenaan dengan bantuan makanan ini. Saya tertanya-tanya kerana ada di bawah Kementerian ini lender makanan kesekolah-sekolah berasrama ini pendernya lama sangat, tidak pernah bertukar-tukar. Pernah ada sekolah itu sudah masuk sepuluh tahun barangkali orang itu sahaja. Jadi mungkin ada rundingan atau perbincangan, saya tidak tahu dan ini saya pernah ditanya oleh penender-penender kita yang berminat, kenapa penender-penender ini tidak bertukar-tukar sampai berpuluh-puluh tahun.

Jadi kepada kakitangan Kementerian Pendidikan, kenalah ambil perhatian bagi mengelakkan keraguan orang awam dan menggalakkan pertanyaan orang ramai, elok juga perkara ini saya beritahu Dewan ini supaya kakitangan Kementerian Pendidikan dapat mengambil perhatian.

Selain dari itu, saya suka menyentuh mengenai Bahagian Pendidikan Tinggi, khasnya sekolah-sekolah swasta. Sampailah masa bagi Kementerian Pendidikan ini untuk mengawal sekolah-sekolah swasta ini yang begitu berselerak di seluruh negara dan sama ada dari segi sukatan pelajarannya, mutu pelajarannya dan juga dari segi tenaga pengajarnya, kerana ini penting.

Kita tidak boleh membiarkan Kementerian Pendidikan tidak mengambil berat dalam masalah ini, kerana itu adalah merupakan satu tanggungjawab Kementerian Pendidikan walaupun secara tidak langsung, tetapi asal sebut sahaja pendidikan, saya kira ini mestilah Kementerian Pendidikan mengambil tanggungjawab.

Saya suka mengucapkan tahniah atas tindakan Kementerian ini bagi maksud Butiran 080200, mukasurat 129 mengenai Majlis Peperiksaan yang mana baru-baru ini soal kebocoran telah berlaku.

Soal kebocoran—berita bocor ini selalu disebut dan yang sering dinafikan oleh Kementerian Pendidikan dan pada tahun ini nampaknya tidak dapat hendak dinafikan. Kementerian Pendidikan dan Menteri Pendidikan pun sudah angkat tangan dua belah dalam Perhimpunan Agung UMNO dahulu dan hari ini nampaknya telah dihadapkan ke mahkamah.

Tuan Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Larut, hendak apa?

Tuan Muhd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Tuan Pengerusi, tidakkah Yang Berhormat dari Sabak Bernam itu mengerahui bahawa kebocoran itu bukan kehendak Menteri Pendidikan yang mana mengajar semua orang untuk menjadi insan soleh (*Ketawa*).

Tuan Haji Hussein bin Haji Taib: Terima kasih Yang Berhormat dari Larut. Memanglah saya tidak menyebut ia bukan kehendak Menteri Pendidikan, tetapi ini adalah tanggungjawab Kementerian Pendidikan untuk mengawal seala soalan-soalan peperiksaan supaya tidak bocor, kerana soal kebocoran ini selalu dibangkitkan dan perkara ini tidak dapat dinafikan oleh pihak Menteri atau Timbalan Menteri atau Timbalan Mentecri, ataupun pihak Kementerian Pendidikan sendiri, tetapi tahun ini tidak dapat dinafikan lagi kerana telah terbukti dengan jelas dan pihak

Polis telah mengambil penyiasatan dan hari ini mereka yang bersalah telah dihadapkan ke muka pengadilan. Saya mengucapkan syabas kepada

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Sabak Bernam, boleh sambung sedikit lagi besok.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 3.00 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.